

MEMPERKASAKAN DAYA TAHAN





Kandungan

1.0 Tinjauan Tahun 2021

Mengatasi Sebarang Kemungkinan 6-17

- Pemulihan Tidak Sekata
- Meningkatkan FDI Global, Positif Untuk Malaysia
- Pemulihan Tidak Terjejas di Tengah-tengah Cabaran
- Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF)
- Pelaburan Keseluruhan Diluluskan Pada Tahun 2021

Memajukan Negara 18-21

- Memantapkan Daya Tahan Domestik
- Membina Ekonomi Bersama

Kotak Artikel - Malaysia Kekal Destinasi Pilihan 22-23

Kotak Artikel - Pembangunan Berteraskan ESG 24-25

2.0 Prestasi Sektor Perkilangan

Kebangkitan Prestasi 26-33

- Satu Lagi Tahun Membanggakan
- Prestasi Cemerlang Pelaburan Langsung Asing (FDI)
- Pelaburan Domestik Kekal Berdaya Tahan
- Industri Utama
- Limpahan Peluang Bakat
- CIPE Melengkapi Projek Berkualiti dan Penting
- Pelaburan Mengikut Lokasi
- Pelaksanaan Projek Perkilangan

Menyokong Kelestarian 34-69

- Produk Elektrik dan Elektronik (E&E)
- Aeroangkasa
- Automotif
- Rel
- Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR)
- Jentera & Kelengkapan (M&E)
- Industri Sokongan Kejuruteraan (ESI)
- Produk Logam Asas
- Produk Fabrikasi Logam
- Tekstil dan Pakaian
- Teknologi Binaan
 - Produk Mineral Bukan Logam
 - Sistem Binaan Berindustri (IBS)

- Peranti Perubatan
- Farmaseutikal
- Bioteknologi
- Agro Makanan
- Pemprosesan Makanan
- Produk Makanan Berasaskan Minyak Sawit
- Biojisim Sawit
- Kimia dan Produk Kimia
- Produk Petroleum termasuk Petrokimia
- Produk Plastik
- Produk Getah
- Oleokimia
- Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan
- Kertas, Percetakan dan Penerbitan

Kotak Artikel - Mempercepatkan Kadar Vaksinasi dengan PIKAS 70-71

Kotak Artikel - Memantapkan Ketersediaan Bakat Malaysia 72-73

3.0 Prestasi Sektor Perkhidmatan

Dengan Azam dan Siap Sedia 74-81

Tumpuan Khusus kepada Sektor Perkhidmatan 82-103

- Pertubuhan Global
 - Projek Hab Prinsipal (PH)
 - Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau (RE/RO)
- Perkhidmatan Digital
- Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
- Teknologi Hijau
- Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas
- Logistik
- Penjagaan Kesihatan
- Pendidikan
- Hospitaliti - Hotel & Pelancongan
- Perkhidmatan Lain
 - Hartanah
 - Perkhidmatan Kewangan
 - Utiliti
 - Maklumat dan Komunikasi
 - Perdagangan Pengedaran
 - Pengangkutan

**Kotak Artikel - Pejabat
Pelaburan Digital
(DIO): Pendekatan
Baharu untuk
Menarik Pelaburan
Digital ke Malaysia** 104-105

**Kotak Artikel - Merencanakan
Inisiatif R&D** 106-107

4.0 Prestasi Sektor Utama

**Sektor Utama
Berkembang Pesat** 107-113

- Pertanian
- Perlombongan
- Perladangan dan Komoditi

**Kotak Artikel - Kelonggaran
Syarat Insentif
untuk Projek
Perkilangan
dan Perkhidmatan** 114

**Kotak Artikel - Portal
InvestMalaysia
Atas Talian** 115

**5.0 Kekal Dalam
Laluan Pemulihan** 116-129

6.0 Lampiran 130-141



1.0 Tinjauan Tahun 2021



“Di sebalik tanda-tanda pemulihan yang memberangsangkan di peringkat global, kesan pandemik terus mengakibatkan kemiskinan dan ketidaksamaan di kalangan rakyat di negara-negara membangun seluruh dunia. Penyelarasan usaha di peringkat global adalah penting untuk mempercepatkan pengedaran vaksin dan meringankan kadar keberhutangan, terutamanya bagi negara-negara berpendapatan rendah. Sejurus krisis kesihatan ini mulai reda, penggubal dasar perlu menangani kesan jangka panjang pandemik ini dan mengambil langkah untuk memacu pertumbuhan hijau, berdaya tahan dan inklusif sambil memelihara kestabilan makroekonomi.”

David Malpass, Presiden Kumpulan Bank Dunia





Mengatasi Sebarang Kemungkinan

Pertumbuhan global telah kembali berdasarkan data perdagangan dan pelaburan yang menunjukkan ekonomi dunia menerima faedah pada tahun yang masih berhadapan pelaksanaan sekatan pergerakan dan perintah berkurung bagi mengekang penularan COVID-19. Cabaran masih lagi belum berakhir di mana kunci utamanya bergantung kepada usaha pengedaran vaksin yang akan menentukan sepanas mana ekonomi boleh dibuka semula. Bagi memastikan negara kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik, Malaysia telah melancarkan kerangka pertumbuhan menerusi insentif-insentif strategik untuk jangka masa panjang yang tertumpu ke arah kelestarian serta teknologi.

Pemulihan Tidak Sekata

Susulan pelancaran vaksin, kelonggaran sekatan pergerakan dan pembukaan semula sempadan secara berperingkat, dunia telah melangkah ke tahun kedua penularan pandemik COVID-19 dengan momentum pertumbuhan ekonomi yang utuh. Namun pertumbuhan seluruh dunia kembali perlahan dan tidak sekata menjelang pertengahan tahun ekoran lonjakan jumlah jangkitan virus daripada varian Delta dan Omicron. Akses kepada vaksin dan tahap sokongan dasar juga memainkan peranan penting yang menentukan momentum pertumbuhan di mana Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Membangun (EMDE) yang mempunyai ruang dasar terbatas dan akses vaksin yang terhad mengalami pertumbuhan agak perlahan berbanding ekonomi negara maju.

Pasaran buruh menunjukkan pemulihan pertumbuhan tidak seimbang di seluruh dunia di mana EMDE didapati terjejas teruk berbanding ekonomi maju sekalipun pandemik didapati berupaya merencanakan penggunaan automasi. Berdasarkan kemas kini Januari 2022 Tinjauan Ekonomi Dunia (World Economic Outlook - WEO), Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan peningkatan inflasi pada separuh kedua tahun 2021 akan kekal tinggi dalam tempoh

terdekat. Tinjauan kemas kini bulan Oktober 2021 pula menunjukkan sebab utama kenaikan harga adalah berpunca daripada kesesakan rantaian bekalan ekoran daripada ketidakpadanan permintaan bekalan disebabkan oleh pandemik dan kenaikan harga komoditi.

Laporan WEO oleh IMF pada bulan Januari 2022 juga mengunjurkan KDNK global akan berkembang sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2021 iaitu kekal sepertimana Laporan WEO pada bulan Oktober 2021. Ekonomi maju dijangka berkembang sebanyak 5 peratus atau 0.2 peratus lebih rendah berbanding Laporan WEO bulan Oktober 2021 yang terjejas kerana penurunan kadar pertumbuhan di USA, Jerman dan Jepun. Sebaliknya, IMF mengunjurkan EMDE pula akan berkembang sebanyak 6.5 peratus atau 0.1 peratus lebih tinggi berbanding Laporan WEO bulan Oktober 2021 yang memaparkan peningkatan di kalangan pengeksport komoditi dalam kumpulan yang pelbagai ini. Republik Rakyat China (PRC) dijangka mengalami pertumbuhan KDNK sebanyak 8.1 peratus iaitu 0.1 peratus lebih tinggi berbanding Laporan WEO bulan Oktober 2021, manakala India dijangka meningkat sebanyak 9 peratus iaitu 0.5 peratus lebih rendah daripada kemas kini bulan Oktober tersebut.

Sementara itu, ASEAN-5 diunjurkan berkembang sebanyak 3.1 peratus atau 0.2 peratus lebih tinggi berbanding Laporan WEO bulan Oktober 2021. IMF telah mengemas kini dan menaikkan kadar pertumbuhan KDNK bagi negara membangun berpendapatan rendah sebanyak 0.1 peratus kepada 3.1 peratus berbanding Laporan WEO bulan Oktober 2021. Ini adalah masih jauh lebih rendah daripada unjuran pada bulan Julai 2021 sebanyak 3.9 peratus berikutan kebimbangan terhadap pengedaran vaksin yang perlahan.

Laporan WEO pada bulan Januari 2022 menyatakan bahawa gangguan bekalan pada separuh kedua tahun 2021 yang menggugat aktiviti perkilangan di Eropah dan Amerika Syarikat dan juga peningkatan kes COVID-19 terutamanya di Eropah telah menghinder pemulihan yang lebih menyeluruh. Kelembapan ekonomi PRC pada separuh kedua pula disumbangkan oleh cetusan wabak COVID-19, gangguan bekalan elektrik yang merencatkan sektor perkilangan, kemerosotan pelaburan hartanah dan penarikan pelaburan awam yang lebih awal daripada jangkaan. Walaupun terdapat tanda-tanda pemulihan global pada bulan November, peningkatan dalam perdagangan global dan peningkatan luar jangkaan dalam aktiviti perkhidmatan serta pengeluaran industri hanya sekadar dapat mengimbangi sebahagian penurunan awal sahaja.

Berdasarkan kenyataan IMF, jurang yang luas dan kadar pemulihan di kalangan ekonomi mungkin akan menyebabkan keterkejasaan jangka sederhana kepada EMDE berbanding ekonomi negara termaju. Kesan ke atas ekonomi dan kesihatan di seluruh dunia akan bergantung kepada akses untuk vaksin di mana kebanyakan ekonomi maju dijangka akan mencapai tahap normal dalam jangka masa terdekat berbanding kebanyakan EMDE yang perlu berhadapan dengan masalah jangkitan semula. Aktiviti ekonomi global dijangka kekal perlahan sehingga 2023 di mana pengeluaran ekonomi termaju diunjurkan akan kembali kepada aliran pra-pandemik menjelang tahun 2022 yang sebahagian besarnya adalah hasil sokongan dasar tambahan di Amerika Syarikat.

Sebaliknya, kebanyakan negara lain dunia dijangka akan mengalami jurang pengeluaran negatif dalam tempoh tiga tahun akan datang. Walau bagaimanapun, tindakan Kerajaan untuk menyejajarkan vaksinasi adalah kunci untuk mengehadkan kesan buruk jangka sederhana ke atas ekonomi. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan output keluaran dan pekerjaan yang akan menggalakkan pertumbuhan.

IMF juga memberi amaran tentang impak yang boleh dilihat dalam jangka masa terdekat yang berpunca daripada bencana berkaitan cuaca yang turut memberi kesan limpahan di kawasan luar bencana dan implikasi berpanjangan seperti tekanan migrasi rentas sempadan, tekanan kewangan dan peningkatan kos penjagaan kesihatan. IMF terus menyatakan bahawa terdapat keperluan mendesak dalam menangani isu perubahan iklim ekoran keadaan cuaca melampau yang dialami seluruh dunia. Ini adalah termasuk Malaysia yang menyaksikan bencana banjir terburuk dalam masa 50 tahun pada akhir bulan Disember 2021 berikutan hujan yang berterusan. IMF mengesyorkan tindakan untuk meningkatkan usaha bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, penyediaan tindakan lebih konkrit dalam langkah-langkah dasar agregat seperti hasil cukai yang menyokong objektif dasar alam sekitar dan gabungan dasar yang ideal bagi mencapai penetapan harga lantai karbon antarabangsa dan memenuhi keperluan negara perlu dilaksanakan. Selain itu, IMF juga mencadangkan pelaksanaan program pelaburan hijau sektor awam dan subsidi penyelidikan yang menyokong pembangunan dan penggunaan tenaga bersih baharu serta mengguna pakai teknologi rendah karbon dan skim pemindahan bersasar bagi memastikan peralihan yang adil dan saksama dapat dilaksanakan.

Laporan WEO bulan Januari 2022 turut memberi amaran terhadap risiko besar kepada ekonomi global ekoran krisis kecemasan iklim berterusan yang menyaksikan situasi cuaca melampau di seluruh dunia pada tahun 2021. Ia menyatakan bahawa sekiranya kejadian sedemikian berulang lagi, kesan terburuk kebanyakannya akan menimpa negara berpendapatan rendah dengan

kadar vaksinasi perlahan selain menggugat rantai bekalan di peringkat global. Pihak IMF mendapati bahawa komitmen semasa di bawah Persidangan Perubahan Iklim PBB ke-26 yang diadakan di Glasgow untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau gagal mengekang peningkatan suhu global kepada dua darjah Celsius melebihi paras pra-industri.

Meningkatkan FDI Global, Positif Untuk Malaysia

Pelaburan Langsung Asing (FDI) global berkembang kukuh pada tahun 2021 kepada anggaran USD1.65 trilion berbanding USD929 bilion pada tahun 2020 yang melepasi paras pra COVID-19. Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) menerusi *Investment Trend Monitor* yang diterbitkan pada Januari 2022, menyatakan bahawa ekonomi maju menyaksikan peningkatan terbesar secara keseluruhan dengan anggaran FDI sebanyak USD777 bilion iaitu tiga kali ganda lebih tinggi berbanding tahun 2020. Sementara ekonomi membangun menyaksikan peningkatan aliran FDI sebanyak 30 peratus kepada hampir USD 870 bilion di mana Asia Timur dan Asia Tenggara menyaksikan kenaikan aliran masuk sebanyak 20 peratus. Amerika Latin dan Caribbean mencatatkan pemulihan aliran masuk kepada hampir tahap pra-pandemik. Peningkatan ini juga ditunjukkan oleh Asia Barat, manakala Afrika mencapai peningkatan FDI melebihi dua kali ganda. UNCTAD menyatakan bahawa daripada jumlah peningkatan USD718 bilion dalam aliran FDI untuk 2021, lebih daripada USD500 bilion atau hampir tiga perempat daripada jumlah tersebut direkodkan oleh ekonomi maju. Ekonomi membangun terutamanya negara kurang maju (LDC) menyaksikan pemulihan yang lebih sederhana dalam pertumbuhan FDI.

Aliran masuk ke Amerika Syarikat meningkat lebih dua kali ganda kepada USD323 bilion berpunca daripada lonjakan dalam Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A) rentas sempadan bernilai USD285 bilion, manakala FDI ke EU meningkat sebanyak 8 peratus walaupun aliran ke dalam ekonomi terbesar kekal jauh di bawah paras pra-pandemik. PRC mencatatkan rekod peningkatan FDI sebanyak 20 peratus kepada USD179 bilion,

manakala India menunjukkan pengurangan FDI sebanyak 26 peratus disebabkan oleh tahun asas 2020 yang lebih tinggi kerana terdapat jumlah M&A yang besar. ASEAN menunjukkan peningkatan aliran masuk FDI sebanyak 35 peratus di mana kebanyakan anggotanya merekodkan peningkatan. Aliran masuk FDI ke Brazil pula meningkat dua kali ganda kepada USD58 bilion, manakala aliran masuk FDI ke Afrika Selatan meningkat kepada USD41 bilion yang sebahagian besarnya disumbang oleh perjanjian pertukaran saham.



Keyakinan pelabur paling tinggi dicatatkan dalam sektor infrastruktur di mana bilangan urus janji kewangan projek antarabangsa meningkat sebanyak 53 peratus atau 91 peratus dari segi nilai. Peningkatan ini disumbangkan oleh syarat-syarat pembiayaan jangka panjang yang memberangsangkan, pakej-pakej rangsangan pemulihan dan program-program pelaburan luar negara. Sektor-sektor tenaga boleh diperbaharui dan hartanah perindustrian telah mencatatkan bilangan tertinggi. Terdapat peningkatan yang ketara dalam urus janji kewangan projek di kebanyakan wilayah berpendapatan tinggi termasuk Asia, Amerika Latin dan Caribbean.

Sebagai perbandingan, keyakinan pelabur dalam industri dan rantai nilai global (GVC) pula kekal lemah di mana pengumuman bilangan projek baharu turun satu peratus sementara meningkat sebanyak 7 peratus sahaja dari segi nilai, manakala industri berintensifkan GVC seperti elektronik terus mencatatkan kejatuhan. Bagi keseluruhan sektor perindustrian, purata aktiviti pelaburan baharu kekal 30 peratus di bawah paras pra-pandemik di mana hanya sub-sektor maklumat dan komunikasi di bawah sektor digital sahaja yang mencatatkan pemulihan. Ledakan dalam M&A rentas sempadan adalah paling ketara dalam sektor perkhidmatan manakala bilangan urus janji dalam sub-sektor maklumat dan komunikasi meningkat lebih daripada 50 peratus yang menyumbang kepada lebih satu perempat daripada jumlah bilangan M&A.


Pemulihan aliran FDI dalam sektor-sektor yang berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di kalangan ekonomi membangun kekal rapuh di mana hampir kesemua sektor mengalami kemerosotan sehingga dua digit semasa tempoh pandemik. Gabungan nilai pelaburan baharu dan urus janji kewangan projek yang diumumkan meningkat sebanyak 55 peratus yang kebanyakannya adalah berpunca daripada beberapa urus janji yang besar dalam sektor boleh diperbaharui khususnya dalam tenaga boleh diperbaharui dan utiliti. Bilangan

projek pelaburan berkaitan SDG dalam ekonomi membangun hanya meningkat sebanyak 11 peratus manakala trend pelaburan di Negara Kurang Membangun (LDC) adalah kurang menggalakkan di mana projek SDG didapati semakin menurun sebanyak 17 peratus selepas kejatuhan sebanyak 30 peratus pada tahun 2020.

Malaysia telah mendapat faedah daripada pemulihan aliran FDI global dengan catatan aliran masuk FDI bersih bernilai RM54.9 bilion pada tahun 2021 berbanding RM14.6 bilion pada tahun 2020. Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan negara menerima sebanyak RM24.7 bilion aliran masuk bersih pada suku keempat tahun 2021 yang merupakan aliran masuk tertinggi sejak teretusnya pandemik. Kebanyakan aliran masuk bagi suku terakhir tahun ini adalah daripada pelaburan semula pendapatan yang lebih tinggi. Aliran masuk bersih bagi suku ketiga pula mencatatkan sejumlah RM12.8 bilion manakala suku pertama dan kedua masing-masing mencatatkan RM9.1 bilion dan RM8.2 bilion.

Jumlah stok FDI dalam negara berkembang sebanyak RM26.7 bilion kepada RM796.3 bilion di mana sektor perkilangan merupakan penerima tertinggi FDI sebanyak RM312.3 bilion atau 39.2 peratus daripada jumlah keseluruhan FDI. Aktiviti kewangan merupakan penerima tertinggi dengan

KADAR PERTUMBUHAN FDI MENGIKUT EKONOMI DAN BAGI PROJEK PELABURAN MENGIKUT SEKTOR 2021 VS 2020



Sumber: UNCTAD, pangkalan data FDI/MNE (www.unctad.org/fdisstatistics) untuk FDI, Financial Times Ltd, fDi Markets (www.fDimarkets.com) untuk pengumuman projek FDI greenfield dan Refinitiv SA untuk urus janji kewangan projek antarabangsa.
Nota: Data FDI dalam Monitor Trend ini dianggarkan berdasarkan data suku tahunan di pertengahan tahun. Data projek greenfield dianggarkan berdasarkan sebelas bulan.

Sumber: UNCTAD, Global Investment Trends Monitor Bil. 40

PRESTASI FDI DAN DIA TAHUN 2021


Pelaburan Langsung Asing (FDI)

Aliran masuk bersih
RM24.7b
S321:
Aliran masuk bersih
RM12.8b




Pelaburan Langsung Luar Negara (DIA)

Aliran keluar bersih
RM15.0b
S321:
Aliran masuk bersih
RM4.7b




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

ALIRAN FDI DI MALAYSIA DAN KEDUDUKAN, 2005-2021 DAN S1 2019-S4 2021



ALIRAN DIA DAN KEDUDUKAN, 2005-2021 DAN S1 2019-S4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

sumbangan sebanyak 24.7 peratus yang diikuti oleh perlombongan dan kuari dengan sumbangan sebanyak 6.3 peratus. Singapura kekal sebagai sumber pelaburan utama dengan catatan sebanyak 21.2 peratus yang diikuti oleh Hong Kong sebanyak 10.8 peratus dan Jepun sebanyak 10.4 peratus.

Kedudukan jumlah pelaburan langsung di luar negara (DIA) Malaysia meningkat kepada RM556.7 bilion pada suku keempat tahun 2021 berbanding RM543.9 bilion pada suku terdahulu yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh aktiviti kewangan sebanyak 46.1 peratus atau RM256.7 bilion. Sumbangan sektor perlombongan dan kuari dalam kedudukan DIA adalah sebanyak 11.7 peratus manakala sektor pertanian menyumbang 7.9 peratus. Tiga destinasi tertinggi pelaburan adalah Singapura dengan nilai sebanyak RM109.1 bilion atau 19.6 peratus, Indonesia dengan nilai RM51.9 bilion atau 9.3 peratus dan UK dengan nilai RM35.2 bilion atau 6.3 peratus.

Pemulihan Tidak Terjejas di Tengah-tengah Cabaran


Bagi dua tahun berturut-turut, sebahagian besar prestasi ekonomi Malaysia telah dipengaruhi oleh ketidaktentuan akibat penularan jangkitan COVID-19 dan langkah-langkah yang terpaksa dikenakan untuk membendung penyebaran

virus ini. Bagi mengatasi lonjakan kes akibat gelombang ketiga COVID-19, pada bulan Jun 2021, Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengumumkan 'sekatan pergerakan penuh' di seluruh negara yang lebih dikenali sebagai MCO 3.0 bagi sektor ekonomi dan sosial. Namun bagi mengurangkan impak kepada pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah membenarkan lima sektor ekonomi utama untuk beroperasi iaitu sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan tertentu, perdagangan dan pengedaran serta sektor pertanian dan komoditi.

Menurut DOSM, peratusan KDNK telah meningkat sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2021 berbanding penguncupan sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020. Walaupun prestasi ekonomi pada tahun 2021 masih berada di bawah paras yang dicatatkan pada tahun 2019, data suku keempat tahun 2021 menunjukkan terdapat pemulihan secara beransur-ansur berbanding suku yang sama pada tahun 2019. Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi pada tahun 2021 telah didorong oleh pemulihan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan serta perlombongan dan kuari, manakala sektor pertanian dan pembinaan mencatatkan penurunan.

DOSM menyatakan bahawa momentum pertumbuhan pada suku terakhir tahun 2021

KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) 2019-2021



Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

menandakan pemulihan sedang berlaku meskipun terdapat peningkatan dalam jangkitan wabak COVID-19 dan bencana banjir yang melanda sebahagian negara pada akhir bulan Disember. Ini disokong oleh pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi di mana sebahagian besar daripada negara beralih ke fasa keempat Pelan Pemulihan Nasional (NRP) yang mengandungi empat fasa. Faktor lain yang menyokong pemulihan dalam aktiviti meliputi kebenaran perjalanan merentas negeri berikutan kelonggaran sekatan PKP yang merangsang pelancongan dan perniagaan domestik yang diterajui oleh usahawan tempatan.

Laporan kajian semula Suku Keempat Tahun 2021 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan bahawa pemulihan dalam aktiviti ekonomi telah disokong oleh pemulihan dalam pasaran buruh di mana kadar pengangguran didapati menurun sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2021. Sokongan dasar yang berterusan, permintaan luar yang kukuh dan peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah turut memberikan sokongan lanjut kepada ekonomi. BNM menjangkakan negara akan terus beroleh manfaat daripada pengembangan aktiviti ekonomi dan perdagangan global.

Seperti yang dinyatakan oleh IMF dan organisasi antara kerajaan yang lain, kelancaran program vaksinasi merupakan kunci kepada pemulihan mampan terhadap petunjuk kesihatan dan ekonomi sesebuah negara. Malaysia merupakan salah satu negara yang telah melaksanakan pengedaran vaksin terpanjang di dunia, di mana hampir keseluruhan populasi dewasa telah menerima vaksin sepenuhnya menjelang akhir tahun 2021, manakala hampir 90 peratus remaja berumur antara 12 dan 17 tahun telah menerima vaksin sepenuhnya (dua dos). Secara keseluruhan, data Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan hampir empat perlima penduduk telah divaksin sepenuhnya menjelang akhir tahun di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bermula pada awal tahun 2021.

Malaysia melaksanakan pendekatan secara menyeluruh yang melibatkan bukan sahaja

kementerian tetapi juga pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan masyarakat bagi mencapai sasaran vaksinasi. Antara langkah penting yang diambil oleh KKM adalah memastikan setiap individu dewasa di ibu kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sekitar negeri Selangor yang berperanan penting dari segi ekonomi dan kepadatan penduduk mendapat vaksin sepenuhnya melalui program Operasi Lonjakan Kapasiti ketika kemuncak gelombang jangkitan COVID-19 yang ketiga dan paling dahsyat. Seterusnya, model operasi ini telah direplikasi ke kawasan lain di seluruh negara untuk memastikan pelancaran vaksin yang lebih pantas dan cekap menjelang separuh kedua tahun 2021.

Selain pengedaran vaksin, Kerajaan Malaysia terus menyokong ekonomi, perniagaan dan komuniti melalui beberapa langkah dan pakej bantuan. Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi bernilai RM150 bilion atau lebih dikenali dengan singkatan PEMULIH telah diumumkan pada akhir bulan Jun 2021 untuk menyokong NRP melalui pengekalan program bantuan terdahulu, menyokong perniagaan, meningkatkan kadar vaksinasi dan melengkapkan usaha untuk memacu negara ke arah pemulihan. Selain PEMULIH, bantuan tambahan bernilai RM75 bilion telah dilancarkan di antara bulan Januari dan Mei 2021 yang bertujuan untuk menyokong perniagaan, penjagaan kesihatan dan bantuan bersasar kepada individu dan subsidi gaji di bawah pakej PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+.

Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF)

Pelaburan Malaysia dalam aset tetap yang diukur berdasarkan Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF) mencatatkan jumlah sebanyak RM278.5 bilion pada tahun 2021 berbanding RM281.1 bilion pada tahun terdahulu. Suku akhir tahun 2021 menyaksikan penurunan GFCF sebanyak 3.3 peratus, walaupun pelaburan aset tetap berdasarkan pelarasan asas suku ke suku mencatatkan peningkatan sebanyak 10.9 peratus.

Sektor swasta menyumbang sebanyak 77.6 peratus kepada GFCF negara manakala sektor awam menyumbang 22.4 peratus pada tahun 2021.

Pelaburan Keseluruhan Diluluskan pada tahun 2021

Malaysia merekodkan jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM306.5 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama bagi tahun 2021 yang menunjukkan lonjakan tinggi sebanyak 83.1 peratus berbanding tahun 2020. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 4,564 projek dan dijangka akan menjana sebanyak 105,012 peluang pekerjaan. Sektor perkilangan merekodkan pelaburan tertinggi bagi tahun ini dengan catatan sebanyak RM195.1 bilion (63.7%) diikuti oleh sektor perkhidmatan sebanyak RM94.1 bilion (30.7%) dan sektor utama sebanyak RM17.3 bilion (5.6%).

Negara kekal sebagai lokasi pelaburan yang berdaya saing di kalangan pelabur asing meskipun berhadapan pelbagai cabaran di peringkat global. FDI menyumbang melebihi 60 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dengan nilai sebanyak RM208.6 bilion. Dari segi kedudukan, Belanda, Singapura, PRC, Austria dan Jepun merupakan lima sumber pelaburan asing tertinggi yang menyumbang sebanyak RM185.5 bilion atau 89.9 peratus daripada jumlah FDI yang diluluskan di Malaysia. Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang sebanyak RM97.9 bilion daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. DDI adalah tertumpu dalam sektor hartanah, perlombongan, perkhidmatan kewangan dan utiliti manakala FDI pula tertumpu dalam sektor E&E, logam asas, pertubuhan global dan perlombongan.

Pelaburan Perkilangan Melonjak Semula


Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan menyumbang hampir dua pertiga daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan di dalam negara dengan nilai sebanyak RM195.1 bilion menerusi 702 projek. Ini merupakan peningkatan ketara berbanding tahun 2020 di mana sebanyak RM91.3 bilion diluluskan menerusi 1,050 projek. Bilangan projek baharu adalah sebanyak 386 atau 55 peratus daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan, manakala baki 316 projek atau 45 peratus adalah merupakan projek pembesaran/pelbagaian. Projek perkilangan yang diluluskan ini dijangka akan mewujudkan 74,575 peluang pekerjaan dalam pelbagai jawatan peringkat pengurusan, teknikal dan mahir. Penekanan dalam menjana peluang pekerjaan berkualiti untuk Malaysia mencerminkan peralihan kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan.

Peningkatan Minat dalam Perkhidmatan


Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang kedua terbesar bagi pelaburan yang diluluskan untuk tahun ini. Pelaburan bernilai RM94.1 bilion telah diluluskan dalam sektor ini pada tahun 2021 menerusi 3,803 projek yang dijangka akan mewujudkan sebanyak 29,909 peluang pekerjaan kepada negara. Susulan pembukaan semula lebih banyak subsektor perkhidmatan dan kelonggaran PKP, jumlah pelaburan yang diluluskan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 34.4 peratus. Syarikat domestik menyumbang sebanyak 73.5 peratus atau

PELABURAN KESELURUHAN SEKTOR SWASTA DI MALAYSIA TAHUN 2021

Pelaburan Domestik berbanding Asing



105,012
Jumlah Peluang Pekerjaan




RM69.2 bilion daripada pelaburan yang diluluskan sementara sumber asing menyumbang baki sebanyak 26.5 peratus atau RM24.9 bilion. Prestasi ini menunjukkan kepentingan syarikat perkhidmatan domestik dalam memacu ekonomi tempatan dalam tempoh mencabar ini. Majoriti pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan adalah dalam subsektor hartanah, perkhidmatan kewangan, utiliti, maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan sokongan.

dan komoditi. Sebanyak 59 projek telah diluluskan pada tahun 2021 dengan nilai pelaburan sebanyak RM17.3 bilion iaitu peningkatan ketara berbanding RM6.1 bilion yang diluluskan pada tahun 2020. Daripada jumlah keseluruhan kelulusan pada tahun 2021, RM13.2 bilion (76.3%) adalah disumbangkan oleh pelaburan domestik manakala pelaburan asing mencatatkan RM4.1 bilion (23.7%). Pelaburan ini dijangka akan menawarkan sebanyak 528 potensi peluang pekerjaan.

Pelaburan Sektor Utama yang Meningkatkan

Sektor utama terdiri daripada tiga subsektor penting iaitu pertanian, perlombongan serta perladangan

PELABURAN DOMESTIK BERBANDING ASING MENGIKUT SEKTOR TAHUN 2021





Memajukan Negara

Untuk kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan dan seiring dengan komitmen terhadap kelestarian, Malaysia mengambil pendekatan berfokus dengan sokongan langkah-langkah yang berpandukan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) iaitu rangka kerja pembangunan yang menyelaraskan semua dasar, strategi dan pelan tindakan dengan memastikan insentif dan tunjang utama sentiasa yang terkini dan lebih baik.

Memantapkan Daya Tahan Domestik

Memandangkan Malaysia telah beransur pulih daripada gelombang terkini pandemik COVID-19 yang berpunca daripada varian Omicron dan sedang beralih ke era endemik, keperluan bagi memastikan landskap perniagaan kekal kondusif pastinya menjadi keutamaan bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kemampanan. Oleh itu, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan beberapa insentif baharu untuk menarik pelabur menempatkan atau mengembangkan operasi mereka di negara ini. Sebagai tunjang di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MIDA sentiasa bekerjasama erat dengan pelabur dan bersedia menawarkan fasiliti sehingga ke peringkat pelaksanaan projek.

Untuk memantapkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan, beberapa cadangan bernilai yang unik kepada negara serta pemangkin utama seperti insentif strategik, rantaian domestik yang kukuh, tenaga kerja berbakat, infrastruktur serta mekanisme kawal selia dan institusi telah dipertingkatkan. Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang merupakan rangka kerja pertumbuhan jangka panjang yang akan dilancarkan untuk memangkin pelaburan bagi merangsang pemulihan ekonomi dengan pendekatan yang lebih tertumpu dan selari dengan setiap dasar yang berkaitan dengan pelaburan. NIA ini adalah dipacu oleh Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030) yang merupakan pelan tindakan untuk meningkatkan perpaduan sosio-ekonomi dan merangkumi piawaian ESG yang selaras dengan

agenda kelestarian dan pertumbuhan hijau. (Maklumat lanjut mengenai NIA/ESG boleh didapati dalam Kotak Artikel di muka surat 24-25)

Insentif lain yang ditawarkan adalah termasuk insentif cukai khas yang asalnya ditawarkan bagi sektor perkilangan pada tahun 2020 telah diperluaskan untuk meliputi sektor perkhidmatan di bawah Bajet 2021. Insentif ini bertujuan untuk merangsang pemulihan ekonomi dengan menjadikan negara destinasi pilihan bagi aktiviti-aktiviti bernilai tinggi. Di antara aktiviti bernilai tinggi yang diluluskan di bawah insentif ini ialah projek bernilai RM42.2 bilion untuk mengeluarkan modul solar dan sel di Kulim Hi-Tech Park. Setakat ini, tiga syarikat telah menerima tawaran insentif cukai khas ini daripada 22 syarikat yang ditawarkan.

Bagi merancang penggunaan automasi pada tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan Geran Automasi Pintar (SAG) sebanyak RM100 juta di bawah pakej rangsangan PENJANA dengan tambahan RM50 juta lagi di bawah pakej bantuan PEMERKASA. SAG menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana serta syarikat pertengahan untuk mengguna pakai automasi dan pendigitalan dalam proses pengeluaran serta operasinya. SAG ditawarkan dalam bentuk geran padanan 1:1 sehingga jumlah maksimum sebanyak RM1 juta bagi setiap syarikat. Sehingga November 2021, geran bernilai RM99.5 juta telah diluluskan kepada 167 syarikat yang meliputi industri plastik, kayu, perabot, tekstil serta perkhidmatan tertentu.

MIDA juga telah melancarkan penggerak pelaburan utamanya seperti Unit Penyelaras Kemajuan Projek (PACU) dan Pusat Sehati (OSC) untuk Pelawat Perniagaan dalam memastikan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Dalam menangani perubahan global yang dinamik, MIDA turut mengkaji semula insentif-insentif tertentu untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan dalam menarik pelaburan berkualiti ke dalam negara. Ini adalah termasuk lanjutan insentif cukai untuk Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR) dan Hab Prinsipal (PH) sehingga tahun 2022, memperkenalkan insentif Pusat Dagangan Global (GTC) untuk meningkat dan memudahkan insentif cukai bagi aktiviti perdagangan, perluasan Insentif Cukai Khas di bawah PENJANA kepada sektor perkhidmatan terpilih, perluasan insentif cukai Teknologi Hijau bagi meliputi projek Sistem Penuaian Air Hujan (RHS) dan pengenalan Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) untuk menggalakkan projek digital berkualiti di Malaysia.

Pelan Pemulihan Negara (NRP) merupakan pelan hala tuju yang meliputi empat fasa untuk mengatasi krisis COVID-19 dan kembali kepada keadaan normal pasca pandemik yang meliputi pembukaan semula ekonomi secara berperingkat. NRP juga berperanan sebagai rujukan untuk mengukuhkan keyakinan perniagaan untuk merancang dalam tempoh tidak menentu ini. MIDA sentiasa melaksanakan pendekatan ekosistem untuk mempromosikan keseluruhan rantaian nilai kluster industri dan menjadikan Malaysia sebagai pangkalan pilihan alternatif di Asia dengan memastikan daya tahan rantaian bekalan syarikat. Syarikat asing digalakkan untuk menempatkan atau mengembangkan perniagaan di Malaysia yang disokong oleh syarikat domestik sebagai pembekal yang boleh dipercayai, susulan integrasi mereka dalam rangkaian rantaian bekalan MNC global.

MIDA akan terus menarik pelaburan berkualiti dengan pengkhususan utama dalam lapan sektor strategik dan berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu sektor-sektor E&E, perkhidmatan global, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim. Memandangkan situasi semasa pandemik meninggalkan kesan ke atas keselamatan kesihatan, pekerjaan dan perniagaan, Kerajaan juga telah mempergiatkan usaha pendigitalan bagi memudahkan perjalanan perniagaan pelabur di negara ini. RMK-12 akan melengkapkan Pelan Induk

Perindustrian Baharu (NIMP) yang merupakan satu rangka kerja untuk menggarap fasa pertumbuhan ekonomi seterusnya bagi tempoh 2021- 2030. NIMP juga telah memberikan lebih penekanan ke atas sektor perkhidmatan dengan tumpuan terhadap subsektor yang mempunyai aktiviti bernilai ditambah tinggi yang ada nilai dagangan, berintensifkan pengetahuan tinggi, memiliki rantaian dengan seluruh ekonomi dan berpotensi untuk menjana pekerjaan berpendapatan tinggi.

Seterusnya, MIDA sentiasa menyasarkan projek perkilangan dan perkhidmatan yang berteknologi maju seiring dengan perkembangan terkini termasuk Industri 4.0. Berdasarkan evolusi pesat industri selaras dengan kemajuan teknologi dalam sistem siber-fizikal, Malaysia perlu bergerak seiring aliran ini untuk kekal berdaya saing dalam landskap perniagaan global. Usahasama dengan pemain global dalam sektor bernilai tinggi seperti ICT, analisis data serta rekabentuk dan pembangunan akan memainkan peranan penting dalam memacu syarikat Malaysia untuk menerajui rantaian nilai global sambil meningkatkan bilangan juara tempatan.

“
Usahasama dengan pemain global dalam sektor bernilai tinggi seperti ICT, analisis data serta rekabentuk dan pembangunan akan memainkan peranan penting dalam memacu syarikat Malaysia untuk menerajui rantaian nilai global sambil meningkatkan bilangan juara tempatan.

R&D dan inovasi merupakan pemboleh utama kepada ekonomi digital. Untuk memastikan dasar R&D adalah berkesan dan kesan limpahannya dapat dimanfaatkan, Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986 telah dipinda untuk mencerminkan definisi R&D baharu melalui Akta Kewangan, 2018. Seterusnya, definisi ini telah dipinda sekali lagi melalui Rang Undang-undang Kewangan 2022 pada 8 November 2021. Pindaan yang terkini ini turut meliputi maklumat mengenai peruntukan peralihan bagi kebolegunaan definisi R&D baharu kepada syarikat sedia ada yang telah diluluskan Status R&D dan keperluan terhadap pemantauan Status R&D bagi setiap lima tahun. Ini adalah untuk memastikan

syarikat yang menjalankan aktiviti R&D berupaya menawarkan penyelesaian tempatan menggunakan pembangunan teknologi terkini yang menyasarkan keperluan dan keutamaan Malaysia.

Membina Ekonomi Bersama

Pelaburan domestik memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan pembangunan perindustrian Malaysia.

RMK-12 dan NIMP-bertempoh 10 tahun menggariskan langkah strategik dalam pengukuhan dan transformasi pelabur domestik. MIDA terus mengenal pasti potensi perkongsian di antara syarikat MNC asing dan syarikat domestik dengan menggalakkan syarikat MNC untuk memanfaatkan peluang penyumberan luar yang ditawarkan oleh syarikat Malaysia, mengukuhkan sokongan bagi pemerolehan teknologi di kalangan syarikat milik tempatan dan meningkatkan tahap syarikat tempatan untuk mencapai pematuhan piawaian/sijil antarabangsa menerusi rangkaian tempatan dan globalnya luas.

Strategi MIDA untuk menggalakkan pelaburan domestik adalah termasuk membantu syarikat domestik mengguna pakai teknologi IR4.0 dengan menawarkan pelbagai insentif, menggalakkan pendigitalan proses perniagaan, mengembangkan rangkaian domestik melalui penggunaan input domestik dan pengembangan rantai bekalan domestik dan meningkatkan kompleksiti ekonomi melalui pembangunan produk dan perkhidmatan yang canggih.

Untuk melaksanakan strategi ini, rangka kerja telah dibangunkan untuk melengkapinya pertumbuhan syarikat domestik melalui pelaksanaan inisiatif Platform Penyelarasan Pelaburan Domestik (DICP), Program Kerjasama *Triple Helix*, Meja Pelaburan PKS, penglibatan dengan persatuan perdagangan dan dewan perniagaan, seminar pelaburan domestik dan program rantai industri.

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) tertumpu untuk membantu syarikat milik Malaysia dalam industri yang disasarkan untuk meneroka industri yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Matlamat DISF adalah untuk memanfaatkan peluang penyumberan luar yang ditawarkan oleh syarikat MNC yang beroperasi di Malaysia, mempergiatkan pemerolehan teknologi di kalangan syarikat domestik dan memudahkan syarikat memperoleh piawaian/pensijilan antarabangsa dalam industri-industri strategik.

DICP pula menyediakan pelbagai khidmat nasihat dan jenis kemudahan yang merangkumi padanan perniagaan, akses kepada sumber modal (hutang dan ekuiti) serta membantu dalam Tawaran Awam Permulaan (IPO) selain menyelaras dan mengatur Penggabungan Dan Pengambilalihan (M&A), pelupusan dan pengambilalihan.

Program Penyelarasan Rantai Bekalan menggalakkan kerjasama strategik di antara syarikat domestik dengan MNC, institusi kewangan dan pembekal teknologi dengan objektif untuk menaiktaraf rantai bekalan tempatan dengan keupayaan teknologi.

KEDUDUKAN KUKUH MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL




Malaysia Kekal Destinasi Pilihan

Di sebalik ketidaktentuan ekonomi ekoran penularan pandemik COVID-19 yang berterusan dan susulan sekatan pergerakan yang dikenakan oleh pihak Kerajaan di seluruh dunia, Malaysia masih kekal sebagai lokasi menarik di Asia di kalangan pelabur asing dan domestik, terutamanya dalam sektor perkilangan bernilai tinggi dan perkhidmatan global. Kekuatan asas negara, bersama dasar Kerajaan yang pro-perniagaan, telah memastikan tahap pelaburan dalam bidang ini terus kekal utuh.

Ini terbukti menerusi jumlah pelaburan yang diluluskan dan pengumuman projek-projek berkualiti di sepanjang tahun 2021. Malaysia mencatatkan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM306.5 bilion dalam ekonomi (sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama) pada tahun 2021. Pelaburan ini melibatkan sejumlah 4,564 projek yang bakal menjana sebanyak 105,012 pekerjaan. FDI menyumbang hampir 68.1 peratus (RM208.6 bilion) manakala DDI menyumbang baki sebanyak 31.9 peratus, atau RM97.9 bilion.

Dalam dua tahun kebelakangan ini sahaja, Malaysia telah berjaya menarik pelaburan daripada beberapa MNC termasuk syarikat-syarikat Fortune 500 dalam industri termaju dan berteknologi tinggi. MNC sedia ada juga terus melaksanakan pelaburan semula secara besar-besaran ke atas produk dan aktiviti bernilai tinggi di negara ini — ini membuktikan kedudukan nilai Malaysia yang terus diyakini oleh para pelabur. Pelaburan semula oleh syarikat sedia ada ini juga mencerminkan kejayaan berterusan negara untuk terus mengekal dan menggalakkan operasi bernilai tinggi di kalangan MNC di Malaysia.





Kerajaan berada di barisan hadapan untuk menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi dalam bidang teknologi dan inovasi bagi meletakkan Malaysia sebagai hab rangkaian bekalan alternatif di Asia. Syarikat yang berpangkalan di sini boleh memanfaatkan peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia yang saling melengkapi dengan rakan serantaunya untuk mencerna peluang pertumbuhan dan pembangunan seterusnya.

MIDA sentiasa mengekalkan peranannya yang kritikal dan utama dalam menyumbang secara signifikan kepada kepesatan pembangunan perindustrian di Malaysia khususnya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan menerusi penggalakan kedua-dua FDI dan DDI. Menerusi kajian-kajian semula dasar dan pendekatan yang disasarkan, Kerajaan sentiasa memastikan Malaysia akan kekal sebagai lokasi pelaburan pilihan di rantau Asia menerusi persekitaran pelaburan berkualiti yang menggalakkan. MIDA sentiasa mengadakan rundingan berterusan dengan syarikat-syarikat ternama di dunia dalam pelbagai sektor seperti automotif, kimia dan elektronik termaju serta berintensifkan teknologi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab perkilangan bernilai tinggi dan rangkaian bekalan global termasuk hab perkhidmatan dan operasi serantau.

Ketersediaan infrastruktur unggul, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan perbankan, industri sokongan serta tenaga kerja mahir dan terlatih

Kedudukan strategik di pinggir Asia Pasifik dan di tengah-tengah ASEAN



Peluang pasaran yang ditawarkan menerusi 16 Perjanjian Perdagangan Bebas



Kelebihan Malaysia

Diiktiraf di peringkat global sebagai destinasi pelaburan yang menarik



Malaysia diiktiraf di peringkat global sebagai lokasi perniagaan yang menarik - berdasarkan *IMD Competitiveness Yearbook 2021* (Tempat ke-25) dan *Global Opportunity Index 2022* oleh Bloomberg (Negara Teratas bagi Negara Baru Muncul Asia Tenggara untuk Pelaburan Asing)



Memiliki salah satu ekosistem paling komprehensif di rantau ini bagi industri seperti E&E, M&E, aeroangkasa, automotif dan peranti perubata



Strategi berterusan untuk merangsang pembangunan perniagaan tempatan

Dasar yang menggalakkan kerjasama teknologi seperti Industry4WRD, JENDELA dan Revolusi Perindustrian Keempat Kebangsaan (4IR) untuk meneliti teknologi baru muncul seperti *Big Data Analytics*, Pengkomputeran Awan, *Artificial Intelligence* (Kepintaran Buatan) dan *Internet of Things*



Pembangunan Berteraskan ESG


Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) merupakan rangka kerja yang menetapkan keutamaan dalam menarik pelaburan yang menyumbang kepada nilai impak ekonomi yang tinggi dan mematuhi piawaian yang digariskan bagi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

NIA dipacu oleh Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030) iaitu pelan tindakan sosio-ekonomi komprehensif yang berhasrat untuk meningkatkan tahap pendapatan rakyat Malaysia menerusi pembangunan lestari dengan pengagihan kemakmuran secara adil dan saksama. NIA tertumpu ke arah kepaduan

yang merentasi semua dasar dan inisiatif negara yang melibatkan pelaburan, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu (IMP Baharu) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Di bawah NIA, strategi pelaburan akan menetapkan keutamaan dalam pelaburan teknologi tinggi dan lestari serta mempertingkatkan inovasi bagi mencapai keseimbangan di antara kelestarian ekonomi dan alam sekitar yang berpaksikan penanda aras ESG global untuk menyokong pertumbuhan seluruh rantaian bekalan dan nilai.

◆ NIA menetapkan lima parameter teras seperti berikut:



Lima parameter teras ini bertujuan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan nilai tambah tinggi yang mempunyai input R&D dan inovasi tempatan yang tinggi; menawarkan pendapatan lebih tinggi menerusi pekerjaan berkemahiran tinggi; membangunkan syarikat tempatan mampan yang dapat berkembang dan mengintegrasikan hubungan domestik ke dalam rantaian bekalan serantau dan global; membangunkan kluster industri baharu dan sedia ada serta; mempertingkatkan keterangkuman yang mendukung agenda SPV 2030. Parameter teras ini bukan sahaja akan menyokong pertumbuhan jangka panjang negara tetapi juga membuka laluan kepada pelabur untuk mendapat akses kepada peluang pasaran baharu.



- ◆ Sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti seiring dengan amalan yang berasaskan ESG adalah merangkumi:


Perkilangan
Transformasi untuk memacu peningkatan pengilangan produk lestari seperti kenderaan elektrik (EV) dan pelaksanaan amalan ESG sepertimana yang mempunyai kesan sosial yang positif

Sektor Perkhidmatan
Pelaksanaan amalan ESG terkini dalam perkhidmatan seperti pawaian tadbir urus korporat dan pelaburan lestari

Sektor Berteknologi Tinggi
Integrasi teknologi termaju berdasarkan arah aliran ESG terkini seperti pusat data hijau


Tenaga dan Kuasa
Mempercepatkan peralihan industri tenaga dan utiliti ke arah sumber boleh diperbaharui

- ◆ Kini pelabur semakin cenderung menyokong agenda ESG yang menjadi faktor penentu dalam memilih hab perkilangan yang bersesuaian. Pematuhan piawaian ESG mempengaruhi keputusan syarikat kerana dapat menjamin pertumbuhan perniagaan yang mampan. Satu faktor utama yang akan menentukan destinasi FDI dan seterusnya keputusan untuk menubuhkan operasi pengilangan adalah akses kepada tenaga boleh diperbaharui. Ini adalah penting memandangkan lebih 68 peratus destinasi eksport Malaysia adalah Singapura, PRC, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, Thailand, Republik Korea dan Vietnam yang merupakan negara-negara yang giat menitik beratkan harga karbon. Selain itu, syarikat-syarikat Malaysia juga perlu mengambil kira cukai sempadan karbon EU yang bakal dilaksanakan menjelang tahun 2023.



2.0

Prestasi Sektor Perkilangan



“Pengilang kini perlu fokus kepada dua transformasi yang meliputi pendigitalan pintar dan pendekatan bermatlamatkan ESG. Dengan pelaksanaan yang berkesan, kedua-dua transformasi ini akan saling melengkapi untuk menjana persaingan yang sihat di antara syarikat di samping menjamin kesejahteraan persekitaran.”


Stéphane Souchet
Ketua Sektor Global,
Perindustrian Pengilangan KPMG International





Kebangkitan Prestasi

Sektor perkilangan Malaysia menyaksikan pencapaian yang membanggakan menerusi peningkatan pelaburan lebih dua kali ganda berbanding tahun 2020. Keyakinan pelabur asing ditunjukkan menerusi sumbangan lebih 90 peratus daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan negara.



Pandemik COVID-19 terus menjadi topik utama di sepanjang tahun 2021 terutamanya kemunculan varian Delta pada awal tahun serta Omicron pada akhir tahun. Sekatan dan kawalan pergerakan telah memesatkan kemunculan beberapa trend bagi mengekalkan kesinambungan dan daya tahan perniagaan dalam sektor perkilangan di seluruh dunia.

Trend ini meliputi peningkatan penggunaan automasi dan teknologi perkilangan pintar seiring Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) seperti *Internet of Things* (IoT), kecerdasan buatan (AI), pembelajaran mesin dan *big data analytics*. Walaupun penggunaan teknologi ini boleh meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja terutamanya buruh asing, teknologi ini masih memerlukan peningkatan kemahiran dan latihan semula pekerja.

Trend lain seperti adaptasi 3D atau pengilangan aditif akan melibatkan prototaip pantas serta pengeluaran komponen yang lebih cepat bagi sektor perkilangan terutamanya dalam industri aeroangkasa, pertahanan dan automotif. Pengilangan aditif juga akan meluaskan ruang dalam merekabentuk, meningkatkan produktiviti dan mempercepatkan kemasukan ke pasaran.

Pengilangan hijau juga kini semakin meningkat. Kebanyakan syarikat serta badan kerajaan telah memberi perhatian yang lebih khusus terhadap keperluan ESG, terutamanya ekoran peningkatan kos tenaga dan bahan dengan peraturan yang lebih ketat. Produk pada masa kini direkabentuk agar dapat

memberi ketahanan yang lebih baik, mudah dibaiki dan boleh kitar semula serta berkecekapan tenaga.

Berdasarkan laporan *World Manufacturing Production* oleh UNIDO (Organisasi Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), sektor perkilangan menunjukkan peningkatan daripada 6.8 peratus pada tahun 2020 kepada 12 peratus pada suku pertama tahun 2021 iaitu 17.7 peratus pada suku kedua dan 5.7 peratus pada suku ketiga berbanding suku yang sama pada tahun 2020.


Satu Lagi Tahun Yang Membanggakan

Sektor perkilangan Malaysia kekal kukuh sepanjang tahun walaupun berhadapan pelbagai cabaran. Di antaranya, daripada pelaburan yang diluluskan sebanyak RM98.7 bilion pada suku pertama tahun 2021, sektor perkilangan telah menyumbang sebanyak RM59.4 bilion atau 60.2 peratus daripada jumlah keseluruhan. Aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) pula kekal kukuh pada kadar 89.1 peratus daripada jumlah pelaburan dalam sektor itu.

Meskipun pertumbuhan dalam sektor perkilangan agak perlahan pada suku kedua tahun 2021, pelaburan baharu telah menyumbang sebanyak RM16.4 bilion dan meningkat pada suku ketiga dengan pelaburan sebanyak RM28.1 bilion. Menjelang akhir tahun 2021, FDI meningkat sebanyak tiga kali ganda dengan jumlah pelaburan bernilai RM179.6 bilion (92.1%) berbanding tahun 2020 sebanyak RM56.6 bilion, manakala DDI pula mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM15.5 bilion (7.9%).


SOROTAN UTAMA SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021

Sektor Perkilangan Tahun 2021



Meskipun pertumbuhan dalam sektor perkilangan agak perlahan pada suku kedua tahun 2021, pelaburan baharu telah menyumbang sebanyak RM16.4 bilion dan meningkat pada suku ketiga dengan pelaburan sebanyak RM28.1 bilion.

Pelaburan Domestik berbanding Asing



↑ **3X** meningkat tiga kali ganda berbanding tahun 2020 sebanyak RM56.6 bilion

RINGKASAN INDUSTRI


Pelaburan Domestik berbanding Asing




Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu



Pelaburan Domestik Diluluskan



Pelaburan Asing Diluluskan




74,575
Peluang Pekerjaan Baharu

5 Projek Teratas Pelaburan Domestik



Produk getah, kimia & produk kimia dan E&E membentuk 57.4% daripada jumlah DDI yang diluluskan

5 Projek Teratas Pelaburan Asing



5 industri teratas ini merangkumi 97.3% daripada jumlah FDI

Sektor perkilangan menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia hasil dari kepesatan penggunaan automasi dan teknologi berkaitan IR4.0. Menurut laporan *International Institute for Management Development's (IMD)*, Malaysia menduduki tempat ke-25 (daripada 64 ekonomi).

la merupakan peningkatan daripada kedudukan ke-27 pada tahun 2020 dan meletakkan Malaysia di tempat kedua dalam kalangan lima negara anggota ASEAN yang disenaraikan mendahului Thailand (ke-28), Indonesia (ke-37), dan Filipina (ke-52).

Prestasi Cemerlang Pelaburan Langsung Asing (FDI)

FDI terus kekal menjadi tunjang utama kepada jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia, di mana dasar dan inisiatif pro-perniagaan Malaysia dalam menggalakkan pelaburan asing ternyata mencapai kejayaan memberangsangkan. Ini termasuk Pusat Sehenti (OSC) dan Pusat Ketibaan Pelawat Perniagaan. Program 'Welcoming Investors, Keeping You Safe' oleh MIDA adalah bahagian tunjang dalam fungsi OSC yang diwujudkan untuk mempercepatkan proses pelabur dalam membuat perancangan perniagaan di Malaysia.

Sepanjang tahun 2021, pelabur asing menyumbang sebahagian besar kepada jumlah pelaburan baharu sebanyak RM153.4 bilion, manakala baki sebanyak RM41.7 bilion adalah daripada projek pembesaran/pelbagaian.

Pelaburan asing lebih tertumpu kepada industri E&E bernilai ditambah tinggi dengan pelaburan berjumlah RM146.3 bilion atau 81.5 peratus daripada jumlah FDI. Industri lain yang menyumbang FDI tertinggi adalah produk logam asas (RM19.2 bilion), pengilangan makanan (RM3.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.5 bilion), peralatan saintifik dan pengukuran (RM2 bilion) dan kelengkapan pengangkutan (RM1.2 bilion).

Belanda mendahului senarai negara yang menyumbang pelaburan asing sebanyak RM74.9 bilion, diikuti negara jiran Singapura (RM46.6 bilion), Austria (RM18.9 bilion), Republik Rakyat China, PRC (RM16.6 bilion) dan Jepun (RM7.5 bilion). Kesemua lima negara ini menyumbang sejumlah RM164.5 bilion (91.6%) daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tahun 2021.

Pelaburan Domestik Kekal Berdaya Tahan

Meskipun FDI menyumbang sebahagian besar jumlah pelaburan ke dalam sektor perkilangan pada tahun 2021, pelaburan langsung domestik (DDI) juga memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Pada tahun 2021, DDI dalam sektor perkilangan menyumbang sebanyak RM15.5 bilion di dalam projek baharu. Tiga industri yang paling banyak menarik DDI adalah produk getah berjumlah RM4.9 bilion, diikuti oleh kimia dan produk kimia (RM2.3 bilion), dan E&E (RM1.7 bilion). Industri-industri ini menyumbang

sebanyak 57.4 peratus daripada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan. Ini diikuti oleh pengilangan makanan (RM1.6 bilion), produk fabrikasi logam (RM1.2 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM992.1 juta), M&E (RM576.9 juta), produk plastik (RM488.6 juta), kertas, percetakan & penerbitan (RM329.8 juta), produk mineral bukan logam (RM311.3 juta), produk logam asas (RM264.7 juta), dan perabot dan kelengkapan (RM203.4 juta).

Industri Utama

Sebagai hab perkilangan global utama untuk E&E, industri ini ternyata menyumbang jumlah pelaburan tertinggi dalam sektor perkilangan di Malaysia sebanyak RM148 bilion. Sektor E&E menyumbang sebanyak 75.9 peratus daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), industri E&E dijangka akan menyumbang sebanyak RM120 bilion kepada KDNK Malaysia.

Industri lain yang menyumbang sebahagian besar pelaburan adalah meliputi produk logam asas (RM19.4 bilion), kimia dan produk kimia (RM5.8 bilion), produk getah (RM5.8 bilion), pengilangan makanan (RM5.4 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2.2 bilion), dan peralatan saintifik dan pengukuran (RM2.1 bilion). Kesemua industri ini menyumbang sebanyak 96.7 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

PENCAPAIAN INDUSTRI BAGI SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021



Dengan pelaburan berjumlah **RM148 bilion**, E&E menyumbang sebanyak **75.9%** daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), industri E&E dijangka akan menyumbang sebanyak RM120 bilion kepada KDNK Malaysia

Industri lain yang menyumbang sebahagian besar pelaburan termasuk



RM19.4 bil
Produk Logam Asas



RM5.4 bil
Pengilangan Makanan



RM5.8 bil
Kimia dan Produk Kimia



RM2.2 bil
Kelengkapan Pengangkutan



RM5.8 bil
Produk Getah



RM2.1 bil
Peralatan Saintifik dan Pengukuran



7 industri ini menyumbang sebanyak **96.7%** daripada jumlah pelaburan yang diluluskan


Limpahan Peluang Bakat

Projek yang diluluskan pada tahun 2021 dijangka akan mewujudkan sebanyak 74,575 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 16,757 (22.5%) adalah dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan, manakala sebanyak 57,818 (77.5%) peluang pekerjaan diwujudkan untuk pekerjaan berkemahiran, kakitangan jualan dan perkeranian, operator jentera/mesin dan pemasang.


Lima industri teratas yang menyediakan peluang pekerjaan ialah E&E (28,362 pekerjaan), produk getah (12,229 pekerjaan), produk logam asas (9,283 pekerjaan), pengilangan makanan (5,354 pekerjaan) dan produk logam fabrikasi (3,392 pekerjaan) serta menyumbang sebanyak (58,620 pekerjaan atau 78.6%) daripada jumlah keseluruhan peluang pekerjaan bagi tahun 2021.

Kerajaan juga terus memberikan kelulusan bagi jawatan ekspatriat terutamanya dalam bidang pengurusan dan teknikal bagi syarikat milikan tempatan dan asing. Sebanyak 508 jawatan ekspatriat telah diluluskan pada tahun 2021 di mana 160 daripadanya adalah jawatan penting yang boleh disandang secara tetap oleh warga asing. Sementara baki 348 adalah jawatan bertempoh yang akan diluluskan dalam tempoh tiga hingga lima tahun di mana rakyat Malaysia perlu dilatih untuk mengambil alih jawatan tersebut.

PELUANG PEKERJAAN BAHARU DALAM SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021



Sub-Sektor dengan Peluang Pekerjaan Tertinggi



Kesemua 5 industri ini menyumbang sebanyak **58,620** pekerjaan atau **78.6%** daripada jumlah keseluruhan peluang pekerjaan bagi tahun 2021

CIPE Melengkapi Projek Berkualiti dan Penting

Intensiti modal yang diukur berdasarkan nisbah Pelaburan Modal Setiap Pekerja (CIPE) dalam projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2021 ialah sebanyak RM2,615,996 iaitu peningkatan sebanyak 130 peratus daripada tahun sebelumnya (CIPE 2020: RM1,137,447). Industri E&E mencatatkan CIPE tertinggi sebanyak RM5,217,439, diikuti oleh peralatan saintifik dan pengukuran (RM2,623,045), produk logam asas (RM2,093,934), kimia dan produk kimia (RM1,889,722), dan produk petroleum termasuk petrokimia (RM1,530,994).

Secara amnya, pelaburan dan projek dengan CIPE tinggi adalah terdiri daripada industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan, melibatkan penyelidikan dan pembangunan serta reka bentuk (R&D&D), berintensifkan kemahiran dan menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Sebahagian besar daripada projek ini adalah daripada syarikat yang telah memilih Malaysia sebagai destinasi pembesaran bagi pelaburan untuk memasuki pasaran Asia Tenggara. Sebagai contoh, Risen Solar Energy Co. Ltd. serta AT&S Austria Technologie & Systemtechnik AG masing-masing telah melabur sebanyak RM42.2 bilion dan RM10.8 bilion untuk membina projek mega di Kulim Hi-Tech Park. Sebuah lagi syarikat terkemuka, Nine Dragons Paper, pengeluar kertas terbesar di Asia telah melabur sebanyak RM5.4 bilion untuk fasilitinya di Banting, Selangor.

Pelaburan berkualiti yang lain adalah termasuk projek untuk membangunkan kawasan pertumbuhan baharu, memperkenalkan teknologi baharu dan baru muncul. Ini


CIPE TAHUN 2021

RM2,615,996

CIPE bagi Projek Diluluskan dalam Sektor Perkilangan

↑ Peningkatan **130%** daripada tahun sebelumnya (2020 CIPE: RM1,137,447)

Sub-Sektor dengan CIPE Tertinggi bagi Projek Diluluskan



akan menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran dan perkhidmatan global, dan serantau.


Pelaburan Mengikut Lokasi

Selangor (247 projek), Johor (134 projek) dan Pulau Pinang (111 projek) kekal sebagai negeri dengan bilangan projek tertinggi yang diluluskan pada tahun 2021. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang sebanyak 70.1 peratus daripada ke semua projek yang diluluskan.

Dari segi nilai pelaburan pula, Pulau Pinang menerima pelaburan tertinggi berjumlah RM76.2 bilion diikuti oleh Kedah (RM66.2 bilion), Pahang (RM10.5 bilion), Selangor (RM7.5 bilion) dan Johor (RM7 bilion). Kesemua lima negeri ini telah menyumbang sebanyak 85.8 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2021.

Negeri lain yang mempunyai nilai pelaburan tinggi termasuk Perak (RM6.1 bilion), Sarawak (RM5.7 bilion), Sabah (RM4.9 bilion), Melaka (RM3.9 bilion) dan Terengganu (RM3.8 bilion).

PROJEK YANG DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI DALAM SEKTOR PERKILANGAN TAHUN 2021



5 negeri ini menyumbang sebanyak **RM167.4 bilion** (85.8%) daripada jumlah pelaburan diluluskan

Pelaksanaan Projek Perkilangan

Untuk mempercepatkan kelulusan lesen pengilang, insentif dan pengecualian duti kastam, termasuk pelaksanaan projek, MIDA telah menubuhkan Unit Penyelaras Kemajuan Projek (PACU) bagi membolehkan syarikat memohon kelulusan atas talian melalui Lesen e-Pengilang (e-ML), e-Insentif dan Permohonan JPC.


Melalui inisiatif ini, MIDA telah berjaya membantu syarikat untuk mempercepatkan pelaksanaan

projek. Penubuhan PACU merupakan sebahagian daripada usaha MIDA untuk menawarkan kemudahan menerusi perkhidmatan sokongan yang proaktif dalam menyediakan bantuan menyeluruh bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan projek dan merealisasikan pelaburan.


Terdapat sebanyak 702 projek telah diluluskan pada tahun 2021 yang menjadikan jumlah projek yang diluluskan dalam tempoh lima tahun (2017-2021) adalah sebanyak 4,147 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM520.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,766 projek (66.7%) bernilai RM383.2 bilion telah dilaksanakan dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 230,593 peluang pekerjaan. Sebanyak 1,173 lagi projek dengan pelaburan bernilai RM123.3 bilion telah memperolehi tapak kilang dan/atau sedang dalam peringkat perancangan aktif.

Industri-industri utama bagi projek yang telah dilaksanakan adalah E&E (RM195.5 bilion), produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM46.8 bilion), produk logam asas (RM24.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM14.6 bilion), produk mineral bukan logam (RM13.7 bilion) dan M&E (RM13.4 bilion) menyumbang sebanyak 80.6 peratus daripada jumlah pelaburan projek yang dilaksanakan.

PROJEK PERKILANGAN DILAKSANAKAN (2017-2021)



Industri-industri utama ini menyumbang sebanyak **80.6%** daripada jumlah pelaburan projek yang dilaksanakan





Menyokong Kelestarian

Ekonomi kitaran dan prestasi lestari menjadi tumpuan apabila dunia sedang menerapkan realiti baharu. Pemain industri perkilangan di Malaysia mula mengadaptasi automasi dan teknologi termaju dalam Industri 4.0 untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta menerokai pasaran baharu yang sedang pesat membangun.

Produk Elektrik dan Elektronik (E&E)

Permintaan global untuk E&E melonjak pada tahun 2021 didorong oleh keperluan bagi peranti dan teknologi untuk aktiviti jarak jauh yang melibatkan hiburan, pendidikan dan mesyuarat serta tujuan keselamatan siber. Peningkatan permintaan terutama bagi produk E&E yang menggunakan cip semikonduktor atau litar bersepadu (IC) yang berkaitan dengan telefon pintar dan peranti pintar lain terutamanya dalam pasaran pengguna, pengkomputeran, 5G, *big data*, *IoT* dan automotif.

Persatuan Industri Semikonduktor (SIA) mengunjurkan jualan cip tahunan dan unit yang dihantar mencecah paras tertinggi sepanjang tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan yang dijangka sederhana pada tahun 2022. Perangkaan Perdagangan Semikonduktor Dunia menganggarkan jualan di seluruh dunia mencecah AS\$553 bilion pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 25.6 peratus daripada tahun 2020. Malaysia mengeksport produk E&E bernilai RM455.7 bilion pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 18 peratus berbanding tahun 2020.


Malaysia kekal sebagai salah satu hab semikonduktor terbesar di rantau ini. Selama bertahun-tahun, negara telah membangunkan pembekal peralatan tempatan *back-end* yang boleh dipercayai untuk menyokong operasi MNC di negara ini. Kebanyakan daripada mereka menyediakan perkhidmatan sokongan dalam reka bentuk, pemasangan, ujian dan penyelesaian kejuruteraan, dan seterusnya membantu meningkatkan sumber tempatan serta mengurangkan import.

Sebagai contoh, syarikat reka bentuk IC tempatan seperti Infinecs, Oppstar, Symmid dan Skyechip telah memberikan perkhidmatan dalam rantaian nilai global. Syarikat tempatan terkemuka yang lain adalah termasuk ViTrox Corp Bhd., SRM, Pentamaster Corp. Bhd., Greatch Technology Bhd., Mi Technovation Bhd., Aemulus Holdings Bhd., Elsoft Research Bhd., MMS Ventures Bhd. dan VisDynamics Holdings Bhd. Pengeluar jentera Malaysia ini memberi fokus dalam pengeluaran peralatan ujian automatik (ATE) terutamanya bagi memenuhi keperluan proses pembungkusan IC yang spesifik. Selain itu, syarikat Malaysia juga mampu menyediakan penyelesaian reka bentuk dan kejuruteraan seperti Testhub (merek bentuk, membangun dan mengeluarkan papan ujian) dan JF Tech (merek bentuk dan mengeluarkan soket ujian berprestasi tinggi).

Terdapat peluang bagi industri E&E tempatan untuk terus berdaya saing. Industri ini telah dikenal pasti dalam RMKe-12 sebagai industri strategik dan berimpak tinggi dan disokong oleh peningkatan rantaian nilai melalui adaptasi teknologi termaju dan pengeluaran produk pintar baharu yang cekap. Selain daripada meningkatkan aktiviti bahagian hadapan dalam subsektor semikonduktor kritikal, LED dan solar, Malaysia juga giat mempromosi integrasi dalam aktiviti *back-end*, termasuk reka bentuk, pemasangan, ujian dan kejuruteraan.

MITI dan MIDA terus menggalakkan peneraju industri tempatan sedia ada untuk meningkatkan

SOROTAN INDUSTRI TAHUN 2021



pengeluaran dan mempelbagaikan operasi dalam menghadapi kekurangan global bagi cip semikonduktor yang disebabkan oleh COVID-19. Selain itu, bakal pelabur juga disarankan untuk melabur bagi memenuhi keperluan dalam ekosistem E&E. Salah satu bidang keperluan adalah dalam penyediaan perkhidmatan pengilangan elektronik (EMS) yang melibatkan pengilangan modul sehingga produk siap. Syarikat EMS menyediakan pelbagai penyelesaian kejuruteraan tambah nilai dan penyumberan luar kepada pengilang peralatan asal (OEM) yang membolehkan mereka meningkatkan kecekapan operasi dan memberi tumpuan kepada aktiviti teras seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Produk baharu muncul dan baharu boleh dikeluarkan di Malaysia menerusi aktiviti EMS.

Projek E&E penting yang diluluskan pada tahun 2021 kebanyakannya adalah daripada subsektor komponen elektronik. Ini termasuk syarikat seperti Risen Solar Technology Sdn. Bhd., Taiyo Yuden (Sarawak) Sdn. Bhd., dan AT&S Austria Technologie & Systemtechnik (Malaysia) Sdn. Bhd. Syarikat Risen Energy adalah perintis dalam industri solar dengan kepakaran luas dalam *photovoltaic R&D* dan penyediaan penyelesaian hujung-ke-hujung untuk keseluruhan rantaian nilai solar. Anak syarikatnya, Risen Solar Technology Sdn. Bhd. sedang mengembangkan pasarannya di peringkat global dengan membuka kilang terbaharunya di Kulim Hi-Tech Park, Kedah. Projek yang sedang dalam pembinaan ini berjalan dengan lancar. Aktiviti komersial dijangka bermula pada April 2022. Lebih 3,000 peluang pekerjaan

dapat diwujudkan dengan 800 jawatan Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan (MTS) termasuk 500 jurutera akan ditawarkan. Kemudahan baharu di Malaysia ini akan meningkatkan pengeluaran 3GW solar sel dan kapasiti modul setiap tahun.

Taiyo Yuden (Sarawak) Sdn Bhd telah memperuntukkan sebanyak RM680 juta bagi projek pembesaran untuk pengeluaran kapasitor seramik berlapis di Kuching sebagai salah satu langkah strategiknya untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran di rantau ASEAN. Ini menandakan satu lagi kejayaan bagi Malaysia sebagai hab pilihan bagi pengilang global dan pintu masuk ASEAN.

AT&S Austria Technologie & Systemtechnik (Malaysia) Sdn. Bhd. telah melabur sebanyak RM8.5 bilion untuk membina kilang baharu di Malaysia bagi menghasilkan substrat IC baharu di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah. Projek ini melibatkan teknologi termaju dan dijangka mewujudkan sebanyak 5,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia.

Aeroangkasa

Industri aeroangkasa menjangkakan pemulihan beransur-ansur dalam permintaan pesawat dengan peningkatan aliran trafik penumpang apabila sempadan mula dibuka semula. Ini memberi kesan limpahan yang positif untuk pengilangan dan segmen industri MRO. Menurut Roland Berger, permintaan perjalanan akan pulih menjelang tahun 2024 disebabkan oleh program vaksinasi global, penggunaan sijil perjalanan, pelonggaran sekatan domestik dan pembukaan sempadan.

Asia Pasifik kekal sebagai pasaran syarikat penerbangan terbesar di dunia bagi penghantaran pesawat baharu. Tinjauan Pasaran Komersial Boeing 2021-2040 menyatakan bahawa menjelang tahun 2040, sebanyak 43,610 kapal terbang baharu bernilai AS\$7.2 trilion diperlukan. Oleh itu, Boeing telah mengumumkan bahawa ia akan meningkatkan pengeluaran jet 737 MAX kepada 42 sebulan menjelang suku keempat tahun 2022, manakala Airbus merancang untuk mengeluarkan 70 jet keluarga setiap bulan menjelang tahun 2024. Ini merupakan peluang besar kepada syarikat aeroangkasa Malaysia kerana kedua-dua pengeluar ini sangat bergantung kepada rantai bekalan mereka.

INISIATIF INDUSTRI AEROANGKASA



Membangunkan ekosistem lestari

Menaik taraf Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Negara kepada agensi untuk pembangunan industri dan mewujudkan ekosistem yang kondusif



Penggugusan dan pengezonan aktiviti aeroangkasa

Pembangunan industri aeroangkasa perlu diperhalusi melalui penggugusan dan pengezonan semula aktiviti aeroangkasa (MRO, pengilangan aeroangkasa, integrasi sistem dan perkhidmatan kejuruteraan serta reka bentuk) berdasarkan kekuatan dalam bidang ekonomi tersebut.



Mewujudkan sistem digital aeroangkasa dan meneroka tenaga lestari

Penyediaan pusat repositori untuk operasi pesawat, MRO dan pengilangan aeroangkasa di Malaysia akan memudahkan pihak berkepentingan dan pemain industri mendapatkan akses kepada maklumat secara real-time bagi permintaan dan pembekalan untuk meningkatkan daya saing industri aeroangkasa tempatan

Dengan permintaan yang semakin meningkat, industri aeroangkasa telah dikenal pasti sebagai salah satu industri strategik dalam RMKe-12 bagi mendorong Malaysia beralih kepada trajektori teknologi tinggi. Di bawah RMKe-12, industri ini dijangka akan menjana pendapatan sebanyak RM30 bilion dan mewujudkan sebanyak 30,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2025. Strategi yang dirangka ini adalah selaras dengan rangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang memberi focus kepada meningkatkan keupayaan industri serta daya saing global.

“ Dengan permintaan yang semakin meningkat, industri aeroangkasa telah dikenal pasti sebagai salah satu industri strategik dalam RMKe-12 bagi mendorong Malaysia beralih kepada trajektori teknologi tinggi. ”

Tiga bidang pertumbuhan bagi model perniagaan baharu dalam industri aeroangkasa ialah ekonomi angkasa, pengeluaran dron dan penerbangan

perniagaan. Bakal pelabur dan pemain industri digesa untuk memberi fokus dalam ketiga-tiga bidang ini di mana kerajaan juga menekankan pelaburan yang berkualiti tinggi bagi sektor tersebut. MIDA akan terus memberi sokongan dengan menyediakan akses serta menyediakan pelbagai insentif fiskal dan bukan fiskal kepada pemain industri.

Ekonomi angkasa boleh dibahagikan kepada sektor hulu, (cth. R&D, perkilangan dan pelancaran), sektor hiliran (operasi infrastruktur angkasa, produk dan perkhidmatan yang bergantung secara langsung kepada data satelit dan isyarat untuk beroperasi serta berfungsi), dan aktiviti derivatif (cth. pemindahan teknologi dari ekonomi angkasa kepada industri automotif atau perubatan).

Menurut Yayasan Angkasa, ekonomi angkasa di peringkat global meningkat sebanyak 4.4 peratus pada tahun 2020 kepada AS\$447 bilion. Aktiviti komersial angkasa meningkat sebanyak 6.6 peratus kepada AS\$357 bilion mewakili hampir 80 peratus daripada jumlah ekonomi angkasa. Ekonomi angkasa berada pada kedudukan yang baik bagi peningkatan pelaburan, pembangunan pasaran dan peluang pekerjaan merentasi pelbagai sektor. Melangkah ke hadapan, Morgan Stanley menganggarkan bahawa industri angkasa global boleh menjana pendapatan sebanyak AS\$1 trilion atau lebih pada tahun 2040. Dalam memanfaatkan trend pertumbuhan ini, Dasar Angkasa Negara 2030 Malaysia menyasarkan untuk menyumbang sebanyak 0.3 peratus atau RM3.2 bilion kepada KDNK negara dan mewujudkan sehingga 5,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2030.

Dron yang juga dikenali sebagai kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) dilihat berkembang dengan baik dalam pasaran domestik. Laporan Kedudukan Penyedia Perkhidmatan Dron 2021 meletakkan Aerodyne Group Sdn. Bhd. (Aerodyne) ditempat pertama dalam segmen Pembekal Perkhidmatan Dron *Remote-Sensing*. Aerodyne menewaskan 800 syarikat global lain dalam bidang perniagaan yang sama dan bersedia untuk memasuki pasaran baharu di seluruh dunia.

Di dalam negara, pelbagai zon diwujudkan untuk pembangunan dron. Ini termasuk Felda Mempaga di Pahang; Zon Dron dan Robotik di Iskandar Puteri, Johor; dan sandbox Penghantaran melalui Dron bagi

Kawasan Bandar di Cyberjaya. Zon yang terbaharu adalah bertempat di 57 Technology Park Malaysia di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Dengan keluasan dua hektar, Kawasan 57 menyediakan pelbagai kemudahan seperti dron *hangars and runways*, kawasan terbang berjaring, tapak ujian mockup, reka bentuk dan infrastruktur simulasi.

Bagi segmen penerbangan perniagaan, Tinjauan Penerbangan Perniagaan Global Tahunan Honeywell ke-30 mengunjurkan sebanyak 7,400 jet perniagaan baharu bernilai AS\$238 bilion akan dihantar dari tahun 2022 hingga tahun 2031 dan segmen ini menerima kesan yang minimum semasa pandemik pada tahun 2021. Kesan positif ini memberi petanda baik kepada perniagaan dan landskap penerbangan di Malaysia.


Malaysia mempunyai pangkalan jet perniagaan keempat terbesar di Asia Pasifik. Dalam memanfaatkan kedudukan tersebut, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) telah membangunkan pelan penjana semula bagi Terminal 2 yang akan menjadi pemangkin dalam mengembangkan pasaran penerbangan perniagaan tempatan kepada hampir tiga kali ganda dalam tempoh 10 tahun akan datang. Pelan Penjana Semula Lapangan Terbang Subang ini adalah disokong oleh permintaan daripada bakal penyewa terkemuka sedia ada.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI AEROANGKASA TAHUN 2021

Pelaburan Domestik berbanding Asing

2 Projek Baharu Diluluskan

Jumlah **RM104.7** juta



Peluang Pekerjaan



247 Jumlah Peluang Pekerjaan



Kesemua projek yang diluluskan adalah daripada syarikat pembekal subsektor pengilangan aeroangkasa Syarikat **Tahap 1** dan **Tahap 2**

Pameran Penerbangan Selangor 2021 telah diadakan pada bulan November di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelabur aeroangkasa ke Malaysia. Pameran tersebut memberi fokus kepada perniagaan dan penerbangan termasuk helikopter dan akan menjadi platform kepada pemain industri untuk meneroka pelaburan dengan mencari rakan kongsi berpotensi di peringkat global dan domestik.

Salah satu projek penting yang diluluskan adalah Delta Industrial Sdn. Bhd., sebuah syarikat tempatan yang mereka bentuk, membangun dan mengeluarkan pesawat *amphibious* di Malaysia. Delta Industrial dimiliki sepenuhnya oleh Delta Aerospace yang pada mulanya menubuhkan pusat pengedaran dan sokongan untuk dua pesawat laut iaitu LA-8L Iapan tempat duduk dan Pesawat 'Borey' dua tempat duduk. Syarikat ini kemudiannya menubuhkan Delta Industrial untuk mengeluarkan Pesawat Laut LA-8 dengan teknologi dan pemindahan IP. Kemudahan reka bentuk dan kejuruteraan syarikat adalah melalui kerjasama dengan Aéronautique Design & Service Bureau SA, pemilik Sijil Jenis dan IP asal bagi Pengeluar Peralatan Asal (OEM) dari Samara, Rusia. Pesawat laut LA-8 akan menjadi antara pesawat yang dihasilkan di Malaysia bagi pasaran dunia bagi tiga dekad akan datang.

Automotif

Malaysia merupakan pasaran automotif ketiga terbesar di ASEAN dan menjadikan industri ini sebagai industri strategik dalam sektor perkilangan negara. Pada masa ini terdapat 28 kilang perkilangan dan pemasangan di Malaysia yang mengeluarkan kenderaan bermotor (kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal dan skuter) serta alat ganti dan komponen automotif. Ekosistem automotif merangkumi penyelidikan dan reka bentuk, pembangunan produk dan proses, pengurusan bahan serta perkhidmatan selepas jualan. Industri ini menyumbang kepada pembangunan industri kejuruteraan, bantuan dan sokongan serta pembangunan kemahiran dan peningkatan keupayaan teknologi dan kejuruteraan bagi tenaga kerja domestik.

Syarikat gergasi automotif seperti Toyota dan Mercedes-Benz telah menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi mereka di mana permintaan pengguna yang sangat memberangsangkan. Pengilang

komponen antarabangsa seperti Continental, Denso dan Bosch juga telah menubuhkan pusat operasi mereka di negara ini bagi memasarkan produk mereka ke pasaran serantau.

Baru-baru ini Porsche dan Stellantis telah memilih Malaysia sebagai pusat pengeluaran mereka kerana keyakinan terhadap ekosistem automotif negara. Ia disokong oleh keupayaan syarikat dalam pertumbuhan jangka panjang di samping ketersediaan kumpulan bakat tempatan yang berkebolehan seperti juruteknik dan jurutera berkemahiran tinggi.

Porsche AG (Porsche) sedang dalam perancangan untuk menubuhkan kilang pengeluaran pertamanya di luar Eropah iaitu di Kedah dengan kerjasama Sime Darby Berhad. Ini menunjukkan komitmen Porsche untuk meningkatkan keyakinan jangka panjang di rantau ini dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluarannya di ASEAN. Kumpulan Stellantis yang ditubuhkan pada tahun 2021 dengan penggabungan 50-50 di antara Kumpulan PSA (pengeluar jenama Peugeot dan Citroen) dan Fiat Chrysler Automobiles Group akan meneruskan pengeluaran sedia adanya di Gurun, Kedah sebagai hab pengeluaran dan eksport untuk pasaran serantau.



Trend teknologi seperti mobiliti pelbagai, pemanduan autonomi, kenderaan elektrik dan kesalinghubungan akan memacu industri dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang. Dasar Automotif Negara 2020 telah digubal untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam pengilangan automotif, kejuruteraan, teknologi, dan pembangunan lestari.

Pelabur berpotensi disarankan untuk membuat pelaburan strategik dalam segmen Kenderaan Generasi Baharu (NxGV), kenderaan elektrik dan berautonomi serta komponen yang berkaitan teras dan komponen kritikal seperti enjin, powertrains, *Light and Radio Detection and Ranging* (LIDAR dan RADAR), Sistem Bantuan Pemandu Lanjutan (ADAS), bateri EV dan sistem pengurusan bateri.

Industri automotif Malaysia telah memberi fokus kepada Kenderaan Cekap Tenaga (EEV) sejak tahun 2014 lagi. EEV termasuk kenderaan jimat bahan api, hibrid, kenderaan elektrik (EV) dan kenderaan menggunakan bahan api alternatif seperti Gas Asli Mampat (CNG), Gas Petroleum Cecair (LPG), biodiesel, etanol, dan hidrogen. Terdapat potensi dalam mengembangkan ekosistem EV di Malaysia kerana penggunaan EV adalah masih di tahap rendah. Permintaan yang semakin meningkat bagi penggunaan pengangkutan hijau di ASEAN akan menjadikan EV sebagai pilihan utama dan lebih popular pada masa hadapan.

Pada tahun 2021, subsektor automotif Malaysia mengeluarkan sebanyak 481,651 kenderaan bermotor di mana 446,431 adalah kenderaan penumpang, manakala 35,220 adalah kenderaan komersial. Sebanyak 508,911 kenderaan bermotor telah dijual terdiri daripada 452,663 kenderaan penumpang dan 56,248 kenderaan komersial.

Sehingga Disember 2021, MIDA telah meluluskan lebih 50 projek dalam ekosistem EEV dengan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM8 bilion. Selain itu, Malaysia juga telah memperolehi tujuh projek pelaburan yang berkaitan dengan pembuatan dan pemasangan kenderaan elektrik beserta komponennya. Projek-projek ini akan membawa masuk pelaburan bernilai RM1.2 bilion dan mewujudkan sebanyak 766 peluang pekerjaan.


Satu projek penting yang diluluskan adalah daripada anak syarikat milik penuh Samsung SDI Co. Ltd. dari Republik Korea iaitu Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd. Syarikat telah membuat pelaburan tambahan dalam aktiviti pengeluaran bateri automotif untuk EV di fasiliti sedia adanya di Sungai Gadut, Negeri Sembilan. Ditubuhkan pada tahun 2011, syarikat ini telah menghasilkan bateri ion litium (*cell and pack form factors*) untuk IT dan peranti elektronik seperti telefon mudah alih, tablet dan komputer bimbit. Syarikat ini akan membuka dua lagi barisan pengeluaran tambahan untuk projek pembesaran ini yang akan bermula pada pertengahan tahun 2022. Bateri EV ini dihasilkan untuk pasaran eksport dan akan menjadi projek perintis di Malaysia sebagai pengeluar bateri EV tempatan pertama untuk kenderaan penumpang. Projek ini juga akan menjadi kilang pengeluaran pertama syarikat di Asia Tenggara.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI AUTOMOTIF TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

36 Projek Diluluskan

Jumlah **RM1.9 bil**




Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM1.9 bil**



Peluang Pekerjaan

 **1,851** Jumlah Peluang Pekerjaan

Rel

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka akan siap seperti yang dijadualkan pada tahun 2026 walaupun mengalami kelewatan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan semasa pandemik. Apabila projek ini siap, ECRL

dapat mengurangkan masa perjalanan dari Kota Bharu ke kawasan Lembah Klang kepada empat jam sahaja. Projek ini akan menarik pelaburan yang lebih besar dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi di Pantai Timur.

OBJEKTIF PUSAT KECEMERLANGAN REL KEBANGSAAN (NRCOE)

-  • Pembangunan Modal Insan
 - Pusat latihan berpusat dan badan peneraju industri untuk subsektor
-  • Membangunkan Program Pembangunan Industri Rel (RIDP)
 - Untuk meningkatkan keupayaan pembekal tempatan dalam bidang MRO/sistem/komponen
 - Untuk menjalankan penilaian teknikal ke atas syarikat tempatan bagi membantu mereka memasuki rantaian bekalan rel global
-  • Pengujian dan Pensijilan
 - Untuk membangunkan standard rel Malaysia dan ASEAN
-  • Penyelidikan dan Teknologi
 - Untuk menghasilkan *rolling stock*/sistem dalam program pengubahsuaian tempatan

Fasa 1 laluan MRT Putrajaya yang bermula daripada stesen Kwasa Damansara dan Kampung Batu telah hampir siap dan dijangka mula beroperasi pada suku kedua tahun 2022. Fasa ke 2 yang bermula daripada stesen Kentonmen ke Putrajaya Sentral kini 94 peratus siap dan dijangka mula beroperasi pada Januari tahun 2023. Selain itu, laluan LRT Shah Alam (sebelum ini LRT3) akan mula beroperasi sepenuhnya menjelang Februari 2024.

Selain itu, kerja-kerja pembinaan *Rapid Transit System Link (RTS Link)* telah dimulakan iaitu landasan kereta api rentas sempadan sepanjang empat kilometer yang menghubungkan Stesen Bukit Chagar di Johor Bahru dengan Stesen Woodlands North di Singapura yang akan menampung sehingga 10,000 penumpang setiap jam. Link RTS ini dijangka siap pada Disember 2026.

Pusat Kecemerlangan Rel Kebangsaan (NRCOE) telah ditubuhkan pada Julai 2020 untuk menyokong industri bagi memenuhi permintaan tempatan dan serantau. NRCOE berfungsi sebagai platform dalam mewujudkan rantaian nilai yang mampan dalam ekosistem rel dan memudahkan penyelarasan antara kementerian, agensi, dan pemain industri.

Satu projek baharu oleh syarikat milik Malaysia dalam subsektor rel telah diluluskan pada tahun 2021 dengan pelaburan bernilai RM97.3 juta bagi menjalankan aktiviti pemasangan/integrasi *rolling stock*.

Pembinaan dan Pembaikan Kapal (SBSR)

Industri SBSR di Malaysia disokong oleh dasar yang dirangka di bawah Pelan Induk Perkapalan Malaysia 2017-2022 dan merupakan tulang belakang pembangunan maritim yang melengkapkan industri minyak dan gas. Sebanyak 100 limbungan kapal di seluruh negara yang boleh membina pelbagai jenis kapal bersaiz kecil hingga sederhana dan membaiki kapal lebih daripada 600 tan anjakan.

Prestasi industri kekal berdaya tahan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dari tahun 2020 sehingga tahun 2021. Pemain industri juga terjejas disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah seperti keluli dan aluminium. Menurut Persatuan Industri Marin Malaysia, harga keluli telah meningkat daripada AS\$750 satu tan metrik (MT) pada Januari 2021 kepada AS\$1,100/MT setakat Oktober 2021.

Syarikat domestik akan memperoleh manfaat daripada tender PETRONAS untuk membina 16 kapal sokongan luar pesisir (OSV) bagi menggantikan kapal lamanya. Antara syarat yang dikenakan untuk mendapatkan kontrak OSV baharu adalah OSV mesti dibina di limbungan kapal tempatan dan pembida yang berjaya perlu mendapatkan pembiayaan daripada bank yang berpangkalan di Malaysia. Sebanyak 16 OSV berada dalam siri pertama kontrak dan PETRONAS merancang untuk membina 100 kapal dalam tempoh empat tahun serta melupuskan kapal lamanya.




Tender PETRONAS ini membuka peluang yang baik kepada industri dengan prospek permintaan yang stabil bagi kapal yang baharu dibina dan disokong oleh aktiviti huluan di negara ini. Tinjauan Aktiviti PETRONAS 2020-2022 menunjukkan permintaan adalah stabil untuk OSV dengan hampir 150 kapal diperlukan dalam semua kategori berat iaitu 70 bot kru laju, 56 platform/pembekal terus kapal dan 30 *landing craft tanks*.

Industri SBSR global dijangka pulih dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Menurut laporan oleh ResearchAndMarkets.com, pasaran SBSR global dijangka pulih dan berkembang pada CAGR sebanyak 3 peratus dari tahun 2021 dan mencapai AS\$191.9 bilion pada tahun 2023. Ini memberi peluang kepada limbungan kapal tempatan untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih inovatif untuk pasaran global dengan memanfaatkan lokasi strategik Malaysia di sepanjang Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Bakal pelabur perlu memberi perhatian kepada peralihan ke arah kelestarian alam sekitar kerana syarikat perkapalan global telah mula beralih ke arah penggunaan kapal berkuasa LNG. Oleh itu, pelaburan yang besar dalam penggunaan teknologi ini terus menjadi prospek strategik untuk limbungan kapal di Malaysia.

Pelabur SBSR baharu dan sedia ada boleh memanfaatkan pakej insentif bagi industri SBSR sehingga akhir tahun 2022. Insentif yang diperkenalkan pada tahun 2016 ini meliputi Taraf Perintis (PS) dan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) di mana kerajaan komited untuk memajukan industri ini bagi membolehkan pemain industri menjalankan aktiviti pemodenan dan mengadaptasi teknologi baharu.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI SBSR TAHUN 2021



Jentera dan Kelengkapan (M&E)

Industri M&E Malaysia terdiri daripada lebih 2,000 syarikat dengan jumlah pekerja sebanyak 90,000 orang. Ia merupakan industri penting yang berfungsi dengan cekap dalam sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan. Terdapat lebih daripada 50 syarikat domestik terkemuka di dalam dan luar negara yang mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam industri ini dengan 10 syarikat teratas mempunyai jumlah nilai pasaran melebihi RM25 bilion. Syarikat-syarikat ini termasuk Pentamaster Corporation Berhad, Greatech, Vitrox, Genetec Technology Berhad, Cheng Hua Engineering Works Sdn. Bhd., TXMR Sdn. Bhd., Vepro Group Sdn. Bhd., dan XTS Technologies Sdn. Bhd.

Industri M&E diiktiraf sebagai industri berimpak tinggi di bawah RMKe-12 bagi mempercepatkan lagi pertumbuhan dalam pengilangan produk yang berinovatif dengan elemen elektronik, robotik, bahan termaju dan integrasi perisian. Kerajaan terus menggalakkan pelabur untuk mengadaptasi teknologi terkini yang akan menyokong proses perkilangan termaju seperti automasi merentasi rantai bekalan bagi menambah baik operasi dan mengurangkan kos.

Bakal pelabur digalakkan untuk meneroka peluang dalam membangunkan dan menyediakan penyelesaian menyeluruh bagi membolehkan proses pengeluaran dipertingkatkan dengan menggunakan automasi dan teknologi termaju. Ini termasuk penyediaan sistem perancangan perusahaan yang menghubungkan sistem siber dan fizikal, pemantauan jarak jauh, komunikasi mesin ke mesin dan robotik. Secara keseluruhannya, Kerajaan berusaha untuk memastikan syarikat M&E di Malaysia kekal berdaya saing, relevan dan mengutamakan kelestarian.

Dilancarkan pada September 2020, program Inisiatif Projek Automasi (API) yang sedang dijalankan oleh MIDA merupakan platform yang berpotensi menghubungkan syarikat berintensifkan buruh atau yang mempunyai produktiviti rendah untuk menjalankan kerjasama dengan pakar-pakar yang telah mengadaptasi automasi.

Setakat ini, MIDA telah menganjurkan beberapa program API dengan pemain industri E&E dan pelbagai persatuan perniagaan. MIDA juga telah menganjurkan beberapa siri webinar mengenai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada syarikat yang menjalankan inisiatif automasi dan pendigitalan.

Apabila penggunaan automasi semakin meningkat, keperluan kepada peningkatan kemahiran dan latihan semula bakat adalah diperlukan bagi memastikan tenaga kerja semasa kekal relevan. Ini adalah sejajar dengan langkah negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Pada tahun 2020, Forum Ekonomi Dunia (WEF) menerbitkan laporan mengenai peningkatan penggunaan mesin dan automasi yang akan mengurangkan sebanyak 85 juta pekerjaan menjelang tahun 2025. Walau bagaimanapun, WEF juga menjangkakan sebanyak 97 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan. Bakal pelabur juga mungkin berminat untuk memberikan bantuan kewangan kepada pihak berkepentingan merentasi rantaian nilai M&E termasuk pemain industri dalam Penyelidikan & Pembangunan / Reka Bentuk & Pembangunan (R&D/D&D), bahan mentah dan pengeluaran alat ganti, pembinaan mesin/integrasi sistem, penjualan dan pengedaran dan perkhidmatan. Pelaburan dalam aktiviti R&D dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan seperti universiti, syarikat, pusat kecemerlangan dan institusi R&D lain akan memberi impak besar dalam memacu inovasi industri.

Salah satu projek yang diluluskan dalam industri M&E adalah projek pembesaran oleh syarikat automasi tempatan dengan pelaburan berjumlah RM182.5 juta untuk menghasilkan pengeluaran automatik atau peralatan untuk produk solid-state battery serta sistem automatik untuk pengeluaran sel bateri, modul dan pek untuk teknologi bateri berbeza iaitu *lithium-ion*, *solid-state* dan *sodium-ion*. Pelaburan tambahan ini akan memberi fokus kepada teknologi jitu, kecekapan, keterulangan, daya pemrosesan yang tinggi dan pemeriksaan kualiti untuk meningkatkan kebolehsesanan. Syarikat M&E semakin dikenali di seluruh dunia termasuk PRC, Vietnam, Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom, Thailand

dan negara Kesatuan Eropah terpilih serta syarikat Fortune 500.


Memandangkan sektor penyimpanan tenaga terus meningkat di pasaran global, terdapat sebuah syarikat yang akan membina kemudahan untuk kilang ketiganya di Batu Kawan, Pulau Pinang bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Projek ini mengikuti trend global dalam melengkapkan revolusi Industri 4.0, dan akan menjadikan Malaysia sebahagian daripada rantaian nilai. Syarikat ini juga mempunyai kumpulan bakat teknikal yang besar dengan 85 kakitangan R&D yang menjalankan aktiviti D&D bagi memastikan kesinambungan berterusan dalam pengeluaran peralatan mereka. Pada masa ini, syarikat telah menggaji sebanyak 800 kakitangan dan bakal menggaji sekurang-kurangnya 1,200 pekerja menjelang pertengahan tahun 2022. Sebanyak 65 peratus daripada jumlah tenaga kerja syarikat menerima pendapatan lebih RM3,000 sebulan.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN (M&E) TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

42 Projek Diluluskan

Jumlah **RM1.6 bil**



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu





Jumlah Pelaburan **RM1.6 bil**



Peluang Pekerjaan

2,268
Jumlah Peluang Pekerjaan

PELABURAN DALAM PROJEK DILULUSKAN DALAM INDUSTRI M&E MENGIKUT SUB-SEKTOR TAHUN 2021



Industri Sokongan Kejuruteraan (ESI)

Industri ESI yang dinamik dan berdaya tahan menyokong pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Industri ini merupakan asas kepada pertumbuhan industri lain di Malaysia.

Malaysia diiktiraf di peringkat global kerana keupayaannya dalam kejuruteraan, kualiti dan pengeluaran yang konsisten serta kebolehpercayaan terutamanya dalam pemesinan dan fabrikasi. Subsektor ESI memberi sumbangan besar kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor ini memerlukan perubahan dan peningkatan teknologi yang berterusan kerana ia dipengaruhi oleh permintaan pengguna, kos pengeluaran dan persaingan industri.

Syarikat ESI Malaysia terus kekal berdaya saing dalam rantai bekalan dan nilai global walaupun menghadapi persaingan yang sengit daripada negara jiran seperti Vietnam, Indonesia dan Myanmar. Rantai bekalan sedia ada industri ini telah tertubuh dan dilengkapi dengan pengetahuan teknikal yang diperlukan untuk mematuhi keperluan kualiti yang ditetapkan oleh pembuat mesin yang telah menerima pengiktirafan dan pensijilan pelanggan menerusi pelbagai bidang seperti NADCAP, AS9100 dan ISO13485.

Kerajaan terus menggalakkan syarikat ESI untuk menjadi penyedia penyelesaian menyeluruh dengan menawarkan penyelesaian perkilangan menyeluruh bagi alat ganti dan komponen untuk industri berteknologi tinggi seperti semikonduktor bahagian hadapan, peranti perubatan, aeroangkasa dan industri solar/fotovoltaik. Ini melibatkan penyediaan perkhidmatan bersepadu bermula daripada konsep produk kepada siri pengeluaran dan pengurusan bagi proses yang berkaitan termasuk perolehan, logistik, pembungkusan, R&D, ujian dan pensijilan. Penyumberan luar bahan/komponen/perkhidmatan kepada pihak ketiga atau pelaburan melalui mod pengeluaran antarabangsa bukan ekuiti kini semakin meningkat di kalangan MNC/LLC dalam industri.

Projek pelbagaian penting yang diluluskan pada tahun 2021 adalah daripada Coraza Systems Malaysia Sdn. Bhd. (Coraza). Coraza merupakan

penyedia penyelesaian kejuruteraan yang menawarkan perkhidmatan sehenti bermula daripada pembangunan kejuruteraan peringkat awal kepada penghantaran produk dengan kecekapan dalam fabrikasi kepingan logam, pemesinan jitu dan pemasangan elektromekanikal. Kilang pembuatan tersebut dilengkapi dengan sistem *state-of-the-art Computer Aided Manufacturing (CAM)* terkini iaitu ESPRIT CAM yang akan memberi manfaat kepada pelanggan yang memerlukan penyelesaian pemesinan kompleks untuk komponen yang sangat diperlukan dalam industri aeroangkasa dan semikonduktor.


Potensi pertumbuhan dalam industri ESI meliputi pengeluaran atau perolehan bahan bermutu tinggi dan eksotik seperti *Hastalloy*, *Inconel*, *Super Duplex* dan *Titanium* kerana pada masa ini ia tidak tersedia di dalam negara dan amat diperlukan oleh syarikat ESI. Bagi mengurangkan masa dan kos logistik, fokus utama adalah dengan menyediakan akses mudah kepada bahan-bahan ini di dalam negara. Kewujudan Stokis adalah penting bagi membekalkan bahan tersebut kerana ia penting untuk pertumbuhan serta menyediakan lebih banyak peluang di dalam industri.



SOROTAN ESI TAHUN 2021



SUBSEKTOR



Produk Logam Asas

Industri produk logam asas Malaysia merupakan pembekal kritikal bagi bahan mentah penting dalam pelbagai segmen perkilangan seperti produk kejuruteraan, bahan binaan, pertahanan, peralatan perubatan, peranti komunikasi dan peralatan saintifik. Logam juga penting dalam ekonomi kitaran kerana ia boleh dikitar semula, digunakan semula dan dikilangkan semula.

Walaupun subsektor pengilangan logam ferus di Malaysia merupakan subsektor yang stabil namun terdapat peluang untuk meningkatkan rantaian nilai dengan mengisi jurang ekosistem dalam pengeluaran keluli dan aloi. Kerajaan telah menyemak semula dasar untuk subsektor logam ferus untuk merangsang pertumbuhan terutamanya bagi produk keluli rata.

Pengeluaran aloi ferro juga telah diketengahkan disebabkan oleh kepentingannya dalam membekalkan bahan mentah untuk pembuatan keluli. Disebabkan oleh harga tenaga hidro Sarawak yang kompetitif, projek aloi ferro lazimnya terletak di negeri ini. Namun pada tahun 2021, dua projek telah diluluskan di pantai timur Semenanjung Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk menampung keperluan kilangnya dan mengurangkan kebergantungan kepada import. Ini akan menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan dan menawarkan sehingga 950 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Malaysia.

Para pelabur terus menunjukkan minat untuk melabur dalam subsektor produk logam bukan ferus terutamanya dalam pengeluaran dan pemprosesan aluminium. Pada masa ini, hanya satu syarikat Malaysia sahaja yang menjalankan aktiviti peleburan aluminium iaitu Press Metal Berhad yang berpangkalan di Sarawak. Syarikat ini menganggarkan permintaan aluminium akan meningkat dengan stabil kerana kadar pertumbuhan global pemanduan automatik dan kenderaan elektrik memerlukan kekuatan tinggi, bahan ringan, inovasi berteknologi tinggi serta bidang baru muncul yang lain. Oleh itu, syarikat telah menggandakan kapasiti pengeluarannya dan membuka pelbagai peluang perniagaan kepada pemain hiliran untuk mengkomersialkan produk mereka bagi aluminium bernilai tambah tinggi seperti E&E, penyimpanan tenaga dan komponen pesawat.

PRODUK LOGAM ASAS

Produk Logam Ferus (Besi dan Keluli)



Produk yang secara tradisinya digunakan dalam pembinaan dan kejuruteraan awam, yang terdiri daripada:

- ◆ Bilet
- ◆ Bar besi
- ◆ Batang dawai keluli

Produk rata yang digunakan terutamanya dalam industri bernilai tinggi seperti E&E, automotif, peranti perubatan dan O&G yang terdiri daripada:

- ◆ Slabs
- ◆ Hot/cold rolled coils
- ◆ Galvanised steel
- ◆ Colour-coated steel



Produk Logam Bukan Ferus



- ◆ Aluminium
- ◆ Timah
- ◆ Tembaga
- ◆ Zinc
- ◆ Plumbum

Peluang pertumbuhan lain adalah termasuk pasaran untuk magnesium. Dengan ciri-cirinya yang ringan, tegangan tinggi dan kekuatan bahan, serta kebolehmesinan yang baik membolehkan magnesium (dan aloinya) digunakan dalam industri automotif dan aeroangkasa. Pelabur berpotensi digalakkan untuk melabur dalam ekosistem ini secara menyeluruh bermula daripada perlombongan dolomit (sumber mentah magnesium) kepada pengilangan aloi magnesium dan pengeluaran alat ganti automotif dan aeroangkasa.

Logam bukan ferus seperti aluminium, tembaga, perak, bauksit, dan plumbum juga penting dalam mencapai objektif rendah karbon. Ketika dunia beralih ke teknologi rendah karbon, Kerajaan memberi fokus kepada mempromosikan pelaburan dalam produk logam bukan ferus yang digunakan dalam industri berteknologi tinggi dan pasaran khusus. Salah satu bidang khusus adalah pemulihan logam bukan ferus daripada sekerap sebagai bahan mentah utama. Produk berkaitan aluminium dan tembaga adalah pilihan utama kebanyakan pengeluar kerana keduanya mempunyai kadar pemulihan yang tinggi. Bakal pelabur perlu memberi penekanan kepada

projek yang mampu menguruskan sisa domestik dan sekerap yang baik termasuk proses penyisihan dan pengasingan sisa sumber.

Kerajaan telah menyemak semula dasar yang mengawal selia industri kitar semula/pemulihan dan pengimportan sekerap logam. Fokus adalah kepada kepentingan sisa tempatan /pengurusan sekerap dengan menggalakkan ekonomi kitaran selaras dengan dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) oleh MITI. Dasar ini juga merupakan langkah proaktif bagi memastikan Malaysia tidak menjadi tempat pembuangan sisa daripada negara lain.


PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK LOGAM ASAS TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

22 Projek Diluluskan


Jumlah **RM19.4 bil**

Peningkatan sebanyak **RM5 billion** berbanding tahun 2020



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM19.4 bil**



Peluang Pekerjaan

9,283
Jumlah Peluang Pekerjaan

Satu pelaburan penting diluluskan pada tahun 2021 adalah bagi projek baharu dalam subsektor logam bukan ferus daripada SK Nexilis Malaysia Sdn. Bhd. (SK Nexilis), dengan pelaburan berjumlah RM4.3 billion untuk menghasilkan *electro-deposited* kerajang tembaga yang digunakan dalam bateri iion litium. SKC adalah anak syarikat bagi syarikat Fortune 500. SK Nexilis juga merupakan pengeluar



terkemuka global bagi kerajang tembaga untuk bateri, terutamanya dalam inovasi *thin-tech* dalam pembuatan kerajang tembaga. Syarikat ini terkenal di kalangan pemain industri kerana inovasi terkemuka mereka dalam kerajang tembaga. Projek ini akan menyokong ekosistem kenderaan elektrik (EV) dan industri telekomunikasi. Projek yang terletak di Sabah ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 300 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada penduduk tempatan.

Produk Fabrikasi Logam

Industri produk fabrikasi logam di Malaysia didominasi oleh pemain PKS tempatan yang menjalankan proses fabrikasi logam ringkas dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Industri ini merupakan industri tertubuh dan sering dikaitkan dengan industri automotif dan peralatan berat. Proses fabrikasi adalah berbeza dari komponen kecil sehingga besar. Sektor ini penting dalam menyokong pertumbuhan pelbagai sektor lain seperti E&E, automotif, M&E, serta sektor bangunan dan pembinaan awam.


Industri ini menawarkan peluang terutamanya bagi produk fabrikasi logam yang direka khas dan khusus. Peningkatan kemahiran adalah amat diperlukan kerana proses fabrikasi seperti pemesinan dan pemotongan menggunakan komputer, penebuk, pengosongan, torehan, pengecapan, lipatan dan kimpalan memerlukan pengetahuan teknikal yang tinggi.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK FABRIKASI LOGAM TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing


34 Projek Diluluskan *

Jumlah **RM886.8** Juta



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM886.8** juta



Peluang Pekerjaan



1,214 Jumlah Peluang Pekerjaan

*Nota: tidak termasuk projek di bawah ESI, Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas

Tekstil dan Pakaian

Industri tekstil dan pakaian merupakan salah satu industri yang menyumbang kepada eksport utama Malaysia sejak tahun 1970-an. Pasaran eksport utama adalah AS, UK, Jerman, dan Jepun. Industri ini terus memberi fokus kepada pelaburan berkualiti tinggi termasuk pelaburan yang bernilai tambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan yang menggunakan pakai teknologi canggih, R&D dan inovasi. Melangkah ke hadapan, industri ini sedang meneroka peluang pertumbuhan baharu khususnya dalam tekstil teknikal/fungsi termasuk tekstil perubatan dan tekstil pintar yang bakal memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan dalam jangka masa panjang.



Industri tekstil dan pakaian merupakan salah satu industri yang menyumbang kepada eksport utama Malaysia sejak tahun 1970-an

Industri ini menyaksikan pengurangan eksport sejak lima tahun yang lalu disebabkan oleh kekurangan bahan mentah tempatan seperti gentian dan benang. Namun, terdapat beberapa faktor pemulihan yang dilihat boleh merangsang semula pertumbuhan dalam beberapa tahun akan datang.

Industri ini merekodkan eksport sebanyak RM22 bilion pada tahun 2021 berbanding RM21 bilion pada tahun 2020. Menurut Grand View Research, industri tekstil dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 4.4 peratus dari tahun 2021 sehingga tahun 2028 dengan pendapatan dijangka mencecah AS\$1,412.5 bilion pada tahun 2028.

Terdapat peningkatan permintaan bagi tekstil pintar yang menggunakan gentian optik, logam dan pelbagai polimer konduktif untuk menjaga alam sekitar. Permintaan ini dijangka meningkat sebanyak 3.7 peratus dalam tempoh yang diunjurkan berikutan prestasi tinggi dalam aplikasi pengguna akhir. Peningkatan populasi dan urbanisasi dalam ekonomi yang sedang pesat membangun juga telah meningkatkan permintaan untuk tekstil dan pakaian. Keutamaan untuk produk lestari akan mendorong syarikat tekstil untuk memberi fokus kepada pelaburan dalam amalan perkilangan berasaskan ESG yang menyasarkan kepada produk lestari.

Menurut *Mordor Intelligence*, gentian semula jadi dan fabrik bukan tenunan akan memacu pertumbuhan pasaran tekstil global. Memandangkan komposit gentian semula jadi lebih ringan dan lebih kuat daripada gentian konvensional, terdapat pelbagai aplikasi dalam industri automotif dan lain-lain. Selain itu, fabrik bukan tenunan juga digunakan dalam produk kebersihan seperti lampin dan tuala wanita serta dalam pembinaan jalan dalam bentuk geotekstil.

Sepanjang tahun 2021, MIDA telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan industri untuk mencari penyelesaian dan strategi yang boleh membantu menggiatkan semula industri tekstil dan pakaian. Pada pertengahan Julai, MIDA telah mengadakan sesi libat urus di antara industri dengan MITI bersama pihak berkepentingan lain semasa Mesyuarat Keempat Majlis Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia (FMFTA) bagi membincangkan isu-isu berkaitan operasi industri semasa sekatan pergerakan.

TEKSTIL DAN PAKAIAN



Antara fokus lain adalah dengan memberi penekanan kepada ekonomi kitaran dalam industri tekstil dan pakaian. Dengan mereka bentuk pakaian yang tahan lebih lama, mengitar semula tekstil yang digunakan, memperkenalkan bahan berasaskan bio dan memperkenalkan model perniagaan yang berkonsepkan pembaikan dan sewaan, industri ini mampu mengurangkan input dan outputnya. Pembinaan keupayaan teknikal, latihan kemahiran dan pelaburan dalam teknologi baharu juga akan menjadi pemangkin kepada penyelesaian kitaran.

Prinsip ESG yang berkaitan dengan industri ini adalah penting. MIDA telah melancarkan Minggu Batik yang diadakan selama lima hari pada Oktober 2021 dengan kerjasama di antara Persatuan Batik Malaysia, Yayasan Budi Penyayang Malaysia, FMFTA dan Kraftangan Malaysia. Program maya ini bertujuan untuk memartabatkan batik Malaysia dengan menerima teknologi baharu dan model

perniagaan hijau tanpa mengubah keunikan dan keaslian teknik tradisional. Penganjuran acara ini memberi peluang kepada pengeluar tempatan terutamanya PKS untuk menerima pakai teknologi dalam pengeluaran batik. Minggu Batik ini juga adalah untuk memberi pemahaman dan penghayatan tentang batik sebagai warisan Malaysia. Acara ini berjaya menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan industri terkemuka termasuk pemain industri tekstil dan pakaian, universiti dan agensi kerajaan.

Projek penting yang diluluskan adalah daripada syarikat milik Denmark, Fibertex Personal Care Sdn. Bhd., yang merupakan pakar dalam bukan tenunan spunmelt dan bukan tenunan bercetak untuk industri kebersihan. Projek pembesaran bernilai RM150 juta ini menawarkan sebanyak 36 peluang pekerjaan di Sendayan Tech Valley, Negeri Sembilan.


Satu lagi projek diluluskan ialah projek pembesaran di Telok Panglima Garang, Selangor dengan pelaburan bernilai RM46.8 juta daripada NAUE Asia Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh NAUE International GmbH yang merupakan sebuah syarikat Jerman. NAUE Asia ialah pengilang yang khusus bagi *full-service geosynthetic*, dilengkapi dengan *Bentofix geosynthetic clay liner ("GCL")* dan *multi-component GCL, Secutex*, dan tertib pengeluaran *secutex Soft Rock needle-punched non-woven*.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI TEKSTIL DAN PAKAIAN TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

19 Projek Diluluskan

Jumlah **RM381.4** juta



Peluang Pekerjaan

566
Jumlah Peluang Pekerjaan



Teknologi Bangunan

Malaysia mempunyai ekosistem pembinaan dan teknologi bangunan yang berkembang maju dalam menyumbang kepada peluang perniagaan dan pekerjaan dalam pelbagai bidang. Dua komponen utama ekosistem teknologi bangunan ialah industri mineral bukan logam dan sistem binaan berindustri (IBS).

Produk Mineral Bukan Logam

Malaysia mempunyai lebih 22 jenis mineral iaitu mineral logam, mineral bukan logam dan mineral tenaga. Ia merupakan sumber ekonomi penting bagi negara dengan potensi yang belum diterokai dalam pelbagai industri seperti pembinaan, E&E, aeroangkasa dan peranti perubatan. Pada April 2021, Kerajaan telah melancarkan Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 untuk mencapai pertumbuhan lestari dan memacu pembangunan rantai nilai industri mineral secara holistik. Pelabur digalakkan untuk memanfaatkan peluang terutamanya melibatkan mineral bukan logam untuk menghasilkan produk akhir bernilai tambah tinggi untuk pasaran tempatan dan eksport.

Di peringkat global, industri produk mineral bukan logam dianggarkan berjumlah AS\$274.7 bilion pada tahun 2021 dengan CAGR diunjurkan sebanyak 3.3 peratus daripada tahun 2021 sehingga tahun 2024. Di Malaysia, industri ini menerima pelaburan

berjumlah RM422.9 juta dengan 11 projek baharu bernilai RM220 juta dan enam projek pembesaran/ pelbagaian bernilai RM202.9 juta. Sebanyak RM311.3 juta pelaburan adalah majoriti daripada DDI (73.6%), manakala FDI pula sebanyak RM111.6 juta (26.4%). Sebanyak 782 peluang pekerjaan telah diwujudkan melalui pelaburan ini.

Kedua-dua nilai import dan eksport bagi produk mineral bukan logam meningkat pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 di mana Malaysia mengeksport sebanyak RM2.3 bilion berbanding eksport pada tahun 2020 sebanyak RM8.3 bilion, manakala import bernilai RM7.4 bilion atau RM800 juta lebih daripada tahun 2020. Kebanyakan eksport adalah ke negara seperti Singapura, Amerika Syarikat, PRC, India, dan Australia, manakala import pula adalah daripada negara PRC, Jepun, Taiwan, Vietnam dan Thailand.

Satu projek penting yang diluluskan dalam industri ini ialah projek pembesaran di Negeri Sembilan oleh Mediceram Sdn. Bhd. Syarikat ini mengeluarkan acuan bekas tangan seramik berteknologi tinggi yang digunakan untuk menghasilkan sarung tangan getah untuk pemeriksaan, pembedahan, isi rumah dan kegunaan industri am, menerusi penggunaan teknologi berkaitan Industri 4.0. Projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM95 juta dan menyediakan lebih 100 peluang pekerjaan.

Projek baharu yang diluluskan adalah daripada Unibase Pre-Cast Sdn. Bhd merupakan anak syarikat Crescendo Corporation Berhad (CCB) dengan pelaburan bernilai lebih RM50 juta. Aktiviti utama syarikat ini ialah pengilangan produk konkrit untuk pasaran domestik dan Singapura.

PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM



Sistem Binaan Berindustri (IBS)

Menurut Kajian Global Pembinaan KPMG, tahun 2021 menyaksikan kebangkitan semula industri pembinaan di seluruh dunia di mana dua pertiga daripada pemilik projek meramalkan untuk meningkatkan pelaburan modal mereka dan separuh daripada semua responden optimis tentang hala tuju pasaran masa hadapan. Kebanyakan kontraktor menjangkakan pendapatan mereka akan meningkat pada tahun hadapan dan hampir satu pertiga daripada mereka yakin dengan pertumbuhan sekurang-kurangnya sebanyak 10 peratus.

Kajian ini menyatakan bahawa pemulihan industri adalah disebabkan oleh daya tahan di mana separuh daripada syarikat kejuruteraan dan pembinaan yang dikaji berhasrat untuk membuat pelaburan dalam teknologi untuk meningkatkan penyaluran modal mereka. Selain itu, sebanyak 87 peratus daripada ke semua responden memahami keperluan membuat perancangan untuk kekal berdaya tahan dalam projek mereka.

Industri pembinaan Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan yang luar biasa sebanyak 40.3 peratus pada suku kedua tahun 2021 apabila aktiviti pembinaan dan rantai bekalan yang berkaitan boleh meneruskan semula operasi selepas prestasi yang kurang memberangsangkan pada suku pertama.

Bakal pelabur boleh memanfaatkan peluang pertumbuhan yang besar dalam dalam industri IBS kerana kadar pelaksanaan penggunaan IBS di Malaysia adalah masih berada pada paras yang rendah bagi sektor pembinaan. Pengilangan komponen bangunan (biasanya di luar tapak) dalam persekitaran terkawal akan dipasang ke dalam kerja-kerja pembinaan di mana IBS dan teknik pembinaan moden yang lain hanya boleh dilaksanakan dengan automasi dan masih belum diterima pakai oleh syarikat tempatan di Malaysia. Oleh itu, pelaburan dalam automasi untuk industri pembinaan dan IBS adalah amat digalakkan.

MIDA terus menyokong industri IBS melalui kerjasama yang diperbaharui dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) baharu pada November 2021 untuk mempromosikan penggunaan teknologi serta berkongsi amalan terbaik global dalam kalangan pemain industri pembinaan Malaysia. MoU ini bertujuan untuk mengukuhkan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD).

Kedua-dua pihak komited untuk mengukuhkan pembangunan dasar dan advokasi meliputi R&D, latihan, dan promosi IBS, teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) dan Revolusi Pembinaan 4.0 (CR4.0), inisiatif hijau dan kualiti bahan binaan serta promosi pelaburan dalam sektor berkaitan.

Terdapat tiga projek IBS diluluskan pada tahun 2021. Salah satunya adalah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia, MGB Sany Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat pembinaan dan pembangunan yang komprehensif dan bersepadu yang mengeluarkan produk konkrit precast IBS. Projek pembesaran ini terletak di Ijok, Selangor dengan jumlah pelaburan bernilai RM23 juta.

Satu lagi projek yang diluluskan adalah terletak di Bukit Minyak, Pulau Pinang merupakan syarikat milik penuh Malaysia, Chin Eng Precision Sdn. Bhd. Syarikat ini menghasilkan struktur bangunan modular IBS dengan nilai pelaburan bernilai RM5.3 juta.

AB5 Sdn. Bhd. merupakan pengeluar komponen bangunan *precast* IBS. Projek yang diluluskan di Lahat, Perak ini adalah untuk menghasilkan *beams*, *slabs* dan dinding dengan jumlah pelaburan bernilai RM12.8 juta.

Peranti Perubatan

Industri peranti perubatan global dijangka mencapai AS\$745 bilion menjelang tahun 2030 dengan CAGR sebanyak 5 peratus didorong oleh beberapa trend kesihatan di seluruh dunia termasuk penyakit berjangkit dan kronik serta mempercepatkan inovasi teknologi. Walaupun aktiviti ekonomi mengalami penurunan disebabkan pandemik, permintaan untuk ventilator dan Peralatan Pelindung Diri (PPE) terus meningkat. Permintaan untuk bekalan hospital seperti peranti diagnostik in-vitro dan peranti penjagaan pernafasan juga dijangka akan meningkat melalui langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jangkitan tersebut.

Rawatan penjagaan di rumah melalui profesional penjagaan kesihatan persendirian dan teleperubatan semakin mendapat permintaan apabila pesakit memilih untuk mengehendkan peluang pendedahan kepada COVID-19 dengan mencari alternatif lain untuk mendapatkan akses kepada kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan. Ini akan membolehkan pengguna memantau keperluan penjagaan kesihatan mereka dengan lebih baik. Pelabur digalakkan untuk merebut peluang daripada trend yang semakin meningkat ini.

Malaysia mempunyai industri peranti perubatan terbesar di rantau ASEAN dengan anggaran saiz pasaran bernilai AS\$1.8 bilion dan merupakan tapak perkilangan luar pesisir pilihan untuk syarikat teknologi perubatan global. Peranti perubatan yang dieksport dari Malaysia dipantau dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), sebuah badan kawal selia yang diwujudkan di bawah Kementerian Kesihatan. Kebanyakan pengeluar peranti perubatan domestik telah mematuhi piawaian antarabangsa seperti ISO 13485, US FDA 21 CFR Part 820 dan CE Mark. Lebih 90 peratus peranti perubatan yang dikeluarkan di negara ini adalah untuk pasaran eksport.


PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PERANTI PERUBATAN TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

38 Projek Diluluskan


Jumlah **RM7.7 bil**

Peningkatan sebanyak RM1.6 bilion menerusi 13 projek iaitu lebih sedikit berbanding tahun 2020, menandakan peningkatan CIPE dan peralihan ke projek yang lebih berkualiti



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM7.7 bil**



Peluang Pekerjaan

12,498 Jumlah Peluang Pekerjaan



15 projek (39.5%) dengan pelaburan bernilai **RM2.2 bilion** adalah untuk pengilangan peranti perubatan selain daripada sarung tangan perubatan dan topeng muka

Projek-projek ini adalah untuk produk berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi

Rantainya bekalan peranti perubatan di negara ini disokong oleh industri utama seperti industri semikonduktor, E&E, kejuruteraan jitu dan produk plastik. Ekosistem menyeluruh ini menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang lebih menarik bagi pengilang peranti perubatan global yang ingin menghasilkan peranti perubatan bernilai tambah tinggi dan perkhidmatan sokongan.

Pengilang peranti perubatan berteknologi tinggi boleh dipertimbangkan untuk pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun selama lima tahun. Selain itu, melalui PENJANA, Malaysia menawarkan Insentif Penempatan Semula sehingga Disember 2022 untuk pelaburan peranti perubatan baharu.

Antara projek yang diluluskan adalah pelaburan baharu oleh Menicon Malaysia Sdn. Bhd. (Menicon) yang merupakan pengeluar kanta sentuh pertama dan terbesar di Jepun. Menicon akan mengeluarkan kanta sentuh dan intraokular di Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM650 juta. Kanta intraokular ditanam di dalam mata sebagai sebahagian daripada rawatan untuk katarak atau rabun serta memulihkan kerosakan lama pada mata rabun dekat, rabun jauh dan astigmatik. Projek berorientasikan eksport ini akan mewujudkan sebanyak 278 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia dengan 141 pekerja berada dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Malaysia dipilih sebagai kilang pertama syarikat di Asia Tenggara kerana infrastruktur sokongan negara yang baik, sumber bakat mahir serta sokongan berterusan daripada Kerajaan.

Farmaseutikal

Pendapatan industri farmaseutikal global mencecah AS\$1.3 trilion pada tahun 2020 di mana industri ini dijangka berkembang dengan CAGR sebanyak 8 peratus kepada AS\$1.7 trilion pada tahun 2025. R&D kekal sebagai tulang belakang utama industri ini di mana syarikat akan membelanjakan sekurang-kurangnya 20 peratus hasil jualan mereka untuk projek R&D. Asia Pasifik adalah pasaran farmaseutikal kedua terbesar di dunia yang menyumbang 26 peratus daripada jumlah pasaran global.

Industri farmaseutikal Malaysia mempunyai keupayaan untuk menghasilkan pelbagai jenis produk seperti penyediaan steril, suntikan dan infusi, kapsul

dan tablet, serta ubat *time-release* dan cecair.

Farmaseutikal buatan Malaysia diterima di peringkat global disebabkan oleh pematuhan pensijilan dan piawaian antarabangsa seperti Amalan Pengilangan Baik Eropah dan ISO 17025, di mana negara juga merupakan ahli Konvensyen Pemeriksaan Farmasi dan Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal.

Terdapat lebih daripada 269 pengilang di Malaysia telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA) yang merupakan badan induk bagi pendaftaran, pelesenan dan pemantauan produk farmaseutikal, kesihatan dan penjagaan diri di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Daripada jumlah ini, sebanyak 179 daripada pengilang (66.5%) dikategorikan sebagai pengeluar ubat tradisional dan suplemen kesihatan, sebanyak 78 (29%) sebagai pengeluar farmaseutikal dan sebanyak 12 (4.5%) adalah pengeluar produk veterinar. Pada 31 Disember 2021, sebanyak 1,505 produk farmaseutikal baharu telah didaftarkan dengan DCA termasuk produk tradisional (41.7%), ubat preskripsi (12.2%), suplemen kesihatan (29.4%), ubat bukan preskripsi/OTC (3.6%), entiti kimia baharu (3.9%), ubat veterinar (4.9%) dan biologi (4.2%).

Beberapa tahun kebelakangan ini, industri farmaseutikal domestik memberi fokus kepada aktiviti R&D berkaitan COVID-19 bagi merebut peluang dengan memanfaatkan kekurangan di seluruh dunia bagi produk tertentu yang berkaitan dengan pandemik tersebut. Ekosistem industri ini kekal berdaya tahan walaupun terdapat sekatan pergerakan dan penutupan sempadan. Kerajaan mengiktiraf potensi besar industri farmaseutikal dan terus menggalakkan pelaburan yang melibatkan inovasi dan teknologi termaju bagi memacu ekosistem farmaseutikal tempatan ke arah penghasilan produk bernilai tambah tinggi.



Dalam Bajet 2022, insentif cukai terpilih telah dilanjutkan di mana pelabur dapat menikmati kadar cukai di antara sifar hingga 10 peratus untuk tempoh 10+10 tahun jika syarikat mengeluarkan produk farmaseutikal termasuk vaksin di dalam negara. Insentif Penempatan Semula PENJANA ini menyediakan kadar cukai istimewa sebanyak sifar peratus untuk pelaburan melebihi RM300 juta bagi syarikat baharu dan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus untuk syarikat sedia ada. Insentif ini telah dilanjutkan sehingga akhir tahun 2022.

Ekosistem farmaseutikal Malaysia semakin berkembang melalui keupayaan R&D, insentif yang tersedia dan bekalan bahan mentah semula jadi yang mencukupi menjadikan industri ini berkembang melangkaui pengeluaran ubat generik dan vaksin *fill-and-finish* serta menjalankan ujian klinikal dan pembangunan ubat. Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin yang baru dilancarkan akan menjadikan Malaysia sebagai negara berpotensi sebagai pengeluar vaksin pada masa hadapan dengan menggalakkan pembangunan dan keupayaan pengeluaran vaksin untuk manusia secara tempatan serta menjadikan negara sebagai pengeluar vaksin di Asia.

Antara projek diluluskan ialah Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM278.6 juta untuk menjalankan aktiviti pengilangan vaksin termasuk aktiviti *fill-and-finish* untuk vaksin CoronaVac di bawah Sinovac Biotech Ltd. bagi memenuhi permintaan untuk vaksin COVID-19 serta pengilangan pukal untuk vaksin pada masa depan. Projek ini yang merupakan contoh bagi Malaysia dalam meneroka pembangunan dan pengeluaran vaksin manusia buatan sendiri dan dijangka akan mewujudkan sebanyak 99 peluang pekerjaan baharu khususnya dalam bidang sains dan teknikal.

Satu lagi projek diluluskan ialah syarikat farmaseutikal tempatan Nashmir Capsule Sdn. Bhd. bagi projek pembesaran untuk mengeluarkan *empty hard gelatine capsule shells* untuk dos siap, makanan tambahan dan ubat-ubatan tradisional Cina. Syarikat ini merupakan satu-satunya pengeluar *empty hard gelatine capsule shells* berkualiti tinggi di Malaysia dan produknya telah disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Keupayaan syarikat untuk menembusi pasaran

ASEAN dan MENA (Timur Tengah dan Afrika Utara) adalah bukti keupayaan pengilang tempatan untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Projek ini berjaya melengkapkan lagi ekosistem industri farmaseutikal Malaysia yang semakin berkembang dengan peluang yang masih belum diterokai.


PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI FARMASEUTIKAL TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

7 Projek Diluluskan

Jumlah **RM419.5** juta

Peningkatan sebanyak **RM266.7 juta** daripada tahun 2020 iaitu sebanyak RM152.8 juta



↑ 3x Hampir tiga kali ganda daripada jumlah yang diluluskan pada tahun 2020

Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM419.5** juta



Peluang Pekerjaan

347 Jumlah Peluang Pekerjaan

Bioteknologi

Pasaran bioteknologi global adalah bernilai AS\$627.63 bilion pada tahun 2020 dan dijangka akan berkembang pada CAGR 8.57 peratus sehingga tahun 2026 dengan dipacu oleh perkembangan baharu dalam penemuan ubat untuk pelbagai penyakit. R&D untuk vaksin dan rawatan COVID-19 telah banyak memberi pertumbuhan kepada industri bioteknologi, di mana syarikat seperti Pfizer Inc. dan BioNTech SE serta AstraZeneca plc telah menerima manfaat.

Di Malaysia, industri bioteknologi telah beralih daripada produk tradisional ke arah produk yang

boleh diperbaharui, tidak bertoksik dan kos yang kompetitif. Dasar Bioteknologi Negara (NBP) yang dilancarkan pada tahun 2005 menggariskan tiga sektor pembangunan ekonomi bioteknologi iaitu pertanian, penjagaan kesihatan dan perkilangan perindustrian menerusi ekosistem bioteknologi yang sedang berkembang pesat menerusi pelbagai pusat inovasi dan penyelidikan akademik.



Pelabur boleh mempertimbangkan pelbagai peluang untuk membangunkan penyelesaian biofarmaseutikal dan bioperubatan bagi meningkatkan kualiti penyediaan penjagaan kesihatan untuk pasaran domestik dan global. Contoh penyelesaian adalah kemunculan ubat-ubatan yang bersifat peribadi atau ubat-ubatan jitu. Daripada pembuatan ubat-ubatan berasaskan kepada 'one-size-fits-all' secara tradisi, genomik moden telah membolehkan penyesuaian bagi ubat-ubatan tertentu untuk individu bergantung kepada DNA mereka.

Pada tahun 2021, satu projek bioteknologi baharu telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM11.2 juta. Pelaburan daripada Cell Tissue Technology Sdn. Bhd., adalah bagi pengeluaran *tissue-engineered human skin* yang bertujuan untuk merawat kehilangan kulit dan ulser yang tidak sembuh. Projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 20 peluang pekerjaan baharu yang majoritinya adalah untuk jawatan pengurusan dan

profesional. Melalui pengkomersilan, Cell Tissue Technology akan mengurangkan jurang dalam penyelidikan kejuruteraan tisu dan menyediakan penyelesaian teknologi perubatan yang lebih berpatutan kepada orang ramai. Sebagai syarikat pertama di Malaysia, projek kejuruteraan tisu ini adalah penting bagi industri bioteknologi dan akan menyumbang dalam peningkatan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Agro Makanan

Projek pertanian berskala besar dan berimpak tinggi mampu untuk membantu Malaysia memenuhi keperluan bagi pengeluaran makanan serta mengurangkan kebergantungan negara terhadap makanan import dari masa ke semasa. Di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030, tumpuan diberikan kepada pembangunan dan peningkatan hasil pertanian utama seperti beras, tenusu, ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menggalakkan inovasi dan penggunaan teknologi termaju dalam operasi dan ini akan meningkatkan lagi keuntungan serta proses pengeluaran pertanian yang lebih cekap, lestari dan berdaya tahan.

Permodenan industri agromakanan melalui penggunaan automasi dan dipacu oleh teknologi seperti 'perladangan pintar' atau 'pertanian jitu' akan membantu pelabur menyumbang kepada kelestarian ekosistem makanan Malaysia selaras dengan SDG 2 – Tanpa kelaparan yang bertujuan untuk menghentikan semua bentuk kelaparan dan kekurangan zat makanan menjelang tahun 2030. Ini bagi memastikan semua orang terutamanya kanak-kanak mendapat makanan berkhasiat yang mencukupi. Kerajaan mengalu-alukan pelaburan yang melibatkan pertanian lestari dan membantu petani berskala kecil dengan memastikan akses sama rata kepada tanah, teknologi dan pasaran.

Pada tahun 2021, MAFI telah meluluskan insentif cukai untuk enam projek bernilai RM20.5 juta dan mewujudkan sebanyak 103 peluang pekerjaan melalui projek-projek ini.

Pemprosesan Makanan

Peluang di dalam pengilangan produk makanan bernilai tinggi semakin meningkat seiring dengan

peningkatan permintaan untuk produk lestari. Trend ini boleh dilihat dalam industri pemprosesan makanan negara yang semakin pelbagai dengan permintaan terhadap produk berasaskan tumbuhan seperti kekacang, kacang, oat dan kelapa. Pada tahun 2021, MIDA telah meluluskan lima projek makanan berasaskan tumbuhan bernilai RM309.6 juta. Ia diunjurkan berkembang pada kadar 10 peratus setahun dengan pasaran produk yang semakin berkembang pesat sejak tahun 2019.


PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PEMROSESAN MAKANAN TAHUN 2021

Pemprosesan Makanan & Minuman

Domestik berbanding Asing

77 Projek Diluluskan

Jumlah **RM2.3** bil



56 projek baharu dan 21 projek pembesaran/ pelbagaian dengan



5,139

Jumlah Peluang Pekerjaan

Sub Sektor Makanan Haiwan

Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah **RM3.1** bil

3 Projek Diluluskan



138

Jumlah Peluang Pekerjaan

Peningkatan produktiviti dalam industri ini dan pencapaian pengeluaran makanan lestari memerlukan perubahan amalan dan proses semasa untuk bersaing dengan trend terkini. Kerajaan berhasrat untuk mengukuhkan peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan dengan meningkatkan kadar penggunaan, merapatkan jurang pembangunan di antara wilayah dan negeri serta di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Pelabur berpotensi digalakkan untuk mengguna pakai teknologi Industri 4.0 seperti *Big Data*, *IoT*

dan *AI* serta memperhalusi penggunaan robotik dan penderia pintar dalam proses pengeluaran mereka. Ini akan membantu mengubah landskap industri dan mewujudkan pembangunan bakat yang strategik berintensifkan pengetahuan selaras dengan matlamat NIA untuk mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi untuk negara.

Projek yang diluluskan ini melibatkan pengeluaran bahan makanan, buah-buahan dan sayur-sayuran yang diproses, gula dan gula berasaskan coklat, produk daging yang diproses, minuman, bijirin dan produk berasaskan tepung, produk tenusu dan produk makanan lain.

Di samping itu, terdapat peningkatan dalam segmen makanan haiwan bagi industri makanan global. Pada tahun 2021, terdapat tiga projek yang diluluskan dalam subsektor ini termasuk projek pelaburan asing terkemuka bagi makanan akuakultur bernilai RM3 bilion dari China dan dua projek makanan haiwan bernilai RM28.2 juta, di mana satu projek tersebut adalah dari Singapura. Sebanyak 138 peluang pekerjaan akan diwujudkan melalui ketiga-tiga projek ini.

Produk Makanan Berasaskan Minyak Sawit

Malaysia mendapat manfaat daripada harga CPO yang tinggi pada tahun 2021 dengan harga mencecah paras tertinggi iaitu RM5,341/tan pada November, merupakan yang tertinggi dalam tempoh sembilan tahun lepas. Ini disebabkan oleh kekurangan pengeluaran yang terkesan akibat kekurangan tenaga buruh dan menyebabkan pengeluaran rendah berbanding dengan permintaan yang tinggi. Seiring Indonesia, Malaysia mengeluarkan sebanyak 85 peratus minyak sawit global dan kedua-dua negara ini mempunyai 30 peratus pegangan global dalam pengeluaran minyak dan lemak.

Harga komoditi utama termasuk minyak sawit terus meningkat apabila aktiviti ekonomi mula dibuka semula dengan pelonggaran sekatan COVID-19 di kebanyakan negara. Dengan kelonggaran sekatan sempadan, Kerajaan Malaysia telah membenarkan sebanyak 32,000 pekerja asing memasuki negara ini pada tahun 2022 untuk bekerja di ladang kelapa sawit.

Sektor minyak sawit tempatan yang dipacu oleh segmen hulu sejak beberapa dekad lalu telah

bersedia untuk meningkatkan permintaan dalam segmen hiliran pada masa hadapan. Potensi industri minyak sawit di negara ini terletak kepada aktiviti hiliran sekali gus mengurangkan kebergantungannya kepada peningkatan margin dan perubahan harga CPO. MIDA juga memberi penekanan kepada inisiatif untuk menaik taraf proses hiliran dan teknologi untuk produk minyak sawit bernilai tambah tinggi serta menyumbang kepada pendapatan yang lebih tinggi dalam sektor minyak sawit.

Dengan prospek permintaan yang positif, lebih 35 juta tan minyak sawit tambahan boleh dikeluarkan setiap tahun tanpa perlu tambahan tapak tanah perladangan dan masih terdapat potensi pertumbuhan yang besar. Menurut Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perladangan Industri dan Komoditi, jika industri ini mampu meningkatkan pendapatannya sebanyak 50 peratus melalui tanaman bijian minyak lain, ia akan memberi peningkatan besar dalam pendapatan serta akan meningkatkan daya tahan industri ini. Sehingga Disember 2021, sebanyak 451 syarikat pengilang telah dilesenkan oleh MPOB dengan 49 syarikat mempunyai kilang penapisan yang telah beroperasi dan Lesen Pengilang yang diluluskan oleh MIDA.

disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk biotena. Bermula dari tahun 2015 sehingga tahun 2020, nilai eksport biojisim sawit Malaysia meningkat tiga kali ganda daripada RM77 juta kepada RM222 juta. Industri ini mempunyai potensi disebabkan oleh sumber negara yang mencukupi serta peluang pelaburan untuk bakal pelabur.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganggarkan Malaysia mempunyai sebanyak 5.9 juta hektar ladang kelapa sawit. Pada tahun 2020, negara mengeluarkan sebanyak 96.6 juta tan biojisim sawit yang terdiri daripada daun kelapa sawit besar atau pelepah terpankask dan batang kelapa sawit (OPT) di tapak ladang. Selain itu, pemprosesan tandan buah segar di kilang kelapa sawit akan menghasilkan biojisim seperti tandan buah kosong (EFB), tempurung isirong sawit (PKS), hampas kelapa sawit dan gentian sabut.

Biojisim sawit boleh digunakan sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui di dalam dan di luar negara. Dasar Tenaga Negara yang diumumkan dalam RMKe-12 merupakan dasar tenaga komprehensif yang bertujuan menjadikan Malaysia neutral karbon menjelang tahun 2050 dengan matlamat untuk mempunyai tenaga boleh diperbaharui sebanyak 31 peratus daripada jumlah kapasiti penjanaan tenaga Malaysia menjelang akhir tahun 2025. Menurut data tahun 2021 daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), pada masa ini negara mempunyai keupayaan untuk menghasilkan lebih daripada 2400 MW biojisim dan 410 MW biogas yang masing-masing boleh menghasilkan 82.0MW dan 113.4MW elektrik.

Pasaran pelet biojisim global telah berkembang melalui inisiatif kerajaan dan peraturan alam sekitar yang ketat yang mendorong permintaan untuk sumber tenaga boleh diperbaharui, terutama - negara-negara seperti PRC, Jepun dan ROK telah berjanji untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih dalam beberapa dekad akan datang selaras dengan SDG. Di Malaysia, pelet biojisim boleh diperolehi daripada EFB dan PKS serta daripada sumber lain termasuk tumbuhan berkayu, industri perkayuan, habuk papan, tebu dan *switchgrass*.


MIDA telah meluluskan tiga projek untuk mengeluarkan produk berasaskan biojisim sawit

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI MAKANAN BERASASKAN MINYAK SAWIT TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

2 Projek Pemasaran Diluluskan

Jumlah **RM45.6** juta



Peluang Pekerjaan



99
Jumlah Peluang Pekerjaan



Projek diluluskan melibatkan pengeluaran Minyak Sawit Ditapis, Dilunturkan dan Dinyahbau (RBDPO) serta penyulingan asid lemak sawit

Biojisim Sawit

Industri biojisim sawit Malaysia telah berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini

pada tahun 2021 dengan jumlah pelaburan bernilai RM152.5 juta. Pelaburan asing menguasai industri dengan pelaburan bernilai RM148.3 juta (97.2%) dan dijangka menyediakan sebanyak 164 peluang pekerjaan. Salah satu projek yang diluluskan ini adalah daripada syarikat milik penuh asing untuk mengeluarkan pelet hitam daripada EFB dengan pelaburan sebanyak RM123 juta serta akan menyediakan sebanyak 141 peluang pekerjaan.



Pasaran pelet biojisim global telah berkembang melalui inisiatif kerajaan dan peraturan alam sekitar yang ketat yang mendorong permintaan untuk sumber tenaga boleh diperbaharui, terutama - negara-negara seperti PRC, Jepun dan ROK telah berjanji untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih dalam beberapa dekad akan datang selaras dengan SDG.

MIDA juga telah meluluskan empat lagi projek berkaitan biojisim yang tidak melibatkan biojisim sawit dengan pelaburan berjumlah RM55.2 juta. Pelaburan domestik mendominasi subsektor ini dengan pelaburan bernilai RM39.1 juta (70.8%), manakala selebihnya adalah daripada FDI. Projek-projek ini yang menggunakan biojisim daripada sisa kayu dan sisa pertanian lain dijangka akan mewujudkan sebanyak 126 peluang pekerjaan baharu.

DEFINISI BIOJISIM



Kimia dan Produk Kimia

Pada tahun ini, industri kimia dan produk kimia kekal penting dan berdaya tahan dalam sektor perkilangan dengan rantaian nilai yang komprehensif meliputi bahan kimia pertanian, gas industri, bahan kimia bukan organik, cat, sabun, bahan pencuci, dakwat percetakan serta produk kimia lain dan pelet boleh dikitar semula.


Pada suku ketiga tahun 2021, industri ini bersama produk petroleum termasuk petrokimia, produk getah dan produk plastik industri menyumbang sebanyak 12.6 peratus kepada pertumbuhan sektor perkilangan walaupun menghadapi cabaran dalam pengoperasian akibat sekatan COVID-19 dan berperanan menyokong industri / perkhidmatan penting lain seperti makanan, farmaseutikal, peranti perubatan, produk getah dan E&E.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI KIMIA DAN PRODUK KIMIA TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

81 Projek Diluluskan

Jumlah **RM4.8 bil**



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM4.8 bil**




Peluang Pekerjaan

2,584
Jumlah Peluang Pekerjaan

Import dan eksport bahan kimia dan produk kimia meningkat dengan ketara pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi industri produk plastik dan produk getah. Jumlah eksport bahan kimia dan produk kimia pada tahun 2021 adalah sebanyak RM70.7 bilion iaitu pertumbuhan sebanyak 39.3 peratus daripada tahun

sebelumnya. Import bahan kimia dan produk kimia pada tahun ini adalah sebanyak RM96.5 bilion iaitu peningkatan sebanyak 29.9 peratus berbanding tahun 2020.




Projek baharu penting yang diluluskan dalam industri ini adalah projek daripada LG PETRONAS Chemicals Malaysia Sdn. Bhd., merupakan kerjasama di antara PETRONAS Chemicals Group Berhad (PCG) dan LG Chemicals Ltd. (LG Chem). Syarikat ini akan mengeluarkan *nitrile butadiene* latex (NBL) dengan kapasiti tahunan sebanyak 200,000 tan. NBL ialah bahan mentah utama untuk pembuatan sarung tangan *nitrile* yang digunakan secara meluas dalam industri seperti penjagaan kesihatan, perubatan dan makanan. Melalui R&D dan pelaburan berterusan, PCG dan LG Chem akan bekerjasama untuk menawarkan pelbagai gred dan penggunaan inovatif bagi NBL serta membangunkan produk bernilai tambah tinggi. Projek ini dijangka akan mewujudkan lebih 100 peluang pekerjaan baharu.

Satu lagi projek penting yang sedang dijalankan ialah pengeluaran natrium silikat oleh SPCI OSC Silicate (M) Sdn. Bhd., merupakan kerjasama di antara SPCI iaitu pengeluar kimia terkemuka yang memproses dan membekalkan perkhidmatan di Malaysia dan Singapura bersama OSC iaitu syarikat Taiwan yang merupakan pengeluar terkemuka bagi *precipitated silica*, natrium silikat dan *factice* di Asia Pasifik. Kemudahan pengeluaran baharu di Kuantan, Pahang ini mempunyai kapasiti pengeluaran natrium silikat tahunan sehingga 80,000 tan.

Natrium silikat yang mempunyai ciri kalis api ialah bahan mentah utama bagi silika termendak yang digunakan untuk tayar hijau dan tayar rintangan geseran rendah dan digunakan secara khusus dalam EV. Natrium silikat juga berfungsi sebagai bahan pelbagai guna yang digunakan dalam pembaikan logam serta aplikasi yang melibatkan penyimenan barang yang terdedah kepada haba atau api. Ia juga digunakan sebagai bahan mentah untuk menghasilkan bahan kimia khusus untuk mengawet makanan, merawat kayu dan melindungi kayu daripada serangga. Selain itu, ia digunakan untuk mengecilkan liang dalam konkrit dan mengikat silikat secara kekal ke permukaan bagi menjadikannya lebih haus dan kalis air.

Pelan Hala Tuju Industri Kimia (CIR) 2030 yang pertama di Malaysia merupakan panduan utama bagi industri kimia dalam tempoh 10 tahun sehingga tahun 2030 yang di sokong oleh rantaian bekalan dan nilai industri kimia kepada pertumbuhan ekonomi negara.

PELAN INDUSTRI KIMIA (CIR) 2030



Aspirasi

- Meningkatkan nilai tambah daripada blok yang dibina
- Meningkatkan integrasi hiliran
- Meningkatkan daya saing produk
- Meningkatkan kelestarian
- Pengenalan teknologi baharu



Segmen Keutamaan sasaran

- Bahan kimia asas dan perantaraan
- Plastik dan polimer
- Bahan kimia khusus

Segmen Kimia Sasaran

- Baja
- Oleokimia
- Perantaraan C1
- Komposit berprestasi tinggi
- Getah sintetik
- Plastik (komoditi, kejuruteraan, prestasi tinggi)
- Agrokimia
- Bahan kimia penjagaan
- Bahan kimia pemakanan
- Bahan kimia elektronik
- Bahan kimia pembinaan

Produk Petroleum termasuk Petrokimia

PRODUK PETROLEUM TERMASUK PETROKIMIA



Produk petroleum yang diperoleh daripada minyak mentah termasuk:

- Petrol
- Diesel
- Kerosin
- Nafts Kondensat
- Gas petroleum cecair (LPG)
- Gas asli cecair (LNG)
- Minyak pelincir



Petrokimia digunakan dalam pengeluaran:

- Plastik
- Gentian sintetik
- Bahan pencuci sintetik
- Getah sintetik
- Pelaru
- Cat
- Pewarna
- Bahan pelekat
- Agrokimia
- Farmaseutikal

Pasaran petrokimia global berkembang pada CAGR sebanyak 17.6 peratus daripada AS\$365 bilion pada tahun 2020 kepada AS\$429.1 bilion pada tahun 2021 dan dijangka mencecah AS\$477.85 bilion pada tahun 2025 dengan CAGR sebanyak 3 peratus. Bagi penguasaan pasaran pula, Asia Pasifik menyumbang lebih 45 peratus daripada hasil global pasaran pada tahun 2020. Produk petroleum Malaysia termasuk industri petrokimia merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan KDNK negara.

Negara bukan sahaja menjadi peneraju dalam pengeluaran gas asli, produk petroleum dan petrokimia asas malah turut memberi fokus kepada petrokimia khusus bagi mewujudkan rantai nilai lengkap bagi produk siap yang termaju. PETRONAS iaitu syarikat minyak dan gas negara terus menerajui industri petrokimia di Malaysia dan telah berjaya bekerjasama dengan syarikat petrokimia besar lain seperti Idemitsu, Lotte Chemicals dan BASF bagi membina kemudahan pengeluaran di negara ini. Dengan ketersediaan bahan mentah yang mencukupi dan keberadaan syarikat-syarikat peneraju dalam industri ini, Malaysia telah mencapai kedudukan yang baik di rantau ini.

Terdapat empat kompleks petrokimia di Malaysia dengan fasiliti terbaharu iaitu Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) yang akan mula beroperasi menjelang tahun 2022. Kompleks petrokimia ini akan memberikan perkhidmatan sokongan terkini dengan perkongsian seperti pengendalian bahan buangan bersambung, pergudangan pintar, infrastruktur pemeteran termaju untuk utiliti dan pusat R&D. Adalah menarik dari segi ekonomi, di mana syarikat-syarikat peneraju dalam industri ini menyediakan kemudahan bagi menjalankan aktiviti petrokimia khusus yang lebih kompleks dengan menjadikan Malaysia sebagai hab petrokimia di ASEAN.

Bakal pelabur digalakkan untuk memanfaatkan RAPID dan melabur dalam segmen petrokimia khusus kerana terdapat daya tarikan dalam industri ini yang sedang membangun seperti tekstil, aeroangkasa, peranti perubatan dan automotif. Pelabur juga boleh mempertimbangkan untuk mengguna pakai teknologi berkaitan Industri 4.0 bagi membangunkan portfolio petrokimia khusus terutamanya untuk industri dan pasaran khusus.

Pelan Hala Tuju Industri Kimia 2021-2030 (CIR) yang dibangunkan baru-baru ini telah menggariskan rancangan seiring dengan pelan hala tuju negara yang lain seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (IMP Baharu), Wawasan Kemakmuran Bersama (SPV) 2030 dan RMKe-12 bagi menjadikan produk petroleum dan industri petrokimia negara sebagai hab global.



Industri ini menyumbang sebanyak RM95.7 bilion kepada jumlah eksport Malaysia iaitu RM1.2 trilion pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.6 peratus berbanding tahun 2020. Selain itu, sebanyak RM89.6 bilion produk petroleum telah diimport.

Projek baharu penting diluluskan pada tahun 2021 adalah daripada syarikat Zhonghe Industries Sdn. Bhd. ("ZISB"). Syarikat ini telah memperoleh teknologi yang dipatenkan untuk memproses dan menapis sisa minyak untuk menjadi minyak asas yang boleh dipasarkan dan digunakan. ZISB merancang untuk membangunkan kilang pembuatan minyak asas dengan keupayaan pengeluaran pelincir agar produk tersebut boleh memenuhi keperluan kawal selia bagi kegunaan industri. Di samping itu, ZISB telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan institut penyelidikan dalam menghasilkan lebih banyak bahan dengan standard yang boleh diterima bagi mengekalkan pembangunan perniagaan yang berterusan dalam industri ini. Projek ini akan melibatkan pelaburan berjumlah RM50 juta dan dijangka menyediakan lebih 70 peluang pekerjaan.

Pelaburan lain yang diluluskan ialah projek pembesaran untuk memproses semula minyak daripada sisa plastik melalui pirolisis. Ditubuhkan pada tahun 2002, Heng Hiap Industries Sdn. Bhd. (HHI) ialah syarikat kitar semula plastik bersepadu sepenuhnya yang bergantung kepada 18 hak milik intelek dan tanda perniagaan untuk memasuki 37 pasaran antarabangsa. HHI mengeluarkan dan membuat resin plastik boleh dikitar semula yang unggul untuk digunakan dalam pelbagai produk siap. Penyepaduan rantai bekalan memberikan syarikat kawalan penuh ke atas kualiti bahannya sepanjang proses pengeluaran. Lebih daripada 70 peratus minyak yang dikitar semula dieksport ke 35 negara di seluruh dunia untuk digunakan oleh pemain industri kimia bagi proses pengeluaran dalam pembuatan polimer kitaran baharu yang diperakui. Khususnya, projek ini melibatkan kerjasama HHI dengan peneraju industri kimia global untuk menghasilkan polimer kitaran pertama yang diperakui melalui kitar semula termaju sekerap plastik. Projek yang terletak di Pasir Gudang, Johor ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4 juta.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK PETROLEUM (TERMASUK PETROKIMIA) TAHUN 2021



Produk Plastik

Produk plastik yang terdiri daripada produk isi rumah biasa dan bahan pembungkusan kepada produk berprestasi tinggi dalam sektor E&E, telekomunikasi, automotif, peranti perubatan dan penjagaan kesihatan. Secara amnya, COVID-19 telah menyaksikan lonjakan yang tinggi bagi produk plastik terutamanya untuk peralatan pelindung diri (PPE) seperti gaun, apron dan topeng muka yang kesemuanya mendapat permintaan tinggi daripada sektor penjagaan kesihatan.

Sebagai industri penting, syarikat dan pengilang berkaitan dibenarkan untuk terus beroperasi sepanjang tempoh PKP pada tahun 2021. Dengan daya tahan dalam tempoh tersebut, industri ini dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 3.4 peratus dari tahun 2021 sehingga tahun 2028.

Industri produk plastik menunjukkan prestasi yang sangat baik pada tahun 2021 (Jan-Ogos) dengan jumlah dagangan sebanyak RM19.2 bilion berbanding tahun 2020 (Jan-Ogos) iaitu sebanyak RM15.8 bilion. Jumlah eksport produk plastik Malaysia adalah berjumlah RM10.3 bilion (Jan-Ogos 2021).

Pengilang pembungkusan plastik Malaysia adalah berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mampu memenuhi permintaan industri makanan di seluruh dunia. Langkah seterusnya adalah untuk mengembangkan lagi potensi daya saing mereka dalam bidang plastik yang berpotensi dan berprestasi tinggi, di mana terdapat peluang pertumbuhan yang boleh diterokai. Selain itu, terdapat keperluan

untuk mempercepatkan penggunaan automasi dan teknologi digital yang berkaitan dengan Industri 4.0.



Pengilang pembungkusan plastik Malaysia adalah berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mampu memenuhi permintaan industri makanan di seluruh dunia. Langkah seterusnya adalah untuk mengembangkan lagi potensi daya saing mereka dalam bidang plastik yang berpotensi dan berprestasi tinggi, di mana terdapat peluang pertumbuhan yang boleh diterokai. Selain itu, terdapat keperluan untuk mempercepatkan penggunaan automasi dan teknologi digital yang berkaitan dengan Industri 4.0.

Untuk meningkatkan daya tahan industri plastik, MIDA telah menjalankan pelbagai inisiatif bersama Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) dan pihak berkepentingan lain. Antaranya ialah siri webinar yang menerangkan insentif dan usaha Kerajaan untuk mempromosikan penggunaan Industry4WRD dan automasi, khususnya bagi PKS. MIDA juga telah bekerjasama dengan MPMA semasa PKP 3.0 untuk memastikan pematuhan SOP dalam industri ini, terutamanya berkaitan vaksinasi tenaga kerja.

Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 adalah komitmen industri ke arah ekonomi kitaran dan kelestarian. Pengurusan sisa yang lestari adalah diutamakan selaras dengan garis panduan SDG dan ESG. Terutamanya, kitar semula sisa plastik adalah aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan layak dipertimbangkan insentif cukai di bawah bidang kuasa MIDA. Pelabur digalakkan untuk menceburi bidang bioplastik dan plastik terbiodegradasi, di mana kedua-duanya merupakan sebahagian daripada peralihan negara ke arah ekonomi kitaran dan kelestarian.

Antara projek penting diluluskan pada tahun 2021 ialah projek bernilai RM40.5 juta yang dilaksanakan

Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030




oleh NAFAS Plastic Industries Sdn. Bhd., yang merupakan anak syarikat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bagi menghasilkan beg tenunan polipropilena dan beg jumbo. Syarikat ini mampu mengeluarkan sehingga tujuh juta keping pembungkusan plastik setiap tahun dan pelanggan utamanya adalah Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. (MNFSB). Inisiatif syarikat melengkapkan lagi rantai nilai baja, di mana MNFSB merupakan syarikat dengan kerjasama di antara NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan, Ahli-Ahli Peladang dan Petronas Chemicals Fertilizer Kedah Sdn. Bhd.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK PLASTIK TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

42 Projek Diluluskan

Jumlah **RM684.1** juta



Peluang Pekerjaan



1,902 Jumlah Peluang Pekerjaan



Produk Getah

Malaysia merupakan pengeluar getah asli ketujuh terbesar di dunia di mana produk getah negara diekspor ke lebih 200 negara di seluruh dunia. Malaysia juga merupakan pembekal terkemuka dunia bagi produk lateks seperti sarung tangan bagi pemeriksaan dan sarung tangan pembedahan serta dapat membekalkan lebih separuh daripada permintaan global. Pada masa ini, produk getah adalah kritikal bagi pengeluaran bahan untuk peranti pengedap dan pembungkusan, bekalan perubatan, tayar dan alat ganti automotif lain serta pembinaan. Produk getah generasi masa hadapan berkemungkinan besar akan menghasilkan *elastomers* berprestasi tinggi yang digunakan dalam teracu fleksibel yang dibentuk seperti pelekat dan bagi aplikasi saintifik.

Menurut Kumpulan Kajian Getah Antarabangsa (IRSG), pandemik telah meningkatkan pengeluaran getah dunia untuk sembilan bulan pertama tahun 2021 sebanyak 8.9 peratus kepada 21.6 juta tan daripada 19.8 juta tan dalam tempoh yang sama pada tahun 2020. Import global getah bagi sembilan bulan pertama tahun 2021 telah meningkat sebanyak 14.9 peratus kepada 17.6 juta tan metrik dari tahun ke tahun, berbanding sebanyak 15.4 juta tan metrik pada tahun 2020. Selain itu, eksport global bagi sembilan bulan pertama tahun 2021 meningkat sebanyak 12.6 setiap sen kepada 16.8 juta tan daripada 14.9 juta tan menunjukkan pertumbuhan yang baik sejak

pandemik. Di Malaysia, industri pengeluaran getah menyumbang sebanyak RM64.6 bilion kepada jumlah eksport Malaysia iaitu sebanyak RM1.24 trilion pada tahun 2021. Ini adalah peningkatan sebanyak 45.8 peratus dari tahun ke tahun disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi sarung tangan getah di seluruh dunia kesan daripada pandemik COVID-19.

Masa hadapan industri produk getah Malaysia bergantung kepada pengukuhan keupayaan dalam segmen berpotensi tinggi seperti E&E. Sebagai contoh, isoprena (derivatif getah) yang boleh digabungkan dengan dakwat zink perak oksida bagi menghasilkan bateri boleh renggang semakin mendapat tarikan. MIDA mempelawa pelaburan untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri, agensi kerajaan, dan institusi penyelidikan untuk merangka hala tuju yang jelas dan mengenal pasti strategi dalam pengilangan produk getah termaju.




MIDA mempelawa pelaburan untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri, agensi kerajaan, dan institusi penyelidikan untuk merangka hala tuju yang jelas dan mengenal pasti strategi dalam pengilangan produk getah termaju.


Pelaburan dalam pengeluaran getah hijau adalah amat digalakkan seiring dengan tema kelestarian dalam RMKe-12. Bidang pertumbuhan lain termasuk mewujudkan kepakaran dalam teknologi getah, bahan termaju, acuan dan cetakan, dan teknologi nano untuk memenuhi permintaan pasaran dan R&D.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PRODUK GETAH TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu



Peluang Pekerjaan



Bakal pelabur juga disarankan untuk memanfaatkan beberapa insentif seperti Dana Intervensi Industry4WRD, *Industry4WRD DISF* dan *Automation CA* untuk memulakan automasi dan transformasi digital dengan mengkomersialkan produk baharu dan melaksanakan inisiatif peningkatan kemahiran. Terdapat dua syarikat produk getah yang diluluskan untuk *Automation CA* pada tahun 2021.

Projek baharu diluluskan pada tahun 2021 adalah projek yang dijalankan oleh Hibon Corporation Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan Kossan yang memberi pengkhususan dalam pengilangan produk automotif berprestasi tinggi. Syarikat ini akan melabur sebanyak RM30.4 juta untuk mengeluarkan pelbagai produk getah termasuk alat ganti getah kejuruteraan, grommet getah, produk getah am dan produk keluli. Pelanggan utamanya adalah Proton, Perodua dan jenama

kenderaan lain yang dipasang di Malaysia. Projek ini dijangka akan menyediakan sebanyak 64 peluang pekerjaan baharu.

Oleokimia

Sejak tahun 1980-an, Malaysia merupakan salah satu negara pengeluar oleokimia terbesar di dunia terutamanya bagi oleokimia asas seperti asid lemak, alkohol lemak, metil ester dan gliserin serta merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia yang menyediakan bahan mentah untuk kegunaan industri.

Pada tahun 2021, sebanyak 19 loji oleokimia Malaysia menghasilkan sebanyak 2.7 juta tan oleokimia asas dan khusus. Saiz pasaran industri ini dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) sebanyak 5.8 peratus dari tahun 2020 sehingga tahun 2027. Ini disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat untuk produk yang menggunakan bahan semula jadi atau yang berasaskan tumbuhan termasuk kosmetik, farmaseutikal dan biokimia. Amalan penjagaan kebersihan diri untuk mengurangkan risiko COVID-19 juga telah meningkatkan keperluan kepada produk pembasmi kuman dan *sanitiser* yang dihasilkan menggunakan oleokimia asas seperti alkohol semula jadi dan gliserin. Ini akan meningkatkan kepentingan penggunaan produk pencuci dan kebersihan, makanan tambahan dan sabun khusus yang dihasilkan melalui oleokimia khusus seperti pemplastik dan resin poliakrilat.



Pada tahun 2021, sebanyak 19 loji oleokimia Malaysia menghasilkan sebanyak 2.7 juta tan oleokimia asas dan khusus. Saiz pasaran industri ini dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) sebanyak 5.8 peratus dari tahun 2020 sehingga tahun 2027.

Pada tahun 2021, jumlah nilai eksport sektor oleokimia Malaysia adalah sebanyak RM26.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak 94.2 peratus daripada RM13.8 bilion pada tahun 2020. Industri ini merekodkan jumlah import bernilai RM7.8 bilion pada tahun 2021. Dua destinasi eksport utama adalah PRC dengan jumlah eksport sebanyak RM5.4 bilion diikuti oleh Belanda



dengan nilai eksport sebanyak RM3.5 bilion. KL-Kepong Oleomas Sdn. Bhd., telah memperoleh Lesen Pengilang untuk melaksanakan projek pembesaran dengan pelaburan modal tambahan sebanyak RM587 juta. Projek pembesaran ini akan mewujudkan sebanyak 120 peluang pekerjaan baharu. Projek ini akan mengukuhkan lagi kedudukan syarikat dan menambah baik operasinya sebagai salah satu pengeluar utama alkohol lemak asli. Projek ini adalah bukti komitmen syarikat untuk meningkatkan lagi kapasiti pengeluarannya. Syarikat akan terus menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi mengukuhkan lagi keupayaan pengeluarannya. Dalam jangka masa panjang, inisiatif ini akan membantu dalam meningkatkan daya saing industri oleokimia.

MIDA melalui penglibatan strategik dengan pelbagai kumpulan industri telah melaksanakan sesi dialog dengan Kumpulan Pengilang Oleokimia Malaysia (MOMG) untuk memberi maklumat terkini kepada pemain industri mengenai kemudahan terkini kerajaan, manakala ahli MOMG pula akan berkongsi mengenai isu yang dihadapi serta pandangan mereka tentang pertumbuhan lestari.

Industri ini didorong oleh syarikat domestik besar yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan

mengekalkan daya saing di peringkat global, di samping cabaran yang diberi oleh negara-negara baru muncul seperti Indonesia, India dan Filipina. Pemain industri boleh meningkatkan kekuatan mereka dalam pengeluaran oleokimia asas untuk terus membangunkan industri oleokimia khusus hiliran. Melalui aktiviti R&D bagi penggunaan baru muncul dan pasaran penggunaan akhir, syarikat boleh menghasilkan oleokimia khusus yang mempunyai penggunaan luas, produk berprestasi tinggi dan nilai tambah tinggi, serta produk yang dihasilkan adalah selamat untuk kegunaan manusia, serasi dengan alam sekitar dan boleh terbiodegradasi.

Pembangunan teknologi terbaharu dalam segmen ini akan memberi keuntungan kepada pasaran tertentu dalam segmen oleokimia khusus. Pelabur boleh mempertimbangkan untuk membiayai pembangunan inovasi dan teknologi baharu yang boleh membantu meningkatkan produktiviti dan menambah baik proses serta operasi dalaman mereka.

Satu lagi segmen yang berpotensi dalam industri oleokimia ialah pengeluaran biodiesel iaitu bio bahan api yang merupakan pengganti langsung kepada diesel yang diperolehi daripada petroleum. Biodiesel secara amnya merujuk kepada asid lemak

metil ester (FAME) iaitu bahan terbitan oleokimia yang dihasilkan melalui transesterifikasi dan pengesteran melalui metanol. Selain itu, pelabur boleh meneroka biodiesel generasi kedua yang diperoleh daripada minyak masak terpakai, efluen kilang minyak sawit dan produk biojisim lain. Proses biofuel ini boleh dihasilkan secara lestari dengan menggunakan biojisim berteknologi baharu seperti minyak sayuran terhidrogenasi yang tidak bersaing dengan penggunaan minyak sawit dalam makanan. Penerimaan biodiesel generasi kedua oleh pasaran boleh memberi persepsi positif kepada pengguna terhadap kualiti tinggi biofuel yang dihasilkan dalam negara.

Seperti industri lain, industri oleokimia dipacu oleh tema kelestarian di dalam RMKe-12 selaras dengan garis panduan SDG dan ESG. Oleh itu, pelaburan ke dalam penggunaan bahan kimia hijau berasaskan sawit dan lain-lain sebagai perantara untuk pengeluaran polimer sebagai alternatif kepada bahan kimia berasaskan petroleum adalah sangat diperlukan. Di samping pengeluaran bio bahan api, ia akan membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG), di mana Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan sebanyak 45 peratus setiap unit dalam KDNK menjelang tahun 2030.



Seperti industri lain, industri oleokimia dipacu oleh tema kelestarian di dalam RMKe-12 selaras dengan garis panduan SDG dan ESG. Oleh itu, pelaburan ke dalam penggunaan bahan kimia hijau berasaskan sawit dan lain-lain sebagai perantara untuk pengeluaran polimer sebagai alternatif kepada bahan kimia berasaskan petroleum adalah sangat diperlukan.

Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan

Industri berasaskan kayu Malaysia adalah subsektor komoditi ketiga terpenting selepas kelapa sawit dan getah. Dasar Agrikomoditi Negara memastikan kelestarian sumber penting ini dan meningkatkan proses ekonomi pertengahan dan hiliran.



Di samping itu, Malaysia sebagai pengeluar perabot global terkemuka berada dalam kedudukan yang kukuh bagi memenuhi permintaan daripada sektor infrastruktur dan hospitaliti serta pemain e-dagang. Menurut kajian Pakar Penyelidikan Pasaran, pasaran perabot global dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 5.2 peratus dari tahun 2021 sehingga tahun 2026 dengan perabot kayu mendominasi jenis pilihan perabot di pasaran. Ini akan memberi manfaat kepada Malaysia kerana negara merupakan pengeluar utama kayu tropika dan produk kayu, serta berada dalam kedudukan antara 10 pengeksport papan lapis, kayu gergaji dan perabot terbaik di dunia. Pada tahun 2021, eksport kayu dan produk kayu Malaysia berjumlah RM20.3 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 13.7 peratus adalah daripada papan lapis, manakala sebanyak 46.9 peratus adalah daripada perabot kayu.



Malaysia sebagai pengeluar perabot global terkemuka berada dalam kedudukan yang kukuh bagi memenuhi permintaan daripada sektor infrastruktur dan hospitaliti serta pemain e-dagang.

Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan



Pusat Kajian Perindustrian (CSIL) melaporkan bahawa permintaan global untuk perabot meningkat jauh lebih tinggi berbanding sebelum pandemik dan dijangka terus meningkat pada tahun 2022 dan 2023. Sektor hartanah juga dilihat beralih kepada rumah dan pangsapuri yang lebih kecil kerana permintaan yang meningkat untuk ruang simpanan pelbagai guna. Sebelum kaedah bekerja dari rumah diperkenalkan, terdapat peningkatan dalam pasaran untuk perabot pejabat bagi persekitaran rumah. Pelabur digalakkan untuk memanfaatkan trend pasaran ini dan terlibat dalam pembangunan R&D serta mengoptimalkan proses pengeluaran.


Adalah menjadi satu keperluan penting bagi pemain industri di Malaysia untuk menggunakan automasi dengan lebih pantas kerana terdapat had dalam mengupah buruh asing sebanyak 20 peratus daripada jumlah tenaga kerja dalam sektor perkilangan. Kemudahan sedia ada iaitu Elaun Modal Automasi, Dana Intervensi Industry4WRD dan Geran Automasi Pintar PENJANA pada tahun 2021 telah banyak membantu pemain industri yang layak untuk memulakan dan mengadaptasi teknologi yang berkaitan dengan Industri 4.0 dalam operasi perkilangan mereka.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI KAYU DAN PRODUK KAYU (TIDAK TERMASUK BIOJISIM DAN PERABOT) TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

14 Projek Diluluskan

Jumlah **RM155** juta



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM155** juta



Peluang Pekerjaan


660 Jumlah Peluang Pekerjaan

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI PERABOT DAN LEKAPAN TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

30 Projek Diluluskan

Jumlah **RM244.6** juta



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM244.6** juta



Peluang Pekerjaan

1,033 Jumlah Peluang Pekerjaan

Kertas, Percetakan dan Penerbitan

Sebanyak 400 juta tan kertas dan kadbod dihasilkan diseluruh dunia setiap tahun, di mana kertas pembungkusan dan papan merupakan jenis kertas yang paling banyak dihasilkan. Ini menunjukkan kertas masih lagi menjadi pilihan walaupun dalam era transformasi digital. Peningkatan yang tinggi dalam pembekalan dan permintaan kertas adalah disebabkan oleh peningkatan dalam e-Dagang.

Malaysia telah mengeluarkan kertas lebih daripada setengah abad. Pemain industri sangat bergantung kepada kertas yang dikitar semula sebagai bahan mentah untuk menghasilkan produk kertas terutamanya bagi produk kertas pembungkusan seperti kertas kraf, pelapis uji, kertas sederhana beralun dan papan kertas. Oleh itu, kertas boleh dianggap sebagai sumber yang boleh diperbaharui dan menyumbang kepada ekonomi kitaran di Malaysia.

Oleh itu, masih terdapat potensi terhadap penggunaan sumber gantian lain untuk menghasilkan kertas seperti buluh, kenaf dan tandan buah kosong (EFB) daripada pokok kelapa sawit. EFB boleh diperolehi secara meluas di seluruh negara tetapi hanya satu syarikat sahaja yang mengeluarkan kertas daripada EFB.


Kadar pengeluaran kertas bagi pasaran global untuk Malaysia adalah sebanyak 1.9 juta tan setahun. Ia dijangka akan meningkat kepada 10 juta tan setahun apabila 10 syarikat daripada PRC memulakan operasi pengilangan kertas di negara ini dengan anggaran pelaburan bernilai RM17.3 bilion. Projek ini dijangka akan mewujudkan lebih 9,000 peluang pekerjaan.

PELABURAN DILULUSKAN DALAM INDUSTRI KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN TAHUN 2021

Domestik berbanding Asing

34 Projek Diluluskan

Jumlah **RM549.4** juta



Projek Pembesaran/ Pelbagaian berbanding Projek Baharu

Jumlah Pelaburan **RM549.4** juta



Peluang Pekerjaan



1,413 Jumlah Peluang Pekerjaan

Sub-sektor Kertas dan Produk Kertas

28 Projek Diluluskan

Jumlah **RM403.4** juta

Sub-sektor Percetakan dan Penerbitan

6 Projek Diluluskan

Jumlah **RM146** juta

Mempercepatkan Kadar Vaksinasi dengan PIKAS

Perluasan vaksinasi merangkumi barisan hadapan ekonomi memainkan peranan penting untuk mencapai sasaran imuniti kelompok dan mengurangkan kesan COVID-19 ke atas perniagaan dan masyarakat. Hasil usahasama dengan sektor swasta, MITI telah melancarkan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang merupakan sebahagian daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Objektif PIKAS adalah untuk mempercepatkan kadar vaksinasi tenaga kerja sektor perkilangan di Malaysia melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan; termasuk Kerajaan, pemain industri, dewan perniagaan, persatuan perniagaan dan organisasi bukan berasaskan keuntungan.

Berdasarkan model PIKAS, kos vaksinasi dibahagikan di antara Kerajaan melalui MITI yang membiayai kos vaksin dan pengilang yang menanggung kos ProtectHealth (PH) untuk mengendalikan urusan vaksin meliputi penyediaan tempat dan/atau persiapan. Menerusi PIKAS, syarikat perkilangan membolehkan pekerja mereka mendapat vaksin di pelbagai Pusat Pentadbiran Vaksinasi (PPV). Ini adalah termasuk PPV Umum seperti pusat konvensyen, pusat pameran dan hotel atau PPV Tapak Kilang yang merupakan premis kilang syarikat sendiri.

Syarikat yang memilih PPV Umum perlu membayar RM15 setiap dos bagi kos pengendalian vaksin. Ini adalah termasuk perkhidmatan yang diberikan oleh


pengamal perubatan, jururawat dan urusan logistik. Syarikat juga dikehendaki membayar kos tambahan RM30 bagi setiap dos untuk menampung kos pihak pengurusan PPV yang menyediakan tempat, perkhidmatan pelupusan sisa perubatan, ambulans, keselamatan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan. Sementara syarikat yang menggunakan PPV Tapak Kilang perlu membayar RM15 bagi setiap dos dan menanggung semua kos yang berkaitan penyediaan tempat.

Menerusi PIKAS, kadar vaksinasi di kalangan 2.2 juta orang pekerja dalam sektor perkilangan telah dapat ditingkatkan. Keutamaan diberikan kepada tenaga kerja dalam industri perkilangan kritikal seperti E&E; pemprosesan makanan; produk logam asas termasuk subsektor ferus; peranti perubatan terutamanya PPE; O&G; dan produk getah terutamanya sarung tangan perubatan. Oleh kerana Kerajaan perlu mengutamakan pengedaran vaksin kepada PICK, walk-ins telah dibenarkan di PPV PICK di bawah Operasi Kapasiti Lonjakan. Ini membolehkan sasaran PIKAS bagi pekerja sektor perkilangan untuk menerima vaksin ditingkatkan sehingga 1,000,000 orang.

Sejak diperkenalkan pada 16 Jun 2021, sejumlah 79 PPV PIKAS telah mula beroperasi menerusi 36 PPV Tapak Umum dan 43 PPV Tapak Kilang. Bilangan PPV mengikut negeri adalah seperti yang disenaraikan di halaman seterusnya:



Objektif PIKAS adalah untuk mempercepatkan kadar vaksinasi tenaga kerja sektor perkilangan di Malaysia melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan; termasuk Kerajaan, pemain industri, dewan perniagaan, persatuan perniagaan dan organisasi bukan berasaskan keuntungan.



Sehingga 31 Oktober 2021, seramai 1,126,171 pekerja kilang telah mendaftar di bawah MySejahtera untuk vaksinasi. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,005,128 pekerja telah menerima sekurang-kurangnya satu vaksin manakala sejumlah 963,312 telah menerima vaksin sepenuhnya. Di seluruh Malaysia, sebanyak 98 peratus pekerja syarikat perkilangan yang berdaftar telah menerima vaksin COVID-19. Ini adalah termasuk pekerja yang telah divaksin melalui inisiatif vaksinasi lain seperti PICK dan walk-ins.

Memantapkan Ketersediaan Bakat Malaysia

Malaysia sentiasa dikenali sebagai lokasi mesra pelabur untuk pertumbuhan jangka panjang perniagaan asing dan domestik dengan tumpuan kepada ketersediaan bakat yang melengkapkan kemasukan pelaburan inovatif dan berteknologi tinggi yang semakin meningkat di negara ini. Ini adalah selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) di mana salah satu daripada lima teras utama adalah untuk mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi.

Ekoran cabaran yang melanda disebabkan penularan pandemik COVID-19, banyak syarikat telah menstruktur dan mentakrif semula tenaga kerjanya untuk mengatasi gangguan yang mempengaruhi perubahan landskap industri. Kini syarikat memerlukan lebih banyak sokongan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja bagi meningkatkan tahap kecekapan bakat sedia ada. Menyedari keperluan ini, MIDA kekal komited untuk membantu pelabur dalam melengkapkan modal insan tempatan yang mahir dan menyumbang kepada fasilitasi dalam usaha melatih semula dan meningkatkan kemahiran negara.

Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah fasilitasi menerusi libat urus di antara syarikat dengan institusi akademik dan latihan berkaitan. Contoh syarikat yang telah ditawarkan fasilitasi adalah AT&S Austria Technologie & Systemtechnik (Malaysia), Risen Solar, Omron Malaysia, Electrofast Manufacturing, Tube Pac, PCC Oxyalkylates Malaysia, Kooka Paper Manufacturing, Panasonic Malaysia, Mighty Bakery dan Airfoil Services. Bagi Lam Research International, libat urus ini telah berjaya merekrut seramai 185 warga tempatan untuk menjayakan projeknya di Malaysia.

MIDA juga telah membantu usaha syarikat dalam pengambilan pekerja secara maya menerusi kerjasama dengan PERKESO untuk menganjurkan pameran kerjaya atas talian dan beberapa siri program ceramah kerjaya yang dijalankan di peringkat kebangsaan dan negeri. Program ceramah kerjaya utama yang dijalankan dengan tema *Listen and Act: Paving Your Way to Industry* telah menyediakan platform untuk pencari pekerjaan. Bakal pekerja bukan sahaja berpeluang untuk menghadiri temu duga secara maya, malah berupaya untuk mendapatkan gambaran mendalam tentang pengetahuan industri secara langsung daripada syarikat-syarikat terlibat. Di peringkat kebangsaan, sebanyak tujuh syarikat iaitu Nestle, Lam Research, PKT Logistics, CJ Century,

Resmed, Dominant Opto dan Omron telah menyertai program ini. Program ini juga merekodkan kehadiran seramai 502 orang pencari pekerjaan. Di peringkat negeri pula, syarikat seperti Dunham-Bush Industries Sdn Bhd telah mengadakan temuduga atas talian untuk mencari bakat khususnya di Selangor. Bagi memantap dan memperluaskan usaha ini, MIDA juga telah menganjurkan pameran kerjaya atas talian pada bulan Julai 2021 dengan penyertaan sebanyak 16 syarikat, di mana seramai 1,428 pencari pekerjaan telah menghadiri sesi temuduga atas talian.

Di bawah siri ceramah yang bertemakan *Listen and Act: Paving Your Way to Industry* ini juga, MIDA telah menganjurkan satu Edisi Khas bagi program utamanya iaitu *INTERNSHIP Career Talk* pada 21 September 2021. Program ini menampilkan Top Glove Corporation yang menawarkan 2,000 peluang latihan amali dan berkongsi pengetahuan mendalam mengenai operasi, amalan perkilangan dan budaya korporat syarikat.

Bagi memastikan bekalan bakat menepati kemahiran yang relevan dengan industri, MIDA memastikan graduan dilengkapi dengan pengetahuan teknikal dan kepakaran terkini. Perkara ini telah membawa kepada inisiatif kolaborasi yang dikenali sebagai *Manufacturing and Services Internship Programme (Manufactship)* yang melibatkan beberapa modul latihan industri khusus, iaitu *Structured Internship Programme (SIP)*, *Work-Based Learning (WBL)* and *2U2i* yang ditawarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sehingga bulan November 2021, sebanyak 11 syarikat daripada pelbagai industri telah mendaftar dalam program tersebut. Melalui penglibatan terus dengan MIDA, beberapa syarikat telah merekrut pelatih dengan hasrat untuk diserap sebaik sahaja selesai tempoh latihan. Antara contohnya seperti Lam Research International, Best Eternity Recycle Technology dan GS Paperboard & Packaging telah menempatkan seramai 20, 30 dan 54 pelajar dalam operasi masing-masing.

Selaras dengan peranan MIDA dalam memfasilitasi pelaburan langsung asing, pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di luar negara juga boleh memanfaatkan inisiatif latihan amali MIDA. Apabila SK Nexillis yang merupakan syarikat E&E global dari Republik Korea (ROK) mengumumkan pelaburan luar negara pertama mereka di Sabah, MIDA turut terlibat dalam membantu

syarikat untuk memenuhi keperluan bakatnya. MIDA Seoul telah bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Seoul dan SK Nexilis untuk melancarkan *SK Nexilis Global Internship Programme* menerusi sesi perkongsian bersama pelajar Malaysia di ROK.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif melatih semula dan meningkatkan kemahiran oleh Kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), MIDA telah bekerjasama dengan tiga pusat latihan untuk merapatkan jurang kemahiran dan menangani isu pengangguran di kalangan rakyat Malaysia khususnya pengangguran di kalangan siswazah dan pekerja yang diberhentikan. Program yang telah bermula pada bulan Oktober 2021 dan dijangka berakhir menjelang akhir tahun 2022 telah memberi manfaat kepada seramai 285 pelatih yang menamatkan latihan mereka tahun lalu. Modul yang ditawarkan adalah meliputi Industri 4.0 dan pengisian berpacuan teknologi yang merangkumi topik seperti Kecerdasan Buatan (AI), automasi data, pengendalian dron, teknologi CNC termaju, aeroangkasa, maritim dan solar.

MIDA juga telah menjalin kerjasama dengan universiti-universiti tempatan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melaksanakan *MIDA Assessment Development Centre (MADC) HyTalent Programme* bagi menyediakan latihan kepimpinan intensif dan teknikal dalam bidang *Internet of Things (IoT)* dan *Industrial Internet of Things (IIOT)*.



la terdiri daripada program perintis secara langsung selama lima bulan yang digabungkan dengan tempoh latihan amali selama enam bulan untuk membangunkan graduan baharu dalam latihan kepimpinan berstruktur dan teknikal untuk memenuhi keperluan industri Malaysia.

Seiring hasrat untuk memastikan ekosistem pelaburan kekal kondusif, MIDA terus memperluaskan usahanya untuk merealisasikan aspirasi negara bagi menjana peluang pekerjaan bernilai tinggi dalam projek pelaburan yang berkualiti. MIDA sentiasa menawarkan fasilitasi kepada syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan tertentu untuk membangun dan menyediakan bakat dengan setkemahiran meluas termasuk kepakaran yang berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang diperlukan selaras dengan kepesatan perubahan dalam kemajuan teknologi dan memenuhi permintaan industri.

FASILITASI BAKAT UNTUK PELABUR

- ◆ Libat Urus secara terus antara syarikat dan institusi akademik dan latihan berkaitan



- ◆ Pameran kerjaya atas talian dan siri program ceramah kerjaya bertemakan *Listen and Act: Paving Your Way To Industry* untuk membantu syarikat dengan proses pengrekrutan maya - *INTERNSHIP Career Talk*



- ◆ *Manufacturing and Services Internship Programme (Manufactship)*



- ◆ Program Melatih Semula dan Meningkatkan Kemahiran di bawah PENJANA



- ◆ *MIDA Assessment Development Center (MADC) HyTalent Programme*



3.0 Prestasi Sektor Perkhidmatan



"Globalisasi sektor perkhidmatan dalam beberapa dekad kebelakangan ini susulan *third unbundling*, menawarkan peluang baharu dalam pembahagian buruh antarabangsa yang memberi implikasi meluas ke atas pasaran buruh. Kecenderungan ke arah pendigitalan ekoran penularan pandemik COVID-19 didapati semakin mempercepatkan fenomena ini. Teknologi digital juga telah membuka akses kepada pelbagai produk dan perkhidmatan baharu."

Laporan Integrasi Ekonomi Asia 2022, Bank Pembangunan Asia (ADB)





Dengan Azam dan Siap Sedia

Pelaburan dalam sektor perkhidmatan terus menyumbang kepada kepesatan ekonomi Malaysia menerusi prestasi memberangsangkan dalam berhadapan kesan pandemik dan pelbagai sekatan. Kerajaan terus peka dalam menghadapi perubahan landskap perniagaan yang dinamik ini bagi menyemak dan memperbaharui dasar-dasar sektor perkhidmatan untuk mengukuhkan produktiviti, inovasi dan menjana peluang pekerjaan berkualiti.



Location	Item	Places
SG01	0005	05
SG02	0089	07
SG03	0195	09
SG04	0250	10
SG05	995	12

Pemulihan secara beransur-ansur diperhatikan dalam sektor perkhidmatan di peringkat global dan tempatan, di mana terdapat beberapa subsektor perkhidmatan yang menunjukkan prestasi lebih baik berbanding yang lain. Ekoran penularan pandemik, perkhidmatan yang melibatkan interaksi minimum adalah yang paling kurang terjejas. Menurut Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), jumlah dagangan perkhidmatan global didapati semakin pulih, namun pertumbuhan masih lagi pada kadar yang perlahan berbanding tahap pra-pandemik kerana kebergantungannya terhadap interaksi manusia.

Pasaran perkhidmatan global dijangka berkembang daripada USD10.8 trilion pada tahun 2020 kepada USD11.8 trilion pada tahun 2021 dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 8.9 peratus. Pertumbuhan ini adalah disebabkan daripada penyusunan semula proses oleh syarikat-syarikat dan pemulihan daripada kesan COVID-19 yang banyak memberi cabaran terhadap operasi syarikat. Pasaran perkhidmatan dijangka mencecah USD15.7 trilion pada tahun 2025 dengan CAGR sebanyak 7 peratus.

Bagi Malaysia, Laporan Tinjauan Ekonomi 2022 oleh Kementerian Kewangan (MOF) mengunjurkan bahawa sektor perkhidmatan akan pulih sebanyak 7 peratus pada tahun 2022. Laporan ini menyatakan bahawa pemulihan adalah bergantung kepada aktiviti ekonomi yang kembali normal pada tahun 2021, di mana seluruh sektor didapati merekodkan pertumbuhan positif. Perlanjutan pergerakan tanpa sekatan dalam negara

serta pembukaan sempadan antarabangsa kepada pelancong asing pada tahun 2022 akan merangsang semula pemulihan dalam sektor perkhidmatan. Pelaksanaan lapan pakej rangsangan dan bantuan berjumlah RM530 bilion yang diperkenalkan dalam Bajet 2020 dan 2021 bagi mengurangkan kesan pandemik terhadap isi rumah dan perniagaan akan turut menyumbang kepada pertumbuhan tersebut.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.6 peratus pada suku keempat tahun 2021 (S3 2021: -4.5%) yang melonjakkan pertumbuhan tahunan kepada 3.1 peratus. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan dalam pertumbuhan, diterajui oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia menerusi pertumbuhan sebanyak 3.2 peratus pada suku keempat tahun 2021 berbanding suku terdahulu, disumbangkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi semasa kelonggaran langkah pembendungan pandemik.




Bagi Malaysia, Laporan Tinjauan Ekonomi 2022 oleh Kementerian Kewangan (MOF) mengunjurkan bahawa sektor perkhidmatan akan pulih sebanyak 7 peratus pada tahun 2022.

Susulan kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lebih banyak subsektor perkhidmatan telah mulai pulih, di mana jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2021 telah mencatatkan jumlah pertumbuhan positif sebanyak 34.4 peratus berbanding kelulusan yang direkodkan pada tahun 2020 (RM70.0 bilion). Sejumlah RM94.1 bilion nilai pelaburan telah diluluskan dalam sektor ini menerusi 3,803 projek yang dijangka akan menjana 29,909 peluang pekerjaan kepada negara.

Malaysia terus berusaha untuk menggiatkan semula strategi pelaburan untuk terus menarik projek berkualiti tinggi ke negara ini. Pada 21 April 2021, Jemaah Menteri telah meluluskan agenda pelaburan baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dan nilai keunikan Malaysia kepada pelabur. NIA akan memberi tumpuan kepada ketahanan dan integrasi merentasi keseluruhan dokumen dasar negara dan inisiatif berkaitan pelaburan, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) dan Rancangan Malaysia Ke-12.

SOROTAN SEKTOR PERKHIDMATAN TAHUN 2021



INISIATIF UTAMA YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH MIDA UNTUK MENINGKATKAN SEKTOR PERKHIDMATAN SEPANJANG TAHUN 2021:



1 Pejabat Pelaburan Digital (DIO)

- ◆ Platform kerjasama digital sepenuhnya antara MIDA dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
- ◆ Untuk mewujudkan kesedaran mengenai pelaburan digital
- ◆ Untuk mengukuhkan penyelarasan di kalangan semua Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) dalam mempromosi dan menarik pelaburan baharu
- ◆ Fasilitasi menyeluruh ditawarkan untuk membolehkan pelaksanaan projek pelaburan digital tepat pada masanya
- ◆ Empat teras platform kerjasama
 - Penyelarasan
 - Penilaian
 - Fasilitasi
 - Advokasi Dasar
- ◆ Selaras dengan inisiatif MYDIGITAL dalam menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam sektor digital menjelang tahun 2025



Tarikh Penubuhan - 22 April 2021

2 Dasar Definisi R&D Baharu di bawah Akta Kewangan 2018

- ◆ Dengan kerjasama MITI, MOF dan LHDN
- ◆ Pindaan lanjut kepada PIA 1986 telah dibuat melalui Rang Undang-undang Kewangan 2022 pada 8 November 2021
- ◆ Definisi R&D dan Syarikat R&D Kontrak
- ◆ Keperluan pemantauan status R&D setiap lima tahun

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Januari 2022



3 Penggubalan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

- ◆ Sebanyak lapan (8) industri strategik dan berimpak tinggi telah dikenal pasti untuk menjana semula pertumbuhan ekonomi, iaitu elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biomas.
- ◆ *Game-changer* penting merentas sektor yang berkaitan dengan perkhidmatan:
 - Memangkin industri strategik dan berimpak tinggi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi sektor perkhidmatan dan pelancongan global
 - Merancakkan semula sistem penjagaan kesihatan bagi menjamin kesihatan dan produktiviti negara
 - Menyokong ekonomi kitaran menerusi integrasi SDG dan ESG untuk memupuk penerapan ekonomi hijau
 - Meningkatkan kesinambungan digital untuk pembangunan inklusif ekonomi dan infrastruktur digital serta dasar yang mengawal sektor tersebut
 - Menyelaraskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah pengkomersilan, penjana kekayaan dan pertumbuhan ekonomi bagi memperkukuh ekosistem R&D, pengkomersilan dan inovasi
 - Mengubah ekosistem logistik ke arah kecekapan yang lebih tinggi untuk menjadi hab pengangkutan dan logistik serantau menjelang tahun 2025
- ◆ Lain-lain - Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Insentif (ICCO) sebagai penyelar untuk menyelia semua insentif yang disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi merentasi sektor ekonomi

Tempoh - 2021-2025





4 **Pelanjutan Insentif Cukai untuk Pembinaan Kapal dan Pembaikan Kapal (SBSR) dan Hab Prinsipal (PH)**

- ◆ Pelanjutan adalah untuk membolehkan pelaburan berterusan dalam subsektor ini dan menjana limpahan ketara untuk negara
- ◆ Dilanjutkan di bawah Bajet 2021 untuk meningkatkan pelaburan dalam SBSR dan PH

**Tempoh - Berkuatkuasa sehingga 31
Disember 2022**

6 **Pengenalan Pusat Dagangan Global (GTC) - Menjadikan Malaysia Hab Pengedaran/Perolehan Serantau**

- ◆ Insentif untuk GTC diperkenalkan untuk menggalakkan MNC dan syarikat tempatan menceburi aktiviti perolehan, pengedaran dan perdagangan untuk terus menyokong rantaian bekalan global syarikat

**Tempoh - Berkuatkuasa sehingga 31
Disember 2022**

5 **Insentif Penempatan Semula untuk Perkhidmatan**

- ◆ Insentif Cukai Khas di bawah PENJANA dilanjutkan di bawah Bajet 2022 sehingga akhir 2022 untuk meliputi sektor perkhidmatan terpilih yang mempunyai kesan limpahan ketara dengan memberikan kadar cukai khas 0% hingga 10% selama 10 tahun
- ◆ Kriteria kelayakan industri adalah terpakai
- ◆ Individu bukan pemastautin yang memegang jawatan penting dalam syarikat juga boleh dipertimbangkan pengecualian cukai pendapatan khas pada kadar 15% selama 5 tahun

**Tempoh - Berkuatkuasa sehingga 31
Disember 2022**



7 **Perluasan Skop Insentif Cukai Teknologi Hijau**

Skop insentif ini telah diperluaskan untuk merangkumi projek Sistem Penuaian Air Hujan (RHS) seperti berikut:

- ◆ Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dalam aktiviti teknologi hijau/pembelian aset hijau untuk tempoh 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun

**Tempoh - Berkuat kuasa dari 1 Januari 2022 hingga
31 Disember 2023**






8 Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC).

- ◆ Diperkenalkan dalam Bajet 2022 untuk menyokong pembangunan komprehensif ekosistem digital negara
- ◆ Insentif ini menawarkan kadar cukai pendapatan 0% hingga 10% sehingga 10 tahun kepada penyedia teknologi digital baharu dan kadar cukai pendapatan 10% sehingga 10 tahun untuk penyedia teknologi digital sedia ada yang menjalankan kepelbagaian perkhidmatan baharu/segmen baharu
- ◆ Elaun cukai pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal untuk aktiviti yang layak sehingga 10 tahun ditawarkan kepada penyedia infrastruktur digital, di mana elaun boleh diimbangi ke atas pendapatan berkanun

Tempoh - Berkuatkuasa dari 30 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2025.



9 Penggubalan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP)

- ◆ Menggantikan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP 3) yang berakhir pada tahun 2020
- ◆ Tidak hanya tertumpu kepada perkilangan tetapi turut memberi keutamaan kepada sektor perkhidmatan

Tempoh - 2021 – 2030





Tumpuan Khusus kepada Sektor Perkhidmatan

Susulan kelonggaran sekatan pergerakan dan pembukaan semula lebih banyak subsektor, sektor perkhidmatan yang pelbagai di Malaysia terus bergerak rancak seiring pembukaan semula aktiviti ekonomi. Ini didorong oleh sokongan dan langkah yang digariskan di bawah inisiatif seperti Pelan Pemulihan Nasional (NRP), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP), Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) serta dasar-dasar yang lain.

Pertubuhan Global

Daya Tarikan Malaysia sebagai Hab Serantau

Syarikat multinasional (MNC) sedang giat mencari lokasi yang paling sesuai untuk menempatkan hab operasi pusat yang dapat memenuhi dan mengurus fungsi rantaian bekalan syarikat dengan lebih baik.

Struktur hab baharu pada masa kini telah berubah ke arah model integrasi serantau, di mana ketelusan adalah keperluan oleh syarikat untuk memantau keseluruhan rantaian bekalan mereka. Untuk membangunkan struktur syarikat yang cekap serta berdaya tahan, MNC perlu menubuhkan menara kawalan bagi mengurus rangkaian rantaian bekalan secara berpusat dengan lebih baik dan cekap.

Selaras dengan trend global semasa, Kerajaan telah mengumumkan penambahbaikan terhadap Skim Insentif Hab Prinsipal di bawah Bajet 2021. Berdasarkan versi pertama yang diperkenalkan pada tahun 2015, skim terkini ini dijenamakan semula sebagai PH3.0 yang menawarkan kelonggaran syarat bagi menarik minat lebih banyak syarikat untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan bagi perkhidmatan bernilai ditambah tinggi yang dapat menyokong rangkaian syarikat di rantau ini.

Skim yang ditambahbaik ini diperkenalkan tepat pada masanya selaras dengan pembaharuan dasar dan strategi pelaburan oleh Malaysia dalam meletakkan negara setanding dengan negara pesaing lain di rantau ini. Dasar ini turut berpotensi untuk meningkatkan lagi penjanaan pekerjaan dan kumpulan bakat bernilai tinggi di Malaysia.

Insentif seterusnya bagi menjadikan Malaysia sebagai hab serantau yang diumumkan dalam Bajet 2021 adalah skim Pusat Dagangan Global (GTC) sebagai salah satu daripada strategi bagi terus menggalakkan MNC dan syarikat tempatan untuk menubuhkan Hab Pengedaran Global/ Serantau di Malaysia. Skim GTC ialah skim yang ditambahbaik dan menyeluruh dengan menawarkan insentif cukai serta kemudahan untuk memudahkan aktiviti import dan eksport yang bertujuan untuk menyokong syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan utama bagi menerokai aktiviti perolehan, pengedaran dan perdagangan dalam mengukuhkan lagi rantaian bekalan global mereka.

Ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dalam memenuhi aspirasi negara untuk menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan dengan menarik lebih banyak syarikat yang menjalankan perkhidmatan bernilai tambah yang lebih tinggi dan menjadikan Malaysia sebagai Hab Perkhidmatan Global mereka.



Untuk membangunkan struktur syarikat yang cekap serta berdaya tahan, MNC perlu menubuhkan menara kawalan bagi mengurus rangkaian rantaian bekalan secara berpusat dengan lebih baik dan cekap.

Projek Hab Prinsipal

Sejak tahun 2015, MIDA telah meluluskan sebanyak 43 projek Hab Prinsipal— melibatkan komitmen perbelanjaan operasi sebanyak RM67.3 bilion, dengan penggunaan perkhidmatan sampingan tempatan bernilai RM9 bilion dan mewujudkan 6,806 pekerjaan dalam sektor seperti peranti perubatan, elektrik dan elektronik (E&E), minyak & gas, bahan kimia dan jentera serta peralatan.

Sehingga Disember 2020, sebanyak 21 syarikat Hab Prinsipal telah memulakan operasi, di mana sejumlah 2,890 pekerjaan bernilai tinggi telah diwujudkan dan separuh daripadanya diperuntukkan secara eksklusif untuk rakyat Malaysia. Hab-hab ini juga telah melakukan perbelanjaan perniagaan sebanyak

RM11.2 bilion, dengan penggunaan perkhidmatan sampingan tempatan bernilai RM1.5 bilion. Kebanyakan syarikat ini telah mencapai komitmen melebihi syarat yang ditetapkan di bawah insentif Hab Prinsipal pada tahun pertama operasi sahaja.

PRESTASI PROJEK HAB PRINSIPAL TAHUN 2021



Boston Scientific International Sdn. Bhd.

Sebagai peneraju teknologi perubatan global selama lebih dari 40 tahun, Boston Scientific telah memajukan sains hayat dengan menyediakan rangkaian solusi berprestasi tinggi yang meluas bagi memenuhi keperluan pesakit dan mengurangkan kos penjagaan kesihatan.

Boston Scientific sedang menubuhkan Hab Rantaian Bekalan Asia Pasifik di Pulau Pinang yang bakal menempatkan Pusat Pengedaran Serantau (RDC), Pusat Kecemerlangan Rantaian Bekalan (CoE) dan Hab Perdagangan.

RDC ini akan menjadi salah satu daripada tiga pusat di seluruh dunia dan yang pertama di Asia bagi syarikat tersebut. Kemudahan pada masa akan datang ini menawarkan keupayaan baharu di Malaysia dalam memenuhi pasaran peranti perubatan yang di kawal selia secara ketat di Asia Pasifik. CoE pula akan menyediakan kepakaran profesional dan sokongan pengurusan kepada entiti Boston Scientific di seluruh Asia Pasifik serta tapak-tapak pengilangan globalnya. Sementara Hab Perdagangan akan membangunkan kecekapan menerusi penyumberan dan pengambilan pengilang pihak ketiga ke dalam rantaian bekalan global bersepadu secara vertikal dalam peranti perubatan.

Hab Rantaian Bekalan Asia Pasifik ini merupakan pembesaran kepada loji pengilangan Boston Scientific yang terletak di Batu Kawan, Pulau Pinang. Pelaburan terbaharu ini akan terus meningkatkan keupayaan syarikat dalam memenuhi keperluan pasaran penjagaan kesihatan global dan serantau serta menawarkan teknologi terkini kepada pesakit-pesakit di seluruh dunia.

Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.

Huawei merupakan di antara syarikat teknologi utama yang telah melabur dan memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan industri ICT di Malaysia sejak 20 tahun lalu.

Sejak memulakan operasinya di Malaysia pada tahun 2001 sebagai penyedia penyelesaian ICT dan perkhidmatan sokongan teknikal terkemuka, Huawei kini telah mengembangkan pelaburannya di negara ini menerusi penubuhan Ibu Pejabat Operasi Global (GOHQ) yang akan menerajui hala tuju strategik kumpulan perniagaan di rantau Asia Pasifik.

Huawei memperluaskan lagi fungsi GOHQ dengan aktiviti perniagaan tambahan termasuk penubuhan Unit Perniagaan Awan untuk menjalankan inisiatif Hab Infrastruktur Digital, Hab Bakat Digital dan Hab Ekosistem Digital. Projek ini akan turut melibatkan evolusi GOHQ menjadi Pusat Keupayaan 5G Serantau sebagai persediaan ke arah penggunaan 5G di Malaysia yang dijangka siap menjelang tahun 2022.

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau (RE/RO)

Syarikat asing boleh menubuhkan Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau (RE/RO) di Malaysia sebagai pangkalan untuk menyelaraskan dan menyokong operasi syarikat di rantau Asia Pasifik. Pejabat-pejabat ini digunakan untuk mengumpul maklumat dan menjalankan kajian kebolehlaksanaan syarikat induk sebelum mengambil keputusan dalam komitmen pelaburan jangka panjang.


dilihat sebagai peluang untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi yang diterajui oleh inovasi. Ia mampu menyediakan peluang baharu dan meningkatkan potensi negara sebagai destinasi pelaburan strategik di rantau ini, serta hab bagi sektor teknologi digital baharu. Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara inovasi berteknologi tinggi, pengeluaran produk digital dan penyedia perisian digital bagi pasaran serantau serta Kerajaan yang dipacu sepenuhnya oleh data menjelang tahun 2030, negara perlu menyediakan bekalan produk dan perkhidmatan digital yang mampan menerusi peningkatan kemahiran bakat dalam peralatan automasi dan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) yang termaju.

SOROTAN RE/RO TAHUN 2021

Sebanyak 97 RE/RO baharu telah diluluskan



RM168.5 juta Jumlah Pelaburan




Ekosistem digital yang teguh dengan rangkaian perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang meluas akan menjadikan negara sebagai hab strategik perkhidmatan digital. Menerusi pengukuhan sebagai sebagai salah satu sektor yang lebih berdaya tahan, sumbangan industri ICT kepada ekonomi telah berkembang pada kadar 10.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 7.3 peratus pada tahun 2019 dengan jumlah sebanyak RM320 bilion, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Pertumbuhan positif ini adalah selaras dengan fokus utama Kerajaan dalam memperkasa ekonomi digital dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) 2021-2025 untuk memulihkan pertumbuhan pasca pandemik COVID-19.

Perkhidmatan Digital

Malaysia menawarkan peluang yang luas dalam ruang digital. Peningkatan peranan teknologi digital

Tambahan pula, industri ICT menyumbang sebanyak 22.6 peratus kepada KDNK, meliputi Nilai Ditambah Kasar ICT (GVAICT) pada kadar 14.2 peratus, manakala e-dagang industri lain adalah sebanyak 8.4 peratus.

SUMBANGAN ICT KEPADA EKONOMI GVAICT



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 15 Oktober 2021

Untuk menyokong pemulihan ekonomi berteraskan digital, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar dan strategi yang meletakkan ICT di barisan hadapan dalam agenda pelaburan. Bagi mencapai aspirasi MyDIGITAL, Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (2021 – 2030) telah dilancarkan pada 19 Februari 2021, di mana MIDA merupakan penggerak utama dalam pelan hala tuju ini. Pelan tindakan ini mengunjurkan pelaburan sebanyak RM70 bilion yang dijangka akan menyumbang sebanyak 22.6 peratus daripada ekonomi digital kepada KDNK negara, dan menyasarkan penjanaaan 500,000 peluang pekerjaan berteknologi tinggi menjelang tahun 2025.

Di bawah Bajet 2022, skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC) turut diperkenalkan bagi memperkukuhkan ekosistem digital di negara ini. Skim ini menggunakan pendekatan ke seluruh negara yang bersesuaian dengan strategi teknologi Malaysia bagi menggalakkan pelaburan daripada MNC, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) serta syarikat pemula. Ini akan meningkatkan keupayaan syarikat digital tempatan untuk menjadi peneraju di peringkat global dalam ruang digital termasuk sebagai penyedia teknologi digital, penyedia infrastruktur digital dan pengeluar teknologi.

DESAC menggalakkan pelaburan oleh Penyedia Teknologi Digital (DTP) yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan digital berdasarkan IR4.0 dan teknologi pendigitalan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan serta Penyedia Infrastruktur Digital (DIP) yang menyediakan infrastruktur seperti pusat data dan kabel dasar laut.



Malaysia telah menjadi hab serantau untuk pelbagai perniagaan yang mendorong lebih banyak organisasi untuk melabur dalam sistem awan dan seterusnya memacu lebih banyak permintaan ke atas pusat pangkalan data tempatan.

Insentif DESAC ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia lebih menarik dalam menggalakkan

pelaburan digital berkualiti jangka panjang dan meningkatkan keupayaan syarikat digital tempatan untuk menjadi peneraju global dalam ruang digital. DESAC juga bertujuan untuk membangun dan menaiktaraf infrastruktur digital yang menjadi asas dalam memajukan ekonomi digital. Skim ini mula berkuatkuasa bermula daripada permohonan yang diterima oleh MIDA dari 30 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2025. Menurut laporan *GlobalData Market Opportunity Forecasts 2020*, sektor perkilangan terus menjadi penyumbang tertinggi kepada jumlah perbelanjaan ICT di negara ini.

Malaysia telah menjadi hab serantau untuk pelbagai perniagaan yang mendorong lebih banyak organisasi untuk melabur dalam sistem awan dan seterusnya memacu lebih banyak permintaan ke atas pusat pangkalan data tempatan. Regal Orion, sebuah pusat data milik Jepun akan mengendalikan kemudahan pusat data mega hijaunya di Enstek Tech Park, Negeri Sembilan sebagai kawasan infrastruktur digital termaju dengan ketersambungan antarabangsa. Menerusi pelaburan berjumlah RM1.3 bilion, kemudahan berjenama SHINSEI MALAYSIA 1 (SM1) itu dijangka akan memulakan operasi sebagai Pusat Data Hijau Tahap IV yang berkeluasan 120,000 kaki persegi ruang layanan bersih. Ia akan beroperasi sebagai pusat data 'borong' yang menempatkan beberapa penyewa utama dari Jepun. SM1 juga akan dilengkapi dengan infrastruktur hijau termaju yang menekankan kelestarian perniagaan dan alam sekitar, dijana oleh teknologi *fluid submersion Submersify™*.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Kerjasama antara Kerajaan dan sektor swasta, penyelarasan fasilitasi R&D, dan pengkomersilan R&D merupakan titik fokus bagi Malaysia untuk menjadi negara yang berpacuan pengetahuan menerusi transformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan inklusif. Kerajaan menyasarkan peningkatan Perbelanjaan Domestik Kasar Bagi R&D (GERD) kepada 3 peratus menjelang tahun 2025 dan 3.5 peratus menjelang tahun 2030.

Strategi dan pelan tindakan bagi mencapai matlamat ini digariskan di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (NPSTI) 2021-2030 yang dilancarkan pada Disember 2020 untuk menyelaraskan semua aktiviti dan program STI Malaysia. Antara inisiatif di bawah NPSTI adalah penstrukturan semula

geran pembangunan teknologi dan R&D di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menggalakkan penglibatan PKS dan MNC dalam sektor swasta. Kriteria penilaian yang kritikal untuk geran ini adalah melibatkan kerjasama antara universiti awam dan institut penyelidikan dengan sektor swasta. Selain itu, usaha lain untuk menyelaraskan kemudahan R&D ini adalah dengan memperkenalkan *Technical Commercialisation Accelerator (TCA)* dan pengukuhan *National Innovation Sandbox (NTIS)*.

Bagi menyokong agenda ini, MIDA terus memainkan peranan penting dalam memudahcara keseluruhan ekosistem R&D. Pada tahun 2021, insentif pembangunan harta intelek (IP) baharu telah diperkenalkan untuk memberi insentif kepada syarikat yang menjalankan aktiviti R&D serta syarikat yang telah memfailkan paten, inovasi utiliti dan hak cipta perisian berdasarkan output R&D mereka. Insentif ini menawarkan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas royalti atau yuran pelesenan untuk aset IP yang layak selama 10 tahun. MIDA juga turut menggalakkan kerjasama antara Pusat Penyelidikan Kolaboratif dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) an industri E&E untuk R&D dan pengkomersilan yang dipacu oleh pasaran, pembangunan bakat dan penglibatan rangkaian industri. (Kemaskini mengenai usaha MIDA boleh didapati di halaman 100-101, Kotak Artikel: Menggalakkan Inisiatif R&D)

Sorotan bidang R&D bagi tahun 2022 adalah optimistik selaras pengkomersilan R&D sebagai bidang sasaran utama dalam dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang dilancarkan baru-baru ini. Lanjutan dari dasar tersebut, Insentif Cukai Khas untuk Perkhidmatan Terpilih, telah diumumkan di bawah Bajet 2021 yang meliputi pelaburan baharu dalam R&D dan Reka Bentuk dan Pembangunan (D&D) bagi tempoh 2021-2022.

Seterusnya, komitmen Malaysia dalam membangunkan R&D juga digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) menerusi penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan aktiviti R&D dan mekanisme pembiayaan merentasi pelbagai pusat R&D dan organisasi yang berkaitan. Matlamat penubuhan ini adalah untuk merangsang inovasi



dan menggalakkan penyelidikan secara eksperimen yang mempunyai potensi nilai komersial lebih baik. Kerajaan terus berusaha untuk memastikan bahawa pelaburan awam besar dalam R&D dan sains akan diterjemahkan kepada pulangan jangka panjang yang lebih baik kepada ekonomi.

Di bawah Bajet 2022, Kerajaan juga memperuntukkan pembiayaan bernilai RM423 juta melalui MOSTI dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memperkukuh aktiviti R&D. Peruntukan ini dijangka akan memperkukuhkan lagi ekosistem inovasi tempatan dan menggalakkan kerjasama dengan industri.






Prestasi Sektor R&D

Minat sektor swasta untuk meneroka aktiviti berkaitan R&D didapati berterusan pada tahun 2021. Sebanyak 20 projek R&D telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM40.6 juta. Daripada jumlah ini, tujuh projek telah diluluskan di bawah MIDA, dengan pelaburan bernilai RM25.3 juta yang bakal menjana 156 peluang pekerjaan baharu.

SOROTAN SEKTOR R&D (1995-2021)




PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR R&D (1995-2021)

1995-2021					
Jenis	Bil	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
 R&D Kontrak	83	1,547	399.4	207.3	606.8
 Syarikat R&D	30	631	87.6	110.0	197.6
 R&D dalaman	47	2,165	544.4	845.9	1,390.3
 Status R&D	29	1,384	158.3	152.5	310.8
 Lain-lain	17	1,378	213.6	423.7	637.3
Jumlah keseluruhan	206	7,105	1,403.4	1,739.4	3,142.8

Nota:

- Projek Diluluskan di bawah Bidang Kuasa MIDA
- Angka yang ditunjukkan dalam jadual mungkin tidak menunjukkan jumlah tepat berbanding jumlah yang diberi disebabkan pembundaran

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR R&D TAHUN 2021




Note: Projects approved under MIDA's purview

Salah satu projek R&D utama yang diluluskan adalah bagi syarikat besar dari India dengan pelaburan bernilai lebih RM11 juta untuk menubuhkan pusat R&D di Malaysia. Projek ini dijangka akan mewujudkan kira-kira 70 peluang pekerjaan berkualiti tinggi. Projek ini akan membangunkan pusat penyelidikan dan inovasi kulit halal yang pertama bagi syarikat dan juga merupakan salah satu makmal penjagaan kulit halal yang terbesar dan termaju di dunia. Fasiliti ini akan menjalankan R&D ke atas produk dan peranti bagi penjagaan diri dan isi rumah serta produk, suplemen dan peranti bagi penjagaan kesihatan dan nutrikosmetik.

Teknologi Hijau Memajukan Pertumbuhan Hijau

Di sebalik pelaksanaan perintah sekatan dan aktiviti ekonomi yang perlahan, kadar emisi gas rumah hijau global didapati terus meningkat. Laporan Tahunan 2020 oleh *The United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) melaporkan bahawa tempoh 2016 dan 2020 merupakan dekad paling panas yang direkodkan dan memberi ancaman kepada nyawa dan mata pencarian di seluruh dunia. Meskipun Malaysia menyumbang kurang daripada 0.7 peratus kepada jumlah emisi gas rumah hijau global, Kerajaan adalah komited untuk memainkan peranan dalam mengembalikan keseimbangan iklim

GARIS TINDAKAN RMKe-12 BAGI KELESTARIAN ALAM SEKITAR



dengan mengurangkan emisi gas rumah hijau kepada 45 peratus daripada KDNK menjelang tahun 2030 seperti yang digariskan di bawah Perjanjian Paris.

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) telah meletakkan pertumbuhan hijau sebagai keutamaan negara khususnya menerusi tumpuan terhadap teknologi hijau dan kelestarian tenaga sebagai faktor utama untuk memajukan ekonomi hijau Malaysia. Bagi mengatasi pertindihan bahagian dan kementerian yang terlibat, Kerajaan telah menggunakan pendekatan di seluruh negara yang merangkumi ekonomi kitaran, menggalakkan perkongsian

tanggungjawab dan pelaburan awam-swasta, serta menawarkan kemudahan pembiayaan hijau dalam menuju ke arah negara rendah karbon. Secara optimistik, Malaysia bakal mencapai sasaran untuk menjadi negara sifar emisi karbon menjelang tahun 2050.

Peluang dalam Teknologi Hijau

Insentif teknologi hijau telah mendapat maklumbalas yang baik sejak ia mula diperkenalkan di bawah Bajet 2014. Lanjutan Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) sehingga Disember 2023 terus mendapat sambutan menggalakkan daripada sektor

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM TEKNOLOGI HIJAU TAHUN 2021

Sektor	Sub-Sektor	Nombor	Jumlah Pekerja	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Perkhidmatan Hijau	Penjanaan Tenaga	6	51	20.9	0	20.9
	Bangunan Hijau	1	5	1.0	0	1.0
	Jumlah	7	56	21.9	0	21.9
Projek Hijau	Penjanaan Tenaga	35	166	398.1	7.8	405.9
	Penjanaan Tenaga	842	458	2,290.4	710.1	3,000.5
	Bangunan Hijau	4	4	74.3	12.4	86.7
	Pengurusan Sisa	1	150	172.9	0	172.9
	Jumlah	882	778	2,935.7	730.3	3,666.0
	Jumlah keseluruhan	889	834	2,957.6	730.3	3,687.9



perindustrian dan komersial menerusi pelbagai projek. Syarikat digalakkan untuk melabur dalam bidang teknologi hijau meliputi sumber tenaga boleh diperbaharui (RE) seperti solar, biojisim, biogas dan hidro mini, serta aktiviti teknologi hijau lain seperti kecekapan tenaga (EE), bangunan hijau, pusat data hijau dan pengurusan sisa bersepadu.

Bagi masa hadapan, Kerajaan bakal melancarkan Dana Amanah MySDG yang merupakan Sukuk Lestari menerusi kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memenuhi jurang pembiayaan. Antara inisiatif terbaharu dalam membantu PKS adalah Kemudahan Peralihan Karbon Rendah yang diperkenalkan di bawah Bajet 2022, dengan nilai dana sebanyak RM1 bilion,

berdasarkan mekanisma dana padanan dengan institusi kewangan yang mengambil bahagian. Pada tahun 2022, Kerajaan juga akan menerbitkan Sukuk Kelestarian sehingga RM10 bilion untuk disalurkan kepada projek mesra alam yang layak.

Kebangkitan Tenaga Boleh Diperbaharui (RE)

The World Energy Outlook 2021 melaporkan pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui didapati terus meningkat walaupun berhadapan gangguan disebabkan oleh pandemik. Kadar peningkatan angin dan solar PV adalah terpacu dalam tempoh dua dekad yang lalu dan permintaan terhadap kenderaan elektrik telah mencatatkan rekod jualan baharu. Dianggarkan pasaran global tahunan bagi turbin angin, panel solar, bateri litium-ion, elektroliser dan

PROJEK TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI MENGIKUT SUBSEKTOR YANG DILULUSKAN TAHUN 2021

Jenis Tenaga Boleh Diperbaharui (RE)	Projek Diluluskan	Pelaburan (RM juta)	Pekerjaan
 Solar	826	2,765.5	323
 Biogas	14	196.3	108
 Biojisim	2	38.8	27
Jumlah	842	3,000.6	458

sel bahan api bakal meningkat sepuluh kali ganda kepada USD1.2 trilion menjelang tahun 2050.

Berdasarkan trend RE yang meyakinkan ini, Kerajaan telah mula meliberalisasikan pasaran tenaga di bawah Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) 2.0 untuk merangsang peluang pelaburan. Kerajaan menasarkannya tenaga boleh diperbaharui akan mencapai sebanyak 31 peratus daripada jumlah kapasiti yang dipasang di Malaysia menjelang tahun 2025 dan 40 peratus menjelang tahun 2035.

Di Malaysia, teknologi kuasa hidro mendominasi sektor ini pada kadar 86 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui pada masa ini. Sementara itu, projek solar berskala besar (LSS) menjanjikan peluang pelaburan yang sangat menarik. Pada tahun 2021, *LSSPV Bidding Cycle 3* menyaksikan 99 peratus jumlah bidaan adalah di bawah garis dasar harga tarif. Pemasangan solar fotovoltaik (PV) berskala lebih kecil untuk pengguna merupakan satu lagi bidang yang berpotensi untuk dikembangkan, didorong oleh pengurangan kos pengeluaran dan peluang di bawah Skim Pemeteran Tenaga Bersih (NEM), di mana lebih tenaga boleh dijual semula ke dalam grid. Biojisim dan biogas juga merupakan sumber RE yang semakin mendapat permintaan. Dengan memanfaatkan industri minyak sawit negara sebagai sumber bahan api, potensi RE adalah melebihi 1,000MW dan 500MW.

Daripada jumlah keseluruhan projek solar yang diluluskan pada tahun 2021, sebanyak 818 adalah projek solar penggunaan sendiri dengan pelaburan berjumlah RM643 juta dan lapan projek LSS oleh LSS3 Pekan Sdn. Bhd., Kerian Solar Sdn. Bhd., Solarpack Suria Sungai Petani Sdn. Bhd., Viva Solar Sdn. Bhd., Cove Suria Sdn. Bhd., Cypark Estuary Solar Sdn. Bhd., Classic Solar Farm Sdn. Bhd., dan TC Sunergy Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2,122.5 juta.

Projek RE lain yang diluluskan adalah meliputi 14 projek biogas dengan jumlah pelaburan RM196.3 juta dan dua projek biojisim bernilai RM38.8 juta. Sebanyak 458 peluang pekerjaan bakal diwujudkan daripada kesemua projek RE ini. MIDA juga telah meluluskan satu projek tenaga sisa iaitu Berjaya Alam Murni Sdn. Bhd. yang terletak di Selangor dengan pelaburan hijau berjumlah RM172.9 juta. Sebanyak

empat projek bangunan hijau telah diluluskan pada tahun 2021 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM86.7 juta dari Petronas Management Training Sdn. Bhd., Impian Bebas Sdn. Bhd., Ajinomoto (Malaysia) Berhad, dan Brickfields Asia College Sdn. Bhd.

Bagi projek perkhidmatan hijau, tujuh projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM21.9 juta. Projek-projek ini akan mewujudkan 56 peluang pekerjaan berkualiti tinggi untuk melaksanakan perkhidmatan hijau di bawah integrasi sistem solar PV dan bangunan hijau.

Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas


Sektor minyak & gas (O&G) berhadapan kemelut pada tahun 2021 disebabkan harga minyak yang rendah yang berpanjangan dan kelembapan permintaan global. Trend peralihan tenaga masa kini kepada tenaga boleh diperbaharui dan rendah karbon juga turut menyumbang kepada ketidaktentuan pasaran hulu minyak & gas. Kebanyakan syarikat minyak utama termasuk Petronas telah mengurangkan perbelanjaan modal dalam sektor hulu dan lebih menumpukan kepada bahan kimia khusus, tenaga boleh diperbaharui (RE) dan hidrogen.

PROJEK PERKHIDMATAN DAN PERALATAN MINYAK DAN GAS YANG DILULUSKAN TAHUN 2021

Pelaburan Domestik berbanding Asing

9 Projek Diluluskan

Jumlah **RM312.4** juta



9 Projek Diluluskan

- 6 projek untuk jentera & peralatan minyak dan gas bernilai **RM117 million**
- 2 adalah untuk perkhidmatan minyak & gas dan produk petroleum (termasuk petrokimia)
- 1 projek untuk produk fabrikasi logam

Peluang Pekerjaan

264
Jumlah Peluang Pekerjaan

Berdasarkan perkembangan ini, subsektor perkhidmatan dan peralatan O&G (OGSE) yang meliputi segmen hulu (perkhidmatan medan minyak dan gas) dan pertengahan (pengangkutan dan penyimpanan), serta penyelenggaraan mesin dan peralatan akan turut terjejas berikutan kebergantungan tinggi pada pasaran hulu Malaysia. Pasaran pertengahan khususnya, dijangka akan berkembang dalam tempoh lima tahun akan datang memandangkan peningkatan permintaan untuk simpanan minyak dan peningkatan perdagangan intra-Asia. Kapasiti terminal LNG juga dijangka akan meningkat selari dengan peningkatan jumlah jualan disebabkan harga minyak mentah yang rendah – kesan limpahan yang akan membuka peluang bagi pelaburan dalam perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan.

Pada peringkat strategik, Pelan Hala Tuju Industri OGSE Kebangsaan 2021–2030 yang dilancarkan pada April 2021 telah menggariskan rancangan untuk memajukan dan mempercepatkan pembangunan teknologi di kalangan syarikat OGSE tempatan untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran perkhidmatan tenaga seperti perkembangan dalam peralihan tenaga ini. Dengan kompetensi ini, pemain-pemain industri OGSE akan dapat meraih peluang di luar bidang O&G dan industri berkaitan, selain menawarkan perkhidmatan kepada pasaran global.

Pemulihan di Horizon

Sektor O&G Malaysia boleh menjangkakan masa hadapan yang lebih baik berikutan kadar pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih tinggi pada tahun 2022. Menurut Laporan Pasaran Minyak OPEC Disember 2021, permintaan terhadap minyak dunia diunjurkan akan mencecah 99.13 juta tong sehari (bpd) pada tahun 2022 melebihi paras pra-pandemik. Susulan harga minyak yang terus meningkat, aktiviti untuk industri OGSE dijangka akan turut melonjak. Daya tahan sektor O&G ini menunjukkan bahawa ia akan kekal sebagai sektor yang penting dalam campuran tenaga pada tahun-tahun akan datang walaupun terdapat peralihan yang pantas ke arah tenaga boleh diperbaharui.

Terdapat banyak peluang untuk diraih oleh pelabur-pelabur dalam sektor OGSE berdasarkan

pembangunan 13 blok penerokaan luar pesisir baharu dalam lembangan hidrokarbon di Malaysia yang menawarkan limpahan peluang. Bagi tujuan ini, Pengurusan Petroleum Malaysia (MPM) telah melancarkan Malaysia Bid Round (MBR) 2021 yang merupakan platform buat pelabur yang berminat untuk mengemukakan tender. Pembangunan 13 blok ini meliputi sembilan kawasan perairan cetek dan empat kawasan perairan dalam, di mana *Discovered Resource Opportunities* (DRO) adalah turut diliputi dalam beberapa blok penerokaan ini.

Trend peralihan tenaga juga membuka peluang kepada industri untuk beralih ke model perniagaan yang lebih hijau, inovatif dan mampan. Pelabur dalam perkhidmatan dan produk berinovatif layak dipertimbangkan insentif dan geran di bawah pelbagai skim yang ditawarkan oleh agensi berkaitan seperti MIDA, SME Corp dan Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC). Insentif ini adalah sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mempergiatkan pembangunan OGSE tempatan agar lebih berdaya saing di peringkat global dan memantapkan lagi kedudukan Malaysia sebagai salah satu gerbang OGSE terkemuka di rantau ini.

Pada tahun 2021, projek OGSE yang penting adalah daripada Premier Hytemp Sdn. Bhd, peneraju pasaran global dalam mengilang dan membekalkan solusi kejuruteraan logam serta menawarkan keupayaan rantaian bekalan global yang lengkap daripada bekalan keluli dan aloi yang asli sehingga pembuatan komponen kompleks. Selain perkhidmatan dalam sektor minyak dan gas, kumpulan syarikat ini turut menyediakan bekalan kepada pelanggan-pelanggan di seluruh dunia dari pangkalan operasinya di UK, Singapura dan Malaysia.

Logistik

Pasaran logistik kontrak global telah memperoleh semula momentum pada tahun 2021 menurut *Transport Intelligence* (ti-insight), dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 6.5 peratus, iaitu 2.9 peratus lebih tinggi daripada tahap pra-pandemik pada tahun 2019. Pemulihan ini disebabkan oleh pemansuhan sekatan untuk merangsang aktiviti ekonomi serta permintaan yang memacu peningkatan perkhidmatan pemenuhan. Peralihan dalam tingkah laku pengguna dijangka akan mempercepatkan pertumbuhan

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM LOGISTIK TAHUN 2021



e-dagang dan beli-belah secara atas talian yang akan memberikan impak berkekalan kepada sektor logistik global.

Industri logistik Malaysia merupakan industri yang mendapat manfaat daripada ledakan e-dagang dan pemulihan beransur-ansur rantaian bekalan global. Ini dicerminkan oleh lantunan semula perdagangan luar negara pada separuh kedua tahun 2020 yang mamacu permintaan terhadap perkhidmatan logistik ke tahap pra-pandemik. Di peringkat tempatan, pelabur domestik terus menunjukkan minat yang tinggi dalam pembesaran penyimpanan, kemudahan rantaian sejuk, perkhidmatan penghantaran jarak jauh serta teknologi pengangkutan dan rantaian bekalan dalam kecekapan integrasi antara pengirim dan syarikat-syarikat logistik pihak ketiga (3PL).

Sebagai negara yang paling pesat berkembang di Asia Tenggara, segmen e-dagang Malaysia merupakan pasaran yang sangat menarik untuk dimanfaatkan. Berdasarkan *GlobalData's E-commerce Analytics*, pertumbuhan diunjurkan sebanyak 10.6 peratus pada tahun 2021 dan dijangka akan mencecah RM51.6 bilion volum dagangan menjelang tahun 2024 – peningkatan pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 14.3 peratus antara tahun 2020 dan 2024.

Projek utama yang diluluskan pada tahun 2021 adalah daripada ILM Logistics (M) Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM226.8 juta dalam rantaian sejuk. Syarikat ini disasarkan akan mengubah lanskap rantaian sejuk secara ketara melalui inovasi dan automasi.

Hab e-Pemenuhan Serantau

Kerajaan telah membuka laluan bagi memastikan PKS tempatan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat besar berorientasikan eksport dan negara-negara maju menerusi inisiatif seperti Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR) 2.0, MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Salah satu strategi utama adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab e-pemenuhan dan *transshipment* serantau dan global untuk memudahkan e-dagang rentas sempadan di rantau ini sambil memacu eksport PKS Malaysia melalui e-dagang.

Kerajaan juga telah menggariskan strategi untuk mengubah ekosistem logistik ke arah kecekapan yang lebih tinggi dalam RMKe-12 yang akan meningkatkan prospek industri logistik untuk lima tahun akan datang. Penggunaan automasi dan pendigitalan merupakan faktor pemangkin yang penting agar pemain industri dapat bersaing dalam persekitaran e-pemenuhan yang semakin canggih.

Di antara bidang berpotensi ialah pembesaran ruang penyimpanan dan aktiviti perkhidmatan berinovatif.

Permintaan yang tinggi turut boleh didapati dalam pergudangan dan pusat pengedaran berkecekapan tinggi menerusi teknologi seperti *blockchain* dan *Internet of Things* (IoT). Insentif dan geran adalah tersedia melalui pelbagai skim di bawah MIDA dan agensi berkaitan lain untuk memacu pertumbuhan sektor ini untuk menjadi Hab Logistik E-Dagang Serantau.

Penjagaan Kesihatan

Kemudahan penjagaan kesihatan awam dan pekerja perubatan di Malaysia telah diperluaskan ke had maksima ekoran kemuncak pandemik pada tahun 2021 dan setelah bertungkus lumus membendung COVID-19. Menerusi pelancaran vaksin yang agresif dan pemantauan SOP yang ketat, negara sedang beralih ke arah fasa pemulihan. Dalam Bajet 2022, Kerajaan telah mengutamakan penjagaan kesihatan awam untuk memastikan pemulihan ini dengan memberi peruntukan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) sebanyak RM32.4 bilion yang merupakan peruntukan kedua tertinggi. Sebanyak 13.5 peratus telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan, manakala 54 peratus adalah untuk emolument.



Sementara itu, penutupan sempadan antarabangsa turut menjejaskan sektor pelancongan perubatan Malaysia yang sedang berkembang maju, di mana hanya kira-kira 270,000 ketibaan pengembara penjagaan kesihatan dicatatkan pada tahun 2021, berbanding 1.3 juta pada tahun 2019. Bagi menangani perkara ini, Kerajaan telah memperkenalkan Rangka Tindakan Industri Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021-2025 yang akan dilaksanakan menerusi dua fasa iaitu Fasa Pemulihan (2021-2022) yang akan tertumpu untuk mempromosikan penawaran berkualiti dan meningkatkan pengalaman pesakit melalui usaha pendigitalan, dan Fasa Bina Semula (2023-2025) untuk memupuk kerjasama bagi mempromosikan tawaran khusus seperti Hab Kesuburan dan Kardiologi, Pusat Kecemerlangan untuk Onkologi dan *Flagship Medical Tourism Hospital Programme*. Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah diperuntukkan bajet sebanyak RM20 juta pada tahun 2022 untuk

mempromosikan sektor pelancongan perubatan negara di peringkat antarabangsa dan mensasarkan pendapatan sebanyak RM800 juta bagi tahun 2022.

Kerajaan terus komited untuk menarik pelaburan dalam penjagaan kesihatan swasta dengan melanjutkan insentif untuk hospital swasta dan pusat jagaan ambulatori (ACC) sehingga 31 Disember 2022. Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) juga telah diperluaskan untuk memberi manfaat kepada sektor perkhidmatan.

Sektor penjagaan kesihatan swasta bersedia untuk berkembang di mana penularan pandemik COVID-19 telah membuka peluang dalam bidang baharu agar perkhidmatan penjagaan kesihatan berdaya tahan dan sentiasa bersedia, seperti menangani isu kekurangan katil hospital. Tiga hospital baharu dijangka akan dibuka dalam tempoh tiga tahun akan datang iaitu Pusat Kesihatan Kinrara oleh KPJ Healthcare Bhd yang dijangka akan siap pada suku kedua 2021, Hospital Pakar Damansara II (suku pertama 2022), dan Pusat Perubatan Seberang Jaya Sunway Healthcare Group (2022).

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PENJAGAAN KESIHATAN TAHUN 2021



Peluang baharu untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah meliputi penggunaan teknologi baharu dan pendigitalan yang akan mengurangkan kos dan prosedur, sekaligus mengukuhkan



ekosistem penjagaan kesihatan. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menggariskan pelbagai strategi untuk memanfaatkan teknologi canggih dan perkhidmatan penjagaan kesihatan digital. Pelanjutan insentif cukai selama dua tahun akan menjadi daya penarik untuk menggalakkan pelaburan dalam industri ini.

Satu lagi prospek pelaburan yang berpotensi ialah bantuan penjagaan hidup warga emas. Penyelidikan oleh *DataBridge Research* menunjukkan bahawa sebanyak 605 juta atau 11 peratus daripada keseluruhan populasi global didapati dalam lingkungan usia melebihi 65 tahun. Di Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dengan kerjasama MHTC sedang meneroka program *International Retirement Living* yang dibangunkan untuk menarik pesara asing yang sihat dan aktif untuk menikmati cuaca panas di negara ini dengan kemudahan yang serba lengkap. Satu lagi faktor penting yang perlu dipertimbangkan oleh pelabur ialah kedudukan teratas negara untuk persaraan di kalangan negara Asia berdasarkan *International Living's Annual Global Retirement Index* tahun 2015-2021 oleh badan yang berpangkalan di USA. Indeks ini mengambil kira pelbagai faktor meliputi ketersediaan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi, mampu milik dan mudah diakses.

Sementara itu, penyedia penjagaan kesihatan teleperubatan swasta di Malaysia telah menemui peluang bagi pertumbuhan baharu. Sebagai contoh, Sunway Medical Centre Velocity (SMCV) dan Parkway Pantai Kumpulan IHH Berhad telah menyediakan perkhidmatan teleperundingan untuk membolehkan pesakit menerima nasihat kesihatan daripada pakar atau pegawai perubatan dari rumah. MIDA terus menyokong dan menggalakkan pelaburan dalam kemudahan penjagaan kesihatan swasta menerusi advokasi dasar dengan pihak-pihak berkepentingan berkaitan seperti MHTC, Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Kewangan (MoF) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), di samping melaksanakan pelbagai inisiatif promosi pelaburan bagi penjagaan kesihatan.

Pendidikan

Modal insan merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi. Usaha untuk mempercepatkan pembangunan sumber manusia melalui pendidikan tinggi terjejas ekoran pandemik namun trajektori pemulihannya diteruskan dalam beberapa bidang. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kira-kira 32 peratus daripada tenaga buruh Malaysia memiliki kelayakan pengajian tinggi.

Pencapaian ini meningkat lebih tiga kali ganda sejak tahun 1990. Bilangan graduan universiti di Malaysia telah meningkat sebanyak 4.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 5.13 juta graduan pada tahun 2019. Ini sejajar dengan pertumbuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (PHEI) Malaysia sejak beberapa dekad kebelakangan ini yang membekalkan aliran modal insan berterusan untuk negara serta rantau ASEAN.

Penambahbaikan mutu pendidikan kekal menjadi keutamaan Malaysia. Ini meliputi usaha menambahbaik Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET), mengukuhkan pembelajaran sepanjang hayat (LLL) dan meningkatkan kecekapan pasaran buruh dalam memenuhi permintaan industri, terutamanya cetusan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang membawa pelbagai teknologi baharu dan memberi impak kepada pendidikan dan latihan. Menghadapi realiti ini, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) memberi tumpuan kepada penajaran semula pasaran buruh ke arah pertumbuhan inklusif dan mampan, meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia serta membangunkan ketersediaan bakat masa hadapan.

Usaha berterusan negara telah diiktiraf oleh *QS World University Rankings for Asia 2022*, di mana kedudukan Universiti Malaya (UM) bersama 24 institusi pengajian tinggi Malaysia yang lain telah menunjukkan peningkatan. UM meningkat satu anak tangga pada kedudukan


kelapan di Asia dan Universiti UCSI milik persendirian mencecah 100 teratas, peningkatan 28 anak tangga di kedudukan ke-77.



Usaha berterusan negara telah diiktiraf oleh *1 University Rankings for Asia 2022*, di mana kedudukan Universiti Malaya (UM) bersama 24 institusi pengajian tinggi Malaysia yang lain telah menunjukkan peningkatan

Walau bagaimanapun, gangguan dalam sektor pengajian tinggi didapati berterusan sehingga tahun 2021 ekoran penutupan institusi dan sempadan antarabangsa selama hampir setahun yang memerlukan penyampaian pembelajaran dalam talian dan jarak jauh yang lebih canggih. Menyedari perkara ini, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan bajet yang besar di bawah Bajet 2022 untuk membantu pemulihan sektor ini dengan peruntukan sebanyak RM52.6 bilion. Kementerian Pengajian Tinggi diperuntukkan sebanyak RM14.5 bilion untuk menambah baik sistem pembelajaran dalam talian, meningkatkan akses digital dan pilihan pembelajaran fleksibel, manakala TVET menerima RM6.6 bilion untuk menambahbaik program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula, dengan penekanan untuk mendapatkan akreditasi industri.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM PENDIDIKAN TAHUN 2021



Untuk membantu merapatkan jurang di antara keperluan industri dan bekalan bakat muda tempatan, salah satu inisiatif terbaharu MIDA adalah Program *Artificial Intelligence for Universities* (AI4U) yang dianjurkan dengan kerjasama Intel Malaysia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). (Inisiatif lain oleh MIDA boleh didapati di muka surat 72-73, Kotak Artikel: Memantapkan Ketersediaan Bakat Malaysia)

Pelbagai PHEI termasuk institusi TVET boleh memohon Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) dan Geran Automasi Pintar (SAG) di bawah PENJANA untuk membantu penerapan teknologi dan inovasi. Dana itu akan dapat menampung perbelanjaan yang ditanggung dalam melatih rakyat Malaysia, menjalankan aktiviti R&D, automasi, pemodenan dan menaik taraf kemudahan, mendapatkan piawaian/pensijilan antarabangsa, dan pelesenan atau pembelian teknologi baharu/tinggi. Pada tahun 2021, MIDA telah meluluskan SAG kepada satu kolej swasta yang terlibat dalam penerapan teknologi digital pintar. Kolej tersebut telah membuat pelaburan tambahan sebanyak RM1.9 juta untuk memperkenalkan mesin ultrasound digital termaju bagi pelajar-pelajar Pengimejan Perubatan dan Diploma Lanjutan Ultrasonografi Perubatan untuk pembelajaran praktikal mereka. Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang menggabungkan media digital dan simulasi yang canggih adalah sejajar dengan Dasar 4IR Negara.

Terdapat pelbagai peluang pelaburan dalam bidang TVET khusus seperti aeroangkasa, aeronautik, elektronik digital, industri kreatif dan hospitaliti. MIDA mengalu-alukan syarikat tempatan dan asing untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu yang mempunyai nilai tambah tinggi dan teknologi berasaskan pengetahuan ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran sepanjang hayat yang kondusif dan menarik di Malaysia.

Hospitaliti - Hotel & Pelancongan

Pelancongan domestik kekal menjadi tumpuan pada tahun 2021 menjelang pembukaan semula sebahagian gelembung perjalanan domestik ke Langkawi pada 16 September 2021. Ini merupakan langkah pertama dalam menggalakkan pemulihan

industri pelancongan yang merekodkan jumlah ketibaan pelancong domestik sebanyak 38,748 dan RM15.97 juta resit pelancongan. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menjangka pelancongan domestik akan pulih semula susulan pemansuhan sekatan pergerakan dan pembukaan semula sempadan negeri dengan sasaran pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus setelah mengalami anggaran kerugian pendapatan sebanyak RM135 bilion dan RM165 bilion pada tahun 2020 dan 2021 masing-masing. Ini disokong oleh kejayaan kempen vaksinasi Malaysia, di mana negara telah bersedia untuk memasuki fasa endemik berdasarkan kadar vaksinasi sepenuhnya populasi dewasa sebanyak 97.6 peratus setakat 31 Disember 2021.

PELABURAN YANG DILULUSKAN DALAM HOSPITALITI TAHUN 2021



Di sebalik cabaran yang dihadapi, bagi tempoh **Januari hingga Disember 2021**, sebanyak **29 projek telah diluluskan** dengan **jumlah pelaburan** berjumlah **RM3.4 bilion** yang menyumbang **2,949 peluang pekerjaan baharu**.



RM3.4 bil
Jumlah Pelaburan



2,949
JPeluang Pekerjaan

Bagi merencanakan semula industri pelancongan, Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Antaranya ialah dengan memulihkan keyakinan pelancong untuk mengembara dengan selamat dalam era pasca-pandemik dan menyediakan produk dan perkhidmatan lebih berkualiti seperti eko-pelancongan dan aktiviti penghayatan budaya Malaysia berasaskan komuniti bagi menikmati pengalaman kehidupan di Malaysia. Keselamatan dan kebersihan akan menjadi tumpuan dalam setiap usaha penjenamaan dan promosi.



Bagi menyokong pemain industri pelancongan dan hospitaliti yang terjejas teruk, Bajet 2022 telah mengumumkan tujuh inisiatif utama melibatkan sejumlah RM1.6 bilion meliputi program subsidi gaji yang akan memanfaatkan lebih 26,000 majikan dan 330,000 pekerja. Program pembiayaan sektor pelancongan di bawah Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA dan geran sepadan untuk pembaikan hotel bajet juga merupakan sebahagian daripada rancangan untuk memulihkan dan melestarikan industri pelancongan.




Bagi menyokong pemain industri pelancongan dan hospitaliti yang terjejas teruk, Bajet 2022 telah mengumumkan tujuh inisiatif utama melibatkan sejumlah RM1.6 bilion meliputi program subsidi gaji yang akan memanfaatkan lebih 26,000 majikan dan 330,000 pekerja.

Kerajaan juga telah melancarkan pelan transformasi sepuluh tahun untuk industri pelancongan yang dikenali sebagai Dasar Pelancongan Negara (NTP) 2020 – 2030. NTP telah digubal untuk meletakkan

Malaysia di kalangan sepuluh destinasi pelancongan teratas dalam kategori ketibaan dan resit. Salah satu strategi utama untuk kekal berdaya saing dalam jangka masa panjang adalah dengan menerapkan Pelancongan Pintar. Salah satu projek hotel terkenal yang diluluskan ialah Kimpton Hotels & Restaurants at The Exchange (TRX) yang berpangkalan di San Francisco dengan jumlah pelaburan kira-kira RM700 juta. Cadangan projek hotel 4-5 bintang itu akan menyediakan 471 bilik hotel yang bakal diuruskan oleh Intercontinental Hotels Group (Asia Pacific) Pte. Ltd. Projek ini merupakan usaha niaga pertama Kimpton di Malaysia dan dijangka akan dibuka pada tahun 2024.

BAROMETER PELANCONGAN DUNIA UNWTO 2021



Sumber: Pertumbuhan Pelancongan Dunia (UNWTO)


Perkhidmatan Lain Hartanah

Subsektor hartanah adalah meliputi projek perumahan dan pangsapuri perkhidmatan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 2021, subsektor ini terus kekal berdaya maju meskipun berhadapan isu semasa, di mana kedudukannya kekal sebagai penyumbang terbesar kepada sektor perkhidmatan sebanyak 30.6 peratus.

Beberapa inisiatif telah digariskan Kerajaan untuk menyokong subsektor ini seperti Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dan Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) di bawah PENJANA. Selain itu, kadar dasar semalaman Bank Negara Malaysia (BNM) yang mencatatkan rekod rendah sebanyak 1.75 peratus menggalakkan lagi pemilikan rumah dan seterusnya mengukuhkan pasaran hartanah dalam menggerakkan sejumlah besar inventori yang telah terbina pasca fasa Perintah Kawalan Pergerakan.

Pada tahun 2021, sejumlah 1,044 projek yang dipacu sepenuhnya oleh pemain domestik telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM28.8 bilion. Prestasi ini menunjukkan kemerosotan sebanyak 7.8 peratus berbanding RM31.3 bilion yang dilaporkan dalam tempoh 2020.

SUB-SEKTOR HARTANAH TAHUN 2021



Perkhidmatan Kewangan

Perbankan, insurans dan pasaran modal (pengurusan dana, khidmat nasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal teroka dan pembrokeran) merupakan komponen di bawah subsektor perkhidmatan kewangan.



Menurut Moody's *Investors Service*, sistem perbankan Malaysia memiliki permodalan dan

kadar kecairan yang baik untuk mengatasi tekanan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan. Ini adalah disebabkan dasar sokongan yang menawarkan kemudahan pembayaran balik dan moratorium pinjaman. Bank-bank Malaysia didapati kekal merekodkan keuntungan, di mana beberapa bank telah menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2021 berbanding tahun 2020.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2021 mencatatkan pertumbuhan lebih 300 peratus sebanyak RM12 bilion menerusi 53 projek berbanding RM2.5 bilion yang dicatatkan pada tahun 2020. Subsektor itu muncul sebagai penyumbang ketiga terbesar (12.8%) kepada sektor perkhidmatan. Pelaburan domestik menyumbang RM11.3 bilion (94.3%), manakala pelaburan asing berjumlah RM683.7 juta (5.7%). Kebanyakan kelulusan atau 95.5 peratus adalah tertumpu dalam segmen perbankan, terutamanya aktiviti perbankan konvensional dan Islam tempatan yang berpotensi menjana 969 peluang pekerjaan.

SUB SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN TAHUN 2021

Domestic vs Foreign Investments



Subsektor ini muncul sebagai penyumbang ketiga terbesar (**12.8%**) kepada sektor perkhidmatan

Kebanyakan kelulusan atau **95.5%** tertumpu dalam segmen perbankan, terutamanya aktiviti perbankan konvensional dan Islam tempatan.

Peluang Pekerjaan



969 Jumlah Peluang Pekerjaan

Utiliti

Subsektor utiliti adalah meliputi perkhidmatan utiliti tenaga dan air. Perkhidmatan tenaga merangkumi penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan utiliti air adalah meliputi perkhidmatan yang disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Pada tahun 2021, subsektor ini mencatatkan sejumlah RM9.6 bilion pelaburan yang diluluskan yang keseluruhannya adalah daripada sumber domestik. Majoriti atau 95.2 peratus daripada projek ini adalah dalam penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik, manakala 4.8 peratus adalah daripada pembangunan industri perkhidmatan air. Walaupun kadar kelulusan didapati perlahan sebanyak 10.7 peratus, subsektor utiliti merupakan penyumbang keempat tertinggi kepada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan dalam tempoh ini menyusuli subsektor hartanah, pertubuhan global dan perkhidmatan kewangan.

Subsektor utiliti dijangka berkembang sebanyak 6.7 peratus pada tahun 2022 berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi oleh segmen industri dan komersial.

SUB-SEKTOR UTILITI TAHUN 2021

 **RM9.6 bil** Jumlah Pelaburan

95.2% daripada projek ini adalah dalam pengagihan elektrik manakala **4.8%** adalah daripada pembangunan industri perkhidmatan air



Subsektor utiliti merupakan penyumbang keempat tertinggi kepada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan

Subsektor utiliti dijangka berkembang sebanyak **6.7%** pada tahun 2022 berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi oleh segmen industri dan komersial.

Maklumat dan Komunikasi

Subsektor maklumat dan komunikasi meliputi aktiviti berkaitan telekomunikasi, status Koridor Raya Multimedia (MSC), perisian komputer, penyiaran, perkhidmatan ICT dan kandungan kreatif.

Bagi subsektor telekomunikasi, berdasarkan data kelulusan pelaburan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (hanya meliputi sembilan bulan pertama 2021), sejumlah RM4.8 bilion pelaburan telah diluluskan, berbanding dengan RM8.2 bilion yang direkodkan pada tempoh sama tahun 2020. Pelaburan ini kekal dipacu sepenuhnya oleh sumber domestik.

Manakala bagi perisian komputer pula, sebanyak RM8.5 juta pelaburan dicatatkan pada tahun 2021, penyusutan sebanyak 61 peratus berbanding tahun 2020. Daripada jumlah ini, 88.1 peratus atau RM7.5 juta adalah daripada sumber asing dan bakinya RM1 juta adalah sumber domestik. MIDA bekerjasama dengan Perbadanan

SUB-SEKTOR MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TAHUN 2021



RM8.2 bil Jumlah Pelaburan



450 Projek Diluluskan



2,026 Jumlah Peluang Pekerjaan



Subsektor maklumat dan komunikasi terdiri daripada kelulusan pelaburan dalam subsektor telekomunikasi, projek berstatus MSC, perisian komputer dan perkhidmatan ICT

Digital Ekonomi Malaysia (MDEC) untuk memacu transformasi digital Malaysia melalui kemudahan seperti Status Koridor Raya Multimedia (MSC). Syarikat yang memegang Status MSC menyumbang kepada penerimaan digital, keusahawanan digital dan aspirasi inovasi negara. Kerajaan sentiasa konsisten dan strategik dalam usaha untuk menerapkan pendigitalan pada kadar yang pantas dalam

mencapai aspirasi untuk mengubah Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi yang didorong oleh pendigitalan dan berpacuan teknologi, serta menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital. Untuk menyelaraskan usaha ini, Pejabat Pelaburan Digital (DIO) – platform kerjasama digital sepenuhnya di antara MIDA dan MDEC telah ditubuhkan pada 22 April 2021. Ini adalah sejajar dengan inisiatif MyDIGITAL dalam menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam pendigitalan menjelang tahun 2025.



Kerajaan sentiasa konsisten dan strategik dalam usaha untuk menerapkan pendigitalan pada kadar yang pantas dalam mencapai aspirasi untuk mengubah Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi yang didorong oleh pendigitalan dan berpacuan teknologi, serta menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital. Untuk menyelaraskan usaha ini

Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk status MSC pada tahun 2021 ialah sebanyak RM2.2 bilion, di mana 76.5 peratus daripada pelaburan berjumlah RM1.6 bilion ini terdiri daripada pelaburan domestik. Sebanyak 27 projek berstatus MSC dijangka akan menjana 1,921 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka berkembang dalam beberapa tahun akan datang menerusi inisiatif transformasi digital seperti Pelan Infrastruktur Digital Nasional atau Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menambahbaik liputan jalur lebar mudah alih 4G dan kualiti perkhidmatan ini. Pada tahun 2021, JENDELA telah mencapai 94 peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk berbanding 91.8 peratus pada tahun terdahulu. Purata kelajuan jalur lebar mudah alih negara telah bertambah baik mencapai 29.14Mbps, berbanding 25Mbps sebelum ini.

Selain itu, pelancaran rangkaian 5G akan menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan menggunakan IT dan automasi ke arah mencapai pertumbuhan yang mampan.

Nota:

Bermula tahun 2021, kategori baharu iaitu subsektor maklumat dan komunikasi telah diwujudkan dengan menggabungkan projek-projek di bawah subsektor telekomunikasi dan status MSC. Ini adalah selaras dengan Klasifikasi Perindustrian Standard Malaysia (MSIC) 2008 yang ditetapkan oleh DOSM.





Perdagangan Pengedaran

Perdagangan pengedaran adalah meliputi perdagangan borong dan runcit; pasaraya besar dan pasaraya, gedung serbaneka dan jualan langsung serta francais yang dikawal selia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (MDTCA), serta projek perdagangan pengedaran lain yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2021 didapati merosot sebanyak 2.7 peratus daripada RM3.7 bilion kepada RM3.6 bilion. Majoriti atau 78.8 peratus daripadanya adalah daripada sumber asing yang tertumpu dalam perdagangan borong dan runcit. Sejumlah 908 projek yang diluluskan akan menjana 14,392 peluang pekerjaan yang menjadikannya majikan terbesar dalam sektor perkhidmatan.

Antara inisiatif kerajaan untuk menyokong sektor ini adalah peruntukan bernilai RM31 bilion di bawah Bajet 2022 dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif bagi memulihkan sektor ini. Pengekalan beberapa program seperti kempen 'Beli Produk Malaysia' dan 'Program Jualan Malaysia',

agenda industri francais dan jualan langsung dijangka akan menyumbang kepada peningkatan industri perdagangan pengedaran. Selain itu, penggalakan untuk menggunakan e-dagang dan pendigitalan yang lebih meluas melalui Pelan Induk Perdagangan Pengedaran (2021- 2025) dijangka akan menetapkan hala tuju yang jelas dan memacu pertumbuhan yang dijangkakan sebanyak 8.7 peratus pada tahun 2022.

SUB-SEKTOR PERDAGANGAN EDARAN TAHUN 2021

 **908** Projek Diluluskan

 **RM3.6** bil Jumlah Pelaburan

78.8% daripada kelulusan adalah daripada sumber asing yang tertumpu dalam perdagangan borong dan runcit

Peluang Pekerjaan

 **14,392** Jumlah Peluang Pekerjaan

Majikan terbesar dalam sektor perkhidmatan

Pengangkutan

Subsektor pengangkutan adalah meliputi pengangkutan maritim, penerbangan (termasuk infrastruktur dan penyelenggaraan lapangan terbang, pembaikan dan baik pulih - MRO) dan pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya.

Sebanyak 24 projek yang keseluruhannya terdiri daripada sumber domestik, telah diluluskan pada tahun 2021 dengan pelaburan bernilai RM1.6 bilion, peningkatan sebanyak 143.5 peratus berbanding pelaburan bernilai RM654.2 juta pada tahun 2020. Majoriti kelulusan ini adalah bagi infrastruktur lapangan terbang dan pelabuhan.

Pemulihan dalam sektor ini didapati sangat ketara berikutan jumlah pelaburan telah diluluskan sebaik sahaja sekatan pergerakan dimansuhkan. Di bawah RMKe-12, Kerajaan komited untuk menyediakan mobiliti yang bersepadu, mampu milik dan lancar dengan sasaran untuk berada pada kedudukan 10 teratas dalam *World Container Port's Report* dan kedudukan 30 teratas dalam *World Bank Logistics Performance Index by 2025*.

SUB-SEKTOR PENGANGKUTAN TAHUN 2021

 **24** Projek Diluluskan

 **RM1.6** bil Jumlah Pelaburan

Peningkatan sebanyak **143.5%** berbanding pelaburan bernilai RM654.2 juta pada tahun 2020



Majoriti kelulusan ini adalah bagi infrastruktur lapangan terbang dan pelabuhan

Pejabat Pelaburan Digital (DIO): Pendekatan Baharu untuk Menarik Pelaburan Digital ke Malaysia


Peranan teknologi digital yang semakin meningkat berpotensi untuk mengubah landskap ekonomi secara ketara di seluruh dunia. Malaysia amat konsisten dan strategik dalam usahanya untuk memesatkan penerapan pendigitalan yang dijangka dapat mengubah negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang berkeupayaan digital dan berpacuan teknologi serta menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital. Untuk menyelaraskan usaha ini, Pejabat Pelaburan Digital (DIO) telah ditubuhkan pada 22 April 2021 dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (MED4IR). DIO adalah sejajar dengan evolusi landskap pelaburan global ke arah pendigitalan dan Industri 4.0 yang mewujudkan cadangan nilai yang unik dan menarik bagi projek digital.

Inisiatif ini akan mengukuhkan lagi matlamat Malaysia untuk merancakkan semula agenda negara dalam meningkatkan daya saing seiring Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang tertumpu kepada kesepaduan merentas semua inisiatif dasar negara yang berkaitan pelaburan. DIO juga berfungsi sebagai platform bersepadu tunggal yang dipertanggungjawabkan untuk mengemaskini dan menyelaras semua pelaburan digital asing dan domestik di negara ini, di samping

menawarkan kemudahan menyeluruh kepada pelabur dalam ruang digital. DIO juga akan menyediakan dasar dan panduan sebagai persediaan masa hadapan dalam keperluan bakat dan rangkaian infrastruktur digital serta menangani isu operasi yang dihadapi oleh perniagaan semasa pandemik dan seterusnya. Pada asasnya, DIO menyediakan tadbir urus berstruktur mengenai promosi dan kemudahan pelaburan yang menyokong aktiviti dan proses penggalakan dalam menggerakkan dan mengukuhkan ekosistem digital.

Pejabat ini komited dalam memainkan peranannya untuk mencapai sasaran di bawah inisiatif MyDIGITAL; iaitu untuk menarik pelaburan digital bernilai RM70 bilion di samping meningkatkan sumbangan ekonomi digital dalam KDNK Malaysia kepada 22.6 peratus menjelang 2025.

Dengan penyatuan pelbagai strategi pelaburan di kalangan pihak berkepentingan yang berkaitan, DIO menawarkan cadangan nilai yang unik bagi kesemua pelaburan digital akan datang. Usaha kerjasama tersebut akan memenuhi keperluan industri digital yang pesat berkembang dan meningkatkan lagi keupayaan dan daya saing negara sebagai lokasi perniagaan paling ideal bagi syarikat yang beroperasi dalam ekosistem digital.



Bagaimana untuk menghubungi Pejabat Pelaburan Digital (DIO)

DIO boleh dihubungi melalui portal 'Malaysia, Heart of Digital ASEAN' (MHODA), yang boleh diakses melalui www.heartofdigitalasean.my serta laman web rasmi MIDA. Melalui platform ini, pelabur boleh mengemukakan minat pelaburan menerusi visa kemasukan tunggal yang akan memudahkan kemasukan dan fasilitasi serta membenarkan peluang pelaburan digital berkualiti selaras dengan matlamat peranan MyDIGITAL dan DIO untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing Malaysia sebagai lokasi yang ideal untuk syarikat digital menjalankan perniagaan.

Menyediakan ekosistem yang bersepadu dan menyokong dalam persekitaran operasi yang cekap adalah mustahak untuk menarik pelaburan berkualiti ke Malaysia. Melangkah ke hadapan, DIO akan terus memainkan peranan pentingnya untuk mengukuhkan keupayaan Malaysia dan daya saing negara sebagai lokasi perniagaan yang ideal bagi syarikat dalam ruang digital.

Ciri-ciri portal MHODA:-



Paparan yang mesra pengguna dengan bahagian khusus untuk Soalan Lazim




Berita dan pandangan tentang inisiatif digital Malaysia



Memudahkan penyerahan cadangan pelaburan dan pertanyaan

Melangkah ke hadapan, Malaysia akan mencipta semula langkah dalam Industri Teknologi Digital Strategik

Memandangkan segmen digital berkembang dengan pantas, kami juga mengalu-alukan pelbagai teknologi baharu yang boleh meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai sebuah negara digital



Merencanakan Inisiatif R&D

Malaysia menumpukan usaha memudahcara penglibatan industri dalam aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk mempercepatkan aspirasi teknologi negara dalam menerapkan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Kerajaan menyediakan kemudahan dan sokongan melalui pelbagai platform bagi semua peringkat R&D daripada peringkat penciptaan idea kepada tahap pengkomersialan. Di bawah Bajet 2021, Kerajaan telah memperluaskan lagi insentif cukai kepada syarikat yang mengkomersialkan hasil penemuan R&D oleh institut penyelidikan awam, dan institut pengajian tinggi awam serta swasta. Bidang R&D yang layak kini meliputi penyelidikan dalam industri yang berasaskan sumber dan bukan berasaskan sumber.

Selaras dengan matlamat negara, MIDA telah meningkatkan usahanya menerusi inisiatif seperti penganjuran seminar dan program libat urus perniagaan serta menyediakan dan mentadbir urus insentif yang berkaitan. Pada bulan April 2021, MIDA telah menganjurkan Program Penyelidikan dan Pembangunan untuk Perniagaan (RD4B) bagi mempromosikan kepentingan aktiviti R&D di kalangan pemain industri dengan penyertaan sebanyak 1,392 syarikat. RD4B telah dianjurkan untuk mengetengahkan

jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang turut mempromosikan R&D di Malaysia termasuk MIDA, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pusat Penyelidikan Kolaboratif dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) dan Cyberview Sdn. Bhd. Objektif program RD4B adalah untuk menyalurkan maklumat yang bermanfaat kepada syarikat bagi mendorong pelaburan dalam R&D atau mengembangkan perniagaan mereka dalam segmen R&D. Program RD4B tersebut melibatkan penyertaan dari negara Amerika Syarikat, Australia, Rusia, Singapura, Hong Kong, Switzerland, Taiwan, Belarus, Pakistan, Kanada, Belanda, United Kingdom, Sweden, Argentina dan Jerman.

Inisiatif terbaru MIDA adalah pelancaran portal i-R&D, yang merupakan gerbang masuk bagi menghubungkan semua pemegang taruh, iaitu agensi kerajaan, akademik dan syarikat dalam ekosistem R&D, dengan ini mewujudkan pusat sokongan R&D yang lebih bersepadu untuk memastikan inisiatif R&D di negara ini direalisasikan dengan berkesan.

PELBAGAI SOKONGAN DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN:



Kemudahan untuk syarikat yang menjalankan aktiviti R&D

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF)

Objektif:

Untuk menggalakkan pemain industri tempatan bagi meningkatkan keupayaan teknikal mereka dan mendapatkan pensijilan antarabangsa dalam industri-industri strategik

Ciri-ciri:

- Geran padanan dengan nisbah 50:50 secara pembayaran semula untuk perbelanjaan yang layak
- Kelayakan: Syarikat yang memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 60% oleh rakyat Malaysia

Status dan Insentif R&D

Objektif:

Untuk menyokong pertumbuhan aktiviti R&D dan ekosistem pembekal perkhidmatan R&D di Malaysia

Ciri-ciri:

- Insentif cukai untuk syarikat R&D baharu, syarikat R&D kontrak dan projek R&D dalam syarikat
- Pelanggan kepada syarikat yang diberikan status R&D boleh menikmati potongan dua kali ke atas perbelanjaan R&D yang diluluskan

Bagi memperkukuhkan perjalanan Industri 4.0 di kalangan PKS, MIDA juga bersama-sama dengan Intel Malaysia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan Program Kecerdasan Buatan (AI) untuk PKS (AI4S) pada tahun 2021 di mana kira-kira 100 PKS terpilih telah menerima Kit Permulaan Kecerdasan Buatan Intel yang dibangunkan oleh Axiomtek. Syarikat-syarikat PKS terpilih tersebut turut menghadiri sesi latihan untuk melonjakkan penerapan AI dalam operasi perniagaan mereka.



Kemudahan untuk syarikat menuju ke arah Industri 4.0

Elaun Modal Automasi (Automation CA)

Objektif:
Untuk menggalakkan penggunaan automasi dalam industri yang berintensifkan buruh

- Ciri-ciri:**
- *Automation CA* bagi kategori industri berintensifkan buruh adalah sebanyak 200 peratus ke atas perbelanjaan RM4 juta pertama untuk loji dan jentera dalam tempoh 8 tahun taksiran dari 2015 hingga 2023 to 2023
 - *Automation CA* bagi industri-industri lain adalah sebanyak 200 peratus ke atas perbelanjaan RM2 juta pertama untuk kelengkapan automasi bagi tempoh masa yang sama

Geran Automasi Pintar (SAG)

Objektif:
Untuk menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pertengahan (*Mid-Tier Companies, MTC*) untuk mengautomasikan dan mendigitalkan operasi, pengeluaran dan saluran perdagangan

- Ciri-ciri:**
- Geran padanan 1:1 ke atas perbelanjaan yang layak, sehingga jumlah maksimum sebanyak RM1,000,000 bagi setiap syarikat

Dana Intervensi Industry4WRD

Objektif:
Menggalakkan penerapan Industri 4.0 khususnya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana tempatan

- Ciri-ciri:**
- Geran padanan ke atas perbelanjaan yang layak sehingga jumlah maksimum sebanyak RM500,000
 - 70 peratus akan dibiayai oleh Kerajaan secara tebus semula bagi perbelanjaan yang layak
 - 30 peratus dibiayai oleh syarikat

Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) Industry4WRD

Objektif:
Untuk mempercepatkan peralihan syarikat Malaysia dalam industri yang disasarkan bagi menerapkan amalan Industri 4.0 dan meningkatkan keupayaan teknologi syarikat

- Ciri-ciri:**
- Geran padanan dengan nisbah 60:40 untuk membiayai perbelanjaan berkaitan dengan automasi perindustrian bagi syarikat Malaysia yang menyertai program Penilaian Kesediaan *Industry4WRD*

4.0 Prestasi Sektor Utama



"Turun naik harga komoditi pada tahun 2021 telah mengetengahkan beberapa cabaran dalam peralihan ke arah ekonomi karbon sifar. Bandar-bandar memainkan peranan utama yang menyumbang kira-kira dua pertiga daripada permintaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau."

Bank Dunia, *Commodity Markets Outlook*, Oktober 2021







Sektor Utama Berkembang Pesat

Kempen vaksinasi secara besar-besaran pada tahun 2021 telah membantu pertumbuhan ekonomi global seiring dengan kelonggaran sekatan pandemik yang merangsang pemulihan dalam segmen pertanian, perlombongan dan komoditi. Malaysia turut mempamerkan pencapaian prestasi sektor utama yang menyerlah pada tahun lepas menerusi peningkatan ketara dalam pelaburan yang diluluskan dalam ketiga-tiga subsektor.

Ekonomi global telah mulai pulih daripada wabak pandemik pada separuh kedua tahun 2020, di mana harga logam dan komoditi perlombongan telah kembali ke paras pra-pandemik. Permintaan terhadap kebanyakan logam telah meningkat apabila tekanan perbelanjaan pengguna yang tertahan beransur pulih dalam pasca pandemik. Usaha rangsangan kerajaan dan kepesatan peralihan tenaga global daripada bahan api berasaskan karbon turut menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap kebanyakan logam tersebut. Harga logam dijangka akan menurun pada tahun 2022 setelah gangguan bekalan berjaya diatasi dan pertumbuhan global kembali stabil.

Dalam masa yang sama, harga minyak mentah global melambung ke paras tertinggi dalam tempoh tujuh tahun dengan harga melebihi US\$80 setong pada bulan Oktober 2021 yang telah dipengaruhi oleh jangkaan kebangkitan ekonomi yang dipacu oleh kadar vaksinasi. Ekoran trend positif ini, pemulihan ekonomi dijangka akan stabil terutamanya dalam sektor minyak dan gas (O&G). Bagi Malaysia, kenaikan permintaan dan harga O&G akan menggesa PETRONAS untuk meningkatkan perbelanjaan modal yang akan memberi kesan positif yang melata ke atas rantaian bekalan.

SOROTAN SEKTOR UTAMA TAHUN 2021



Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) juga meningkat tinggi pada separuh pertama tahun 2021 berikutan pemulihan permintaan global bagi minyak boleh dimakan selaras dengan pembukaan semula premis makanan dan industri hospitaliti. Perkembangan ini dijangka akan kekal pada paras tinggi pada tahun 2022 yang merupakan petanda baik bagi sektor utama yang terdiri daripada tiga subsektor utama iaitu pertanian, perlombongan serta perladangan dan komoditi.

Pertanian

Semasa tempoh pandemik, sektor pertanian kekal dibuka bagi menjamin bekalan makanan negara tidak terjejas. Walau bagaimanapun, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menjejaskan kelancaran aliran disebabkan oleh gangguan tenaga kerja dan logistik bekalan makanan. Subsektor pertanian di Malaysia adalah meliputi tanaman, ternakan, pertanian dan perikanan laut dalam.

Menerusi Bajet 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah diperuntukkan sejumlah RM4.82 bilion untuk memacu usaha pemodenan sektor pertanian dengan menambah baik rangkaian agro-makanan, menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai usahawan tani muda. Sebanyak RM120 juta lagi telah diperuntukkan untuk projek jaminan bekalan makanan di pelbagai negeri termasuk pembangunan industri akuakultur dan ladang ternakan kerang-kerangan di Johor.

Pada tahun 2021, sebanyak enam projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM20.5 juta iaitu peningkatan sebanyak 754.2 peratus berbanding RM2.4 juta yang diluluskan pada tahun 2020. Pelaburan domestik adalah sebanyak RM20.4 juta (99.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM0.1 juta (0.5%). Subsektor ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 103 peluang pekerjaan untuk Malaysia.

Perlombongan

Malaysia berhasrat untuk menjadi hab penting dalam pembangunan industri mineral yang dianggarkan bernilai RM4.11 trilion bagi sumber mineral yang merangkumi mineral logam bernilai RM1.03 trilion, mineral bukan logam (RM2.96 trilion) dan mineral tenaga (RM0.12 trilion) yang berpotensi untuk pengeluaran secara optimum. Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) telah dilancarkan untuk menyelaraskan pengurusan industri mineral bagi mencapai pertumbuhan lestari dan membangunkan sumber baharu kekayaan negara. Selaras dengan matlamat SDG, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM87.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menjalankan kerja-kerja mitigasi terhadap potensi kerosakan alam sekitar dalam industri mineral. Pelaburan dalam subsektor perlombongan adalah terdiri daripada eksplorasi minyak dan gas serta penggalian mineral lain.


PERTANIAN TAHUN 2021

Pelaburan Domestik berbanding Asing

6 Projek Diluluskan

Jumlah **RM20.5** juta

Peningkatan sebanyak **754.2%** berbanding RM2.4 juta yang diluluskan pada tahun 2020



Peluang Pekerjaan



103 Peluang Pekerjaan

PERLOMBONGAN TAHUN 2021


Pelaburan Domestik berbanding Asing

19 Projek Diluluskan

Jumlah **RM17,096.3** juta

menyumbang sebanyak **98.7%** daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam sektor utama

16 projek dalam minyak dan gas telah menyumbang pelaburan bernilai **RM17,089.3 juta** dan 3 projek galian mineral dengan nilai pelaburan berjumlah **RM7 juta**



Peluang Pekerjaan



37 Peluang Pekerjaan

Pada tahun 2021, sejumlah 19 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM17,096.3 juta yang merangkumi 98.7 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan dalam sektor utama. Daripada jumlah ini, 16 projek adalah dalam minyak dan gas dengan pelaburan bernilai RM17,089.3 juta dan tiga lagi adalah projek galian mineral dengan pelaburan berjumlah RM7 juta. Pelaburan asing merekodkan nilai sebanyak RM4,075.3 juta (23.8%) manakala pelaburan domestik adalah berjumlah RM13,021 juta (76.2%). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 37 pekerjaan.

Perladangan dan Komoditi

Subsektor perladangan dan komoditi yang meliputi kelapa sawit, getah, penanaman hutan, kenaf dan lada hitam telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara sejak 50 tahun lalu. Minyak sawit kekal sebagai salah satu hasil tanaman komoditi dan eksport pertanian utama negara. Pada tahun 2021, minyak sawit telah menyumbang 2.5 peratus kepada KDNK di Malaysia.

Bagi menggalakkan subsektor perladangan dan komoditi, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.5 bilion dalam Bajet 2022 menerusi langkah-langkah berikut:

- ◆ RM2.5 bilion untuk pakej pemulihan dan pembangunan peneroka, di mana RM1.3 bilion daripada jumlah ini diperuntukkan kepada FELDA
- ◆ RM495 juta disediakan kepada anggota Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).
- ◆ RM699 juta untuk pembangunan pekebun kecil dalam industri getah di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- ◆ Menyatukan pekebun kecil, usahawan dan koperasi kecil getah bagi peningkatan keupayaan di bawah Program Transformasi Industri Getah Negara
- ◆ Geran padanan untuk memperkenalkan dan mengembangkan penggunaan perangsang lateks RRIM *Hydrobest* yang baru dibangunkan untuk pekebun kecil getah
- ◆ RM190 juta untuk meneruskan Bantuan Musim Monsun
- ◆ RM5 juta untuk menyediakan perlindungan takaful kepada semua ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara di bawah Skim Perlindungan Takaful *Smart Card* Peladang

- ◆ RM35 juta untuk melaksanakan Skim Rangsangan Penanaman Semula Kelapa Sawit untuk Pekebun Kecil
- ◆ RM20 juta untuk membiayai usaha menangani kempen anti-minyak sawit di peringkat antarabangsa

Pada tahun 2021, pelaburan bernilai RM211.4 juta telah diluluskan di bawah subsektor perladangan dan komoditi menerusi 34 projek, menunjukkan peningkatan sebanyak 683 peratus berbanding pelaburan berjumlah RM27 juta pada tahun 2020. Semua pelaburan di bawah subsektor perladangan dan komoditi merupakan pelaburan domestik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 388 pekerjaan. Kebanyakan projek adalah dalam perladangan kelapa sawit yang bakal menyumbang pelaburan sebanyak RM163.7 juta.

PERLADANGAN DAN KOMODITI TAHUN 2021

Pelaburan Domestik berbanding Asing

34 Projek Diluluskan

Jumlah **RM211.4** juta

Peningkatan sebanyak **683%** berbanding pelaburan bernilai RM27 juta pada tahun 2020

Semua pelaburan di bawah subsektor perladangan dan komoditi adalah **pelaburan domestik**



Kebanyakan projek adalah dalam kelapa sawit yang menyumbang pelaburan sebanyak **RM163.7 juta**

Peluang Pekerjaan



388 Peluang Pekerjaan



Kelonggaran Syarat Insentif untuk Projek Perkilangan dan Perkhidmatan

Pelaburan memainkan peranan yang amat penting dalam menampilkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang dinamik. Aliran pelaburan yang besar telah memberi kesan positif kepada ekonomi dari pelbagai sudut seperti mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi kepada rakyat Malaysia di samping pembangunan rantaian bekalan tempatan yang membawa kepada kebangkitan perusahaan tempatan. Kepentingan ini dinyatakan dengan jelas di dalam pelan-pelan lima tahun Rancangan Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian.

Sebagai agensi penggalakan pelaburan utama di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), MIDA telah menyediakan kemudahan dan insentif pelaburan yang komprehensif dan kompetitif untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi yang meliputi pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) ke dalam negara. Syarikat yang menikmati kemudahan insentif dikehendaki mematuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Syarat-syarat ini adalah untuk memastikan bahawa pelaburan yang diluluskan akan membawa manfaat yang signifikan kepada ekonomi tempatan.

Pada bulan Mac 2020, MIDA telah menjalankan tinjauan di kalangan pengilang mengenai "Kesan COVID-19 terhadap Ekonomi Malaysia dan Langkah-Langkah Penyelesaian". Tinjauan ini mendedahkan bahawa nilai kerugian pengeluaran dianggarkan mencapai RM64.6 bilion dan kerugian daripada nilai eksport dianggarkan berjumlah RM51.2 bilion dalam dua bulan pertama tahun 2020. Ini adalah tempoh di mana syarikat tidak dapat beroperasi berikutan sekatan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu, sektor perkhidmatan juga didapati turut terjejas terutamanya subsektor pelancongan dengan anggaran kerugian pendapatan berjumlah RM3.3 bilion sehingga bulan Jun 2020.

Keadaan ini terus berpanjangan sehingga tahun 2021 apabila kadar jangkitan COVID-19 didapati terus meningkat pada bulan Februari yang mendesak Kerajaan untuk melaksanakan PKP 3.0. Walaupun sekatan ini didapati lebih ringan, namun ia masih mengakibatkan ekonomi mengalami kerugian sebanyak RM200 juta setiap hari sekalipun ini adalah lebih rendah berbanding dua PKP terdahulu.

Sebagai Kerajaan yang responsif, MIDA bersama MITI, Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah bekerjasama untuk membantu

syarikat yang terjejas secara langsung oleh pandemik. Syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang telah diluluskan insentif di bawah MIDA telah diberikan kelonggaran tertentu ke atas syarat-syarat yang dikenakan. Ini merupakan sebahagian daripada langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan dalam meneruskan usaha pemulihan ekonomi Malaysia dengan memudahcara pelaburan dan memulihkan keyakinan pelabur.

Walau bagaimanapun, syarikat yang diluluskan dikehendaki untuk mematuhi syarat tertentu dan melaksanakan projek yang diluluskan dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam Surat Kelulusan yang dikeluarkan oleh MIDA. Dengan pelaksanaan mekanisme kelonggaran ini, syarikat boleh dipertimbangkan untuk kelonggaran tertentu apabila mencapai tahap yang diluluskan atau telah memenuhi garis masa pelaksanaan bagi projek yang diluluskan. Ini adalah tertakluk kepada pematuhan kriteria yang dikenal pasti oleh Kerajaan dan berkuat kuasa dari tahun 2020 sehingga 2021.

Syarikat digalakkan untuk memanfaatkan kemudahan ini untuk mengurangkan gangguan terhadap operasi harian mereka dan menjamin kemampanan jangka panjang perniagaan. Melangkah ke hadapan, MIDA akan terus melibatkan pemain industri bagi mendapatkan pandangan tentang cabaran mereka sebagai usaha untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik dalam memudahkan proses pemulihan perniagaan dan ekonomi.



Sebagai Kerajaan yang responsif, MIDA bersama MITI, Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah bekerjasama untuk membantu syarikat yang terjejas secara langsung oleh pandemik.



Portal InvestMalaysia Atas Talian



Portal InvestMalaysia yang telah dilancarkan pada bulan Mac 2021 merupakan portal gerbang tunggal untuk pelabur mengemuka dan mengurus permohonan atas talian. Portal ini mengoptimalkan proses melalui ciri automasi dan merupakan elemen teras inisiatif transformasi digital berterusan MIDA yang merangkumi pengumpulan dan analisis data yang lancar.

Pelabur kini boleh menjangkakan proses penilaian yang lebih cekap terhadap permohonan mereka menerusi proses kelulusan secara automasi dan perkongsian maklumat lebih jelas melalui pusat kemasukan tunggal. Pelabur juga boleh mengakses pelaburan secara langsung yang terkini, akses secara masa nyata terhadap sesuatu projek dan laporan pelaburan serta pelabur juga berupaya membuat keputusan dengan lebih termaklum. Gudang data berpusat ini dijangka membolehkan pelabur membuat analisis yang lebih pantas dan tepat melalui papan pemuka automatik. Di samping itu, ia juga akan meningkatkan kadar maklumbalas MIDA terhadap setiap pertanyaan mengenai pelaburan secara pantas dan lebih profesional dengan penyediaan maklumat yang tepat dan terkini tentang pelaburan yang dapat membantu pelabur melaksanakan projek mereka.

Portal ini telah mengubah fungsi teras perniagaan MIDA menerusi peningkatan kecekapan dan produktiviti melalui sistem teknologi bersepadu yang memantapkan proses permohonan dan kelulusan serta membolehkan syarikat mempercepatkan pelaksanaan projek. Kesemua modul yang ditawarkan untuk penyerahan permohonan atas talian boleh diakses di <https://investmalaysia.mida.gov.my>.

Ini termasuk permohonan lesen pengilang (e-ML), surat pengecualian daripada ML, insentif (e-Insentif), jawatan ekspatriat dan status Pejabat Perwakilan/ Pejabat Wilayah (REs/RO), Pengecualian Duti Import/ Cukai Jualan (JPC), Surat Pengesahan MIDA (SPM), Geran dan insentif Jualan Domestik. Tatacara tentang pendaftaran dan navigasi portal boleh didapati melalui dokumen PDF, panduan video serta webinar.

Untuk memastikan portal berfungsi pada tahap optimum dan penambahbaikan dijalankan dari semasa ke semasa, Unit Khidmat Pelanggan (CSU) yang khusus telah ditubuhkan. Unit ini terdiri daripada pasukan verifikasi untuk menerima permohonan pelanggan. Dalam masa yang sama, sebuah pasukan khusus dengan pengalaman berkaitan pelaburan juga ditubuhkan untuk mengendalikan pertanyaan berkaitan permohonan, proses fasilitasi dan pelaksanaan projek.

Portal InvestMalaysia merupakan salah satu daripada pelbagai inisiatif MIDA untuk merekayasa semula proses perniagaannya bagi meningkatkan kecekapan pelbagai fungsi organisasi dan menyesuaikan cara kerja tangkas dengan menyediakan lebih banyak perkhidmatan atas talian yang meliputi spektrum pelabur yang luas. Sebagai agensi pelaburan utama di Malaysia, MIDA terus berusaha untuk memendekkan tempoh pemprosesan bagi setiap permohonan dengan menggunakan penyelesaian digital yang bermatlamat untuk memanfaatkan peluang dan mengatasi cabaran masa kini dalam landskap pelaburan di samping memenuhi keperluan pelabur.

5.0

**Kekal Dalam
Laluan Pemulihan**



"Negara berhadapan detik bersejarah untuk melakar peluang yang lebih baik ke hadapan. Di sebalik kekejatan yang dibawa oleh pandemik, krisis luar biasa ini menawarkan peluang unik untuk permulaan baharu bagi menangani kelemahan dasar pada masa lalu dan jurang pelaburan yang ketara. Pelaburan kini yang lebih cenderung ke arah pembangunan ekonomi hijau, berdaya tahan dan inklusif akan membantu negara untuk mengubah cabaran COVID-19 dan perubahan iklim menjadi peluang untuk pembangunan masa hadapan yang lebih makmur dan stabil. Sektor swasta yang dinamik dan pembiayaan inovatif diperlukan untuk menjana pemulihan dan pertumbuhan ekonomi serta pekerjaan berdasarkan pelaburan dan inovasi."

Forum Ekonomi Dunia, 18 Januari 2022





Optimisme Berteraskan Daya Tahan

“Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) akan menjadi asas dalam merencanakan iklim pelaburan Malaysia, menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara dan menjana pekerjaan berpendapatan tinggi terutamanya di era pasca penularan COVID. Melangkah ke hadapan, Malaysia perlu menerapkan pendekatan komprehensif untuk menggiatkan semula ekosistem pelaburan dan memanfaatkan trend mega baru muncul serta memenuhi keperluan pelabur yang semakin berkembang.”


YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Ekonomi di seluruh dunia terus beralih ke arah pemulihan seiring usaha negara dan perniagaan dalam menangani pandemik. Menurut Bank Dunia, kemelesetan ketara dalam ekonomi utama seperti Amerika Syarikat dan PRC dijangka akan menyebabkan gangguan rantaian bekalan berdasarkan peranan global yang dimainkan oleh negara-negara ini dalam penyebaran kesan ekonomi akibat pandemik. Sejurus keredaan COVID-19, kesan ekonomi jangka sederhana hingga panjang dapat dilihat dalam bentuk peningkatan kebimbangan kesihatan, inflasi global, gangguan rantaian bekalan serta tekanan harga. Ketidakpastian ini juga telah mendorong pihak kerajaan di seluruh dunia untuk mengendalikan pilihan dasar yang memberi kesan kepada prospek pelaburan langsung asing. Walaupun vaksinasi kekal sebagai salah satu kunci utama untuk memastikan daya tahan ekonomi, akses vaksin yang tidak sekata, ancaman baharu daripada

varian COVID-19 dan tekanan perubahan iklim telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi global yang tidak setara.


The World Economy Outlook oleh *International Monetary Fund* (IMF) mengunjurkan ekonomi global akan berada di paras sederhana daripada 5.9 peratus pada tahun 2021 kepada 4.4 peratus pada tahun 2022. Ini adalah ekoran kemunculan pandemik yang berulang dan gangguan terbaharu ekonomi. UNCTAD mengunjurkan pertumbuhan global berada pada paras 3.6 peratus bagi tahun 2022 di mana pendapatan global akan mencecah paras 3.7 peratus lebih rendah berbanding paras pra-pandemik. Meskipun lantunan semula kadar pertumbuhan pada tahun 2021 tidak mungkin berulang, UNCTAD menjangkakan momentum pertumbuhan akan dipacu oleh pembiayaan projek antarabangsa dalam sektor infrastruktur.

UNJURAN PERTUMBUHAN



Sumber: *International Monetary Fund, World Economic Outlook Update*, Januari 2022

UNJURAN PERTUMBUHAN KDNK MENGIKUT RANTAU




Sumber: Asian Development Bank. Asian Development Outlook Supplement, Disember 2021

Bank Dunia juga menjangkakan pertumbuhan global yang lebih perlahan pada paras 4.1 peratus bagi tahun 2022 dan 3.2 peratus pada tahun 2023. Ini akan mempengaruhi kadar permintaan dalam Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Membangun (EMDE). Adalah dijangkakan akan terdapat penurunan dalam kadar permintaan kepada paras 5.1 peratus pada tahun 2022 dan peningkatan paras inflasi global. Pertumbuhan di rantau Asia Timur dan Pasifik dijangka hanya meningkat sedikit kepada paras 5.2 peratus pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi di Malaysia

dijangka akan melantun semula kepada paras 5.8 peratus pada tahun 2022 berikutan peningkatan permintaan domestik berdasarkan kadar vaksinasi yang tinggi.


Sementara itu, Bank Pembangunan Asia (ADB) mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2022 di rantau Asia Tenggara berbanding tahap 3 peratus pada tahun 2021. Kadar pemulihan ini dijangka akan berbeza tertakluk kepada tahap vaksinasi yang dicapai oleh setiap negara.

KADAR VAKSINASI BERBANDING AKTIVITI EKONOMI



Sumber: CEIC Data Company (diakses pada 2 Disember 2021), Our World in Data (diakses pada 2 Disember 2021)
Nota: PMI perkilangan dan dos yang dikendalikan untuk setiap seratus orang ialah purata bagi bulan September hingga November 2021.

KADAR VAKSINASI COVID-19 BAGI ASEAN



Sumber: Our World in Data

Malaysia merupakan di antara negara di Asia Tenggara yang menunjukkan kadar vaksinasi yang memberangsangkan, di mana hampir keseluruhan populasi dewasa telah menerima vaksin menjelang akhir tahun 2021. Dalam masa yang sama, mengikut Kementerian Kesihatan (KKM), hampir 90 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun juga telah menerima vaksin. Di rantau ini, Singapura, Cambodia dan Brunei juga mempunyai kadar vaksinasi yang tinggi.

Kesan pemulihan daripada pandemik ke atas kesihatan dan ekonomi dunia akan mengambil masa di mana sesetengah negara adalah lebih berdaya tahan berbanding negara lain. ADB menganggarkan Malaysia akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2022 berbanding anggaran 3.8 peratus pada tahun 2021. IMF dan Bank Dunia mengunjurkan kadar pertumbuhan yang hampir sama bagi Malaysia pada tahun 2022 iaitu masing-masing pada paras 6 peratus dan 5.8 peratus. Kerajaan Malaysia pula menganggarkan KDNK akan berkembang di antara 5.5 peratus dan 6.5 peratus.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia turut menerima manfaat daripada pertumbuhan rakan dagang utamanya dan pengukuhan permintaan luar global (Eksport barangan menyumbang sebanyak 60% kepada KDNK Malaysia dan sektor berorientasikan eksport menyumbang sebanyak 70% daripada pekerjaan perkilangan). Menurut ADB, perdagangan serantau telah meningkat di wilayah Asia

yang sedang membangun di mana eksport rantau ini telah mengatasi paras pemulihan global dalam perdagangan. Tinjauan Suku Keempat 2021 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan bahawa eksport kasar negara berkembang pada kadar lebih pantas sebanyak 29 peratus yang mencerminkan kekukuhan permintaan luar dan pengembangan meluas merentasi semua produk. Seterusnya mengikut BNM, pada bulan Januari 2021, prestasi perdagangan Malaysia merekodkan pertumbuhan sebanyak 34.9 peratus kepada RM205.5 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 manakala baki akaun semasa mencatatkan lebih sebanyak RM15.2 bilion pada suku keempat 2021.

Tinjauan ekonomi Malaysia pada tahun 2022 akan bergantung kepada prestasi positif yang berterusan dalam industri eksport utama yang dipengaruhi oleh keadaan pasaran global. Sebagai contoh, cabaran rantaian bekalan dalam industri semikonduktor global yang bermula pada tahun 2020 akan terus memberi kesan terhadap prestasi industri elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia bagi tahun 2022.

Tahap keterjejasan dan tempoh yang dialami berhubung isu kekurangan cip global pada tahun 2022 dijangka akan kurang ketara berbanding tahun 2021. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan kapasiti dan penambahbaikan rantaian bekalan yang dilaksanakan oleh pengeluar cip, pengedar dan pelanggan akhir. Walau bagaimanapun, pemain semikonduktor global yang telah melabur untuk meningkatkan kapasiti pada



tahun 2021, memerlukan masa untuk meningkatkan kadar pengeluaran di mana yang paling awal akan beroperasi pada tahun 2023. Namun begitu, menurut *World Semiconductor Trade Statistics*, pasaran semikonduktor global diunjur akan berkembang sebanyak 10.1 peratus kepada USD606 bilion (RM2.53 trilion) pada tahun 2022.

Konfigurasi semula rantai bekalan global untuk meningkatkan daya tahan akan memberi manfaat kepada pengeksporth Malaysia. Tahun 2021 menyaksikan kejayaan Malaysia menarik pelaburan strategik daripada pemain asing utama dalam industri E&E. Pelaksanaan projek-projek ini akan meningkatkan peluang pemain tempatan Malaysia untuk membekalkan produk dan perkhidmatan bagi menyokong MNC global, meningkatkan keupayaan mereka dalam rantai nilai pemindahan teknologi dan mengukuhkan peranan dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Selain itu, unjuran harga minyak yang lebih tinggi juga merupakan petanda baik kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia di mana pakar antarabangsa menganggarkan harga minyak akan meningkat kepada USD100 (RM419) setong. Malaysia merupakan pengeksporth bersih minyak dan gas, di mana industri ini menyumbang sebanyak 6.2 peratus kepada KDNK negara. Menurut *Socio-Economic Research Centre* (SERC), lonjakan harga minyak semasa bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan hasil Malaysia (menjana tambahan RM350 juta dalam nilai eksport dengan setiap kenaikan USD1 dalam harga minyak) tetapi akan turut mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia.

Kemajuan teknologi digital juga akan mempengaruhi pembangunan perindustrian di Malaysia. Beberapa

trend utama telah muncul dalam landskap ekonomi global termasuk:

- ◆ Kemunculan data sebagai komoditi masa hadapan
- ◆ Transformasi ekonomi '*Everything-as-a-Service*' (XaaS)
- ◆ Transformasi rantai bekalan konvensional kepada operasi rantai bekalan digital

Trend pendigitalan memberi peluang kepada Malaysia untuk membangunkan sumber pertumbuhan ekonomi baharu dengan menggabungkan sektor tradisional (seperti jentera dan peralatan, peranti perubatan, automotif dan ICT) dengan ekonomi digital. Bidang pertumbuhan baharu ini meliputi penjagaan kesihatan digital, jentera automatik dan robotik serta penyelesaian teknologi '*mobility-as-a-service*' seperti kenderaan penghantaran autonomi dan penyelesaian pengangkutan pelbagai mod.



Trend pendigitalan memberi peluang kepada Malaysia untuk membangunkan sumber pertumbuhan ekonomi baharu dengan menggabungkan sektor tradisional (seperti jentera dan peralatan, peranti perubatan, automotif dan ICT) dengan ekonomi digital. Bidang pertumbuhan baharu ini meliputi penjagaan kesihatan digital, jentera automatik dan robotik serta penyelesaian teknologi '*mobility-as-a-service*' seperti kenderaan penghantaran autonomi dan penyelesaian pengangkutan pelbagai mod.

Tahun mendatang juga akan dimantapkan lagi dengan pelbagai usaha yang menyokong komuniti perniagaan asing dan domestik, mengendali risiko berkaitan iklim termasuk strategi pembangunan infrastruktur dan memudahkan lagi kepelbagaian struktur ekonomi untuk memastikan Malaysia kekal berdaya tahan dan lestari.

Antara pembaharuan yang dilaksanakan untuk menangani kesan terhadap ekonomi dan cabaran yang berterusan ialah:

Pelan Pemulihan Negara



Untuk melindungi kesihatan awam dan mengekalkan ekonomi, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (NRP) pada bulan Jun 2021 sebagai strategi pemulihan daripada pandemik. NRP melibatkan empat fasa yang mengatur pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial, kapasiti di mana syarikat boleh beroperasi dan pelonggaran sekatan perjalanan domestik. Pelaksanaan fasa tersebut adalah berdasarkan tiga petunjuk iaitu kadar jangkitan dalam komuniti, kapasiti sistem penjagaan kesihatan awam dan kadar vaksinasi.

NRP mengutamakan pencapaian imuniti berkelompok bagi memastikan kesinambungan aktiviti ekonomi dan pemansuhan sekatan perjalanan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melancarkan Program Imunisasi Industri COVID-19 yang merupakan Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk mempercepatkan kadar vaksinasi pekerja dalam sektor perkilangan. (Maklumat lanjut mengenai PIKAS boleh didapati di m/s 70-71)

BNM telah meliberalisasikan peraturan dasar pertukaran asing untuk memudahkan perdagangan antarabangsa dan meningkatkan daya tarikan negara sebagai hab perkilangan global bagi pelabur asing.

Di bawah dasar baharu ini, pengeksport pemastautin tidak lagi perlu menukar sebahagian daripada hasil eksport mereka kepada matawang tempatan. Mereka kini dibenarkan menggunakan matawang asing apabila berdagang dengan pemastautin lain yang terlibat dalam rantaian bekalan global. Ini merupakan *natural hedge* bagi pengeksport pemastautin dan rakan perniagaan mereka di sepanjang rantaian bekalan dalam mengurangkan risiko pertukaran asing dan meningkatkan kecekapan perdagangan terutamanya dalam industri berorientasikan eksport.

Dasar Pro-Perniagaan



Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA)



NIA merupakan rangka kerja komprehensif yang menjadi teras kepada dasar dan inisiatif pelaburan Malaysia untuk melengkapi landskap pelaburan negara. Cadangan bernilai yang ditawarkan oleh Kerajaan seperti insentif fiskal dan bukan fiskal, inisiatif pembangunan bakat, penambahbaikan pelesenan dan rangka kawal selia serta fasilitasi perniagaan akan tertumpu ke arah menarik pelaburan dalam sektor dan aktiviti yang pelbagai, kompleks dan bernilai tambah tinggi. NIA juga dibangunkan selaras dengan agenda ekonomi global, trend mega baru muncul dan memenuhi keperluan perniagaan pelabur. (Maklumat lanjut mengenai NIA boleh didapati di m/s 24-25)

Menerusi pembukaan semula ekonomi, Kerajaan berhasrat untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara melalui Belanjawan 2022. Bagi memastikan pemulihan yang berpanjangan, bajet tertinggi berjumlah RM332.1 bilion telah diluluskan di bawah Belanjawan Negara 2022 yang meliputi RM75.6 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Di bawah Bajet 2022, terdapat pelbagai bantuan dan peluang yang bersasar bagi perniagaan sebagai transisi pemulihan ekonomi menerusi pertumbuhan, penumpuan kepada langkah produktiviti, penambahbaikan infrastruktur digital dan teknologi serta memudahkan peralihan sektor perindustrian ke arah automasi.

Sorotan utama Belanjawan 2022 termasuk:

- ◆ Peruntukan RM80 juta di bawah MITI untuk **melatih 20,000 orang pekerja** yang menyokong kluster industri bernilai tinggi seperti industri penyelenggaraan, pembaikan dan operasi (MRO) di Subang, Selangor; industri elektrik dan elektronik di Kulim, Kedah; dan industri kimia di Gambang, Pahang;
- ◆ Peruntukan RM50 juta disediakan menerusi pusat pembangunan kemahiran negeri seperti di Sarawak, Johor dan Pulau Pinang bagi meningkatkan tahap kemahiran dalam **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** bagi 5,000 orang pekerja dalam aktiviti kimpalan minyak dan gas, automasi industri dan mekatronik;
- ◆ Tambahan peruntukan RM100 juta di bawah **Geran Automasi Pintar (SAG)** untuk menyokong 100 lagi syarikat perkilangan dan perkhidmatan untuk mengautomasikan proses perniagaan;
- ◆ Tambahan peruntukan RM45 juta untuk **insentif transformasi teknologi** selaras dengan Revolusi Industri 4.0 atau Industry4WRD sebagai sokongan berterusan pihak Kerajaan kepada perniagaan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pertengahan (MTC).
- ◆ **Skim Pecutan Ekosistem Digital (DESAC)** yang menawarkan kadar cukai pendapatan 0% hingga 10% bagi tempoh sehingga 10 tahun kepada Penyedia Teknologi Digital dan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal untuk aktiviti yang layak sehingga tempoh 10 tahun bagi Penyedia Infrastruktur Digital.
- ◆ Perluasan skop insentif cukai sedia ada bagi teknologi hijau untuk merangkumi projek Sistem **Penuaian Air Hujan (RHS)**

Belanjawan Negara 2022



Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL)



Penerapan teknologi digital merupakan kunci kepada pemulihan ekonomi untuk mempercepatkan perjalanan ke arah negara berpendapatan tinggi. World Development Report 2021 oleh Bank Dunia bertajuk 'Data for Better Lives' telah mengkaji pelbagai potensi besar revolusi data. Penggunaan data yang lebih berkesan ternyata berpotensi untuk mengubah dunia dengan meningkatkan tahap produktiviti dan kecekapan yang seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup. Laporan tersebut menekankan bahawa tumpuan lebih besar diperlukan untuk membangunkan sistem data nasional bersepadu dalam pendekatan tadbir urus data yang merentasi keseluruhan kerajaan serta pihak berkepentingan. Infrastruktur perkakasan dan perisian memainkan peranan penting untuk membolehkan pengeluaran, pemprosesan, aliran dan penggunaan data yang sekata dan diyakini.

MyDIGITAL diperkenalkan untuk mengukuhkan asas dan pembangunan infrastruktur digital negara. Ia menetapkan rentak untuk langkah seterusnya dalam usaha digital Malaysia yang seterusnya melengkapkan visi yang digariskan di bawah RMKe-12. Antara inisiatif nasional adalah termasuk:

- ◆ Pelaburan berjumlah RM21 bilion melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dalam tempoh lima tahun akan datang
- ◆ Pelaburan berjumlah RM1.65 bilion oleh syarikat-syarikat telekomunikasi untuk mengukuhkan ketersambungan ke rangkaian kabel dasar laut antarabangsa sehingga tahun 2023
- ◆ Pelaburan berjumlah RM15 bilion untuk melancarkan 5G ke seluruh negara dalam tempoh 10 tahun
- ◆ Pelaburan antara RM12-15 bilion oleh syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan awan (CSP) dalam tempoh lima tahun akan datang
- ◆ Pembangunan infrastruktur digital seperti pusat data yang penting untuk membolehkan aplikasi 5G
- ◆ Mempromosikan sektor teknologi digital seperti pusat data, keselamatan siber, kecerdasan buatan (AI), kandungan kreatif dan digital seperti *gaming* dan animasi, serta penyepadu sistem dan penyedia penyelesaian untuk memantapkan Malaysia sebagai landasan teknologi di rantau ini

Pembangunan infrastruktur digital dan pelancaran rangkaian 5G akan mempercepatkan pembangunan teknologi termaju seperti AI, *Internet of Things* (IoT), *big data analytics* dan *blockchain* yang bakal mengubah cara masyarakat Malaysia bertindak.

Sasaran utama yang dikenal pasti di bawah MyDIGITAL termasuk:

Untuk merealisasikan sasaran ini, MIDA bekerjasama rapat dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) melalui Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang merupakan platform kerjasama pendigitalan sepenuhnya. (Maklumat lanjut tentang DIO boleh didapati di muka surat 104-105)



Pembangunan agenda pertumbuhan hijau memainkan peranan penting dalam mencapai pemeraksanaan ekonomi, kemampunan alam sekitar dan keterangkuman sosial. Inisiatif pertumbuhan hijau Kerajaan adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 yang dijadikan tumpuan di bawah RMKe-12 dan Bajet 2022. Dalam tempoh lima tahun akan datang, seluruh negara akan mengalami peralihan ke arah ekonomi kitaran yang merupakan pendekatan holistik di mana pertumbuhan ekonomi dan manfaat diasingkan daripada penggunaan sumber terbatas dan pengeluaran sisa.

Antara inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memacu ekonomi kitaran di bawah RMKe-12 ialah:

- ◆ Memanfaatkan insentif GITA dan GITE untuk menggalakkan pelaburan syarikat dalam teknologi hijau;
- ◆ Menawarkan fasilitasi dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan & Inovasi (R&D&C&I) untuk menghasilkan produk bernilai tambah tinggi yang mengurangkan pembaziran dan menerapkan amalan terbaik;
- ◆ Menawarkan insentif kepada aktiviti kitar semula sisa tempatan melalui Taraf Perintis (PS) atau Elaun Cukai Pelaburan (ITA). Aktiviti yang layak adalah meliputi kitar semula sisa atau produk sampingan pertanian, sisa toksik atau bukan toksik, kimia dan getah tebus guna serta pengeluaran panel atau produk berasaskan kayu yang dibentuk semula; dan
- ◆ Menggalakkan syarikat terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil, Sederhana (PMKS) untuk menerapkan amalan ekonomi kitaran dalam rantaian nilainya yang meliputi reka bentuk, pengeluaran, logistik, penggunaan dan pengurusan sisa.

Inisiatif hijau lain di bawah Bajet 2022 turut meliputi:

- ◆ Bursa Malaysia akan melancarkan Pasaran Karbon Sukarela yang merupakan platform sukarela bagi perdagangan kredit karbon antara pemilik aset hijau dan pihak lain sebagai langkah ke arah amalan karbon rendah. Ini adalah selaras dengan kelulusan Kabinet untuk membangunkan Skim Perdagangan Karbon Peringkat Domestik (DETS). Skim ini akan berfungsi sebagai pemangkin kepada perdagangan karbon di Malaysia dan menggalakkan pelabur domestik mengurangkan emisi rumah hijau dalam aktiviti perniagaan mereka serta membangunkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi piawaian alam sekitar antarabangsa.
- ◆ Rangsangan kepada industri kenderaan elektrik (EV) tempatan dengan menawarkan pengecualian penuh daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan untuk kenderaan elektrik.
- ◆ Individu diberi pengecualian cukai pendapatan sehingga RM2,500 ke atas kos pembelian, pemasangan, sewa, sewa beli serta yuran langganan untuk kemudahan pengecasan EV. Faedah ini bertujuan untuk mengalihkan pilihan pelanggan kepada kenderaan lebih cekap tenaga yang membantu mengurangkan pencemaran udara.
- ◆ Memperkukuhkan keperluan untuk syarikat Malaysia dan rantaian bekalan tempatan dalam menerapkan rangka kerja alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) berasaskan penciptaan nilai lebih tinggi.
- ◆ Peruntukan berjumlah RM1 bilion di bawah BNM bagi Fasiliti Peralihan Karbon Rendah untuk membantu PKS menerapkan amalan lestari dan mengurangkan jejak karbon mereka. Dana ini ditawarkan secara padanan dengan institusi kewangan yang mengambil bahagian.


Pertumbuhan Hijau dan Ekonomi Kitaran





Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)



RMKe-12 menyediakan hala tuju bagi mencapai matlamat pembangunan dan keutamaan negara dalam tempoh lima tahun akan datang (2021-2025)

 Tiga tema utama: penetapan semula ekonomi, mengukuhkan keselamatan, kesejahteraan dan keterangkuman serta memajukan kelestarian

 Empat pemboleh pemangkin: membangunkan bakat masa depan, mempercepatkan penerapan teknologi dan inovasi, meningkatkan keterangkuman dan infrastruktur pengangkutan serta memantapkan perkhidmatan awam

 Lapan sektor berimpak tinggi: E&E, perkhidmatan global, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biomas

 Sektor-sektor ini telah dipilih berdasarkan potensi pemangkinnya dan akan dibangunkan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi termaju dan trend global pendigitalan serta keupayaan khusus Malaysia

Pada bulan November 2021, sebanyak 136 negara termasuk Malaysia telah bersetuju dengan perjanjian untuk memastikan syarikat membayar kadar cukai minimum global sebanyak 15 peratus. Perjanjian penting ini adalah hasil inisiatif Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk menangani cabaran dalam hal percukaian yang timbul hasil peningkatan pesat teknologi perniagaan dan peningkatan tahap pengelakan cukai oleh syarikat yang mengalihkan hasil pendapatan daripada sumber tidak nyata seperti paten perubatan, perisian dan royalti ke negara bercukai rendah bagi mengelak pembayaran cukai yang lebih tinggi di negara asal.

Cadangan kadar cukai minimum global yang akan berkuat kuasa pada tahun 2023 dijangka akan mengubah hala tuju kerajaan dalam menarik FDI ke dalam negara masing-masing. Seperti kebanyakan negara, Malaysia telah memperkenalkan pelbagai insentif cukai untuk menarik pelaburan. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini tumpuan ini telah dialihkan ke arah pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan melalui pendekatan yang menyasarkan produk, teknologi dan perkhidmatan khusus untuk mengisi jurang dalam industri utama negara serta memantapkan tarikan lain seperti bakat, infrastruktur dan kapasiti syarikat domestik untuk melengkapkan keseluruhan ekosistem pelaburan.

Kerajaan Malaysia juga telah memulakan kajian semula secara komprehensif terhadap rangka kerja insentif cukai sedia ada untuk meningkatkan daya saing, ketelusan dan keupayaan dalam menarik pelaburan yang berkesan dan lestari. Kajian semula ini memberi tumpuan terhadap memperkemas insentif cukai, menambah baik proses permohonan dan meningkatkan mekanisme pemantauan pasca kelulusan untuk memastikan pematuhan pelabur terhadap syarat insentif cukai. Cadangan kadar cukai minimum global ini akan mempengaruhi usaha berterusan Kerajaan Malaysia dalam menambah baik struktur cukai dan memperhalusi strategi pengalakan pelaburan negara.

Kajian Semula Rangka Kerja Insentif Cukai





Melangkah ke hadapan, MIDA akan terus menambah baik pemboleh dan faktor pelaburan lestari seperti ekosistem serta rantaian bekalan domestik, pembangunan bakat masa depan, kerjasama industri-akademia dalam R&D&C dan inovasi, penyampaian dan kecekapan kerajaan, infrastruktur (IT, ketersambungan) dan landskap teknologi pendigitalan (Industri 4.0) untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.

Ini termasuk menaik taraf kawasan perindustrian sedia ada untuk memudahkan aktiviti pelaburan. Malaysia mempunyai kelebihan daya saing dari segi taman perindustrian khusus yang memenuhi keperluan industri dan aktiviti tertentu seperti industri berskala kecil, industri Halal, taman industri perabot, taman bioteknologi, industri berintensifkan teknologi dan aktiviti R&D. Di antara objektif menaik taraf taman perindustrian ini adalah untuk menggabungkan penerapan elemen Industri 4.0 (seperti pengkomputeran awan, pemantauan jarak jauh dan penyelenggaraan ramalan) dan mewujudkan program taman eko-industri. MIDA menyokong inisiatif ini menerusi penglibatan dengan pelabur dan

mengenal pasti ciri penambahbaikan yang diperlukan di kawasan-kawasan perindustrian. Ketersediaan taman perindustrian bertaraf dunia membantu dalam menyokong dan menggalakkan pelaburan serta menjana produktiviti dan perlindungan alam sekitar.



Melangkah ke hadapan, MIDA akan terus menambah baik pemboleh dan faktor pelaburan lestari seperti ekosistem serta rantaian bekalan domestik, pembangunan bakat masa depan, kerjasama industri-akademia dalam R&D&C dan inovasi, penyampaian dan kecekapan kerajaan, infrastruktur (IT, ketersambungan) dan landskap teknologi pendigitalan (Industri 4.0) untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.

Menyedari prospek syarikat domestik dalam memacu pertumbuhan ekonomi, MIDA turut menyokong syarikat tempatan dalam meluaskan liputan pasaran mereka dan menerapkan amalan terbaik dengan memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan global. MIDA akan terus memacu aktiviti penyumberan tempatan untuk menghubungkan syarikat MNC dan LLC dengan syarikat pertengahan (MTC) dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menerusi program persidangan rantaian bekalan dan acara rangkaian serta menjalankan program pembangunan vendor (VDP) untuk meningkatkan keupayaan vendor tempatan.

MIDA menyedari kepentingan bakat sebagai faktor dalam menarik pelaburan. Di samping program latihan semula dan peningkatan bakat yang terus dijalankan, MIDA juga akan menyokong inisiatif yang tertumpu dalam menyediakan tenaga kerja untuk industri masa depan berikutan kemunculan teknologi disruptif.

Sebagai contoh, MIDA akan bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pemain industri E&E pada tahun 2022 untuk memperkemas dan menambahbaik kurikulum institusi pengajian tinggi. Melalui inisiatif ini, latihan industri juga akan disediakan untuk membangunkan kemahiran kritikal dalam bidang seperti reka bentuk industri, analisis data, kejuruteraan kreatif dan integrasi sistem. Ini akan mengurangkan jurang di antara permintaan industri dan bakat yang diwujudkan.

Berdasarkan prospek ekonomi tahun 2022 yang optimistik, MIDA akan terus bersedia dalam memantau perubahan landskap yang dinamik dan berusaha bagi mengekalkan persekitaran perniagaan yang berdaya tahan yang boleh menarik pelaburan berkualiti, menghubungkan syarikat tempatan ke dalam rantaian bekalan global dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi serta peluang untuk rakyat Malaysia.

Lampiran 1: Projek Perkilangan yang Diluluskan, 2021 dan 2020

	2021			2020		
	BAHARU	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN	JUMLAH	BAHARU	PEMBESARAN/ PELBAGAIAN	JUMLAH
Jumlah	386	316	702	548	502	1,050
Peluang Pekerjaan	42,204	32,371	74,575	56,048	24,187	80,235
Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)*	153,381.7	41,706.2	195,087.9	61,061.2	30,201.9	91,263.1
Domestik (RM juta)	8,725.1	6,764.2	15,489.3	24,308.4	10,374.8	34,683.1
Asing (RM juta)	144,656.6	34,942.0	179,598.6	36,752.8	19,827.1	56,579.9

Nota.* Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 2: Projek Perkilangan Baharu yang Diluluskan mengikut Saiz Pelaburan Modal, 2021 dan 2020

	2021						2020					
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*		
Kurang daripada RM 2.5 juta	7	75	6.2	0.4	6.6	12	211	19.5	2.2	21.7		
RM 2.5 juta - < RM 5.0 juta	22	357	86.2	0.4	86.6	30	529	10.9	9.3	118.0		
RM 5.0 juta - < RM 10.0 juta	90	2,755	604.4	84.6	689.1	109	3,444	648.8	150.3	799.1		
RM 10.0 juta - < RM 50.0 juta	213	12,281	3,437.9	909.7	4,347.7	308	19,890	4,751.8	1,728.4	6,480.2		
RM 50.0 juta - < RM 100.0 juta	16	1,770	564.6	566.7	1,131.3	40	6,261	1,436.4	1,421.1	2,857.5		
RM 100.0 juta - < RM 500.0 juta	25	5,501	2,483.2	1,990.2	4,473.4	32	8,234	2,295.5	3,775.9	6,071.4		
RM 500.0 juta - < RM 1.0 bilion	1	1,884	0.0	663.1	663.1	8	6,773	3,392.2	2,018.5	541.1		
RM 1.0 bilion dan ke atas	12	17,581	1,542.5	140,441.5	141,984.0	9	10,706	11,655.5	27,647.1	39,302.6		
JUMLAH	386	42,204	8,725.1	144,656.6	153,381.7	548	56,048	24,308.4	36,752.8	61,061.2		

Nota.* Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 3: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Industri, 2021 dan 2020

INDUSTRI**	2021					2020				
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Elektrik & Elektronik	94	28,362	1,711.2	146,265.8	147,977.0	148	19,541	2,087.6	13,550.8	15,638.4
Produk Logam Asas	22	9,283	264.7	19,173.3	19,438.0	13	4,572	331.1	14,053.7	14,384.8
Kimia & Produk Kimia	89	3,048	2,276.5	3,483.4	5,759.9	74	3,562	1,636.5	4,633.8	6,270.3
Produk Getah	40	12,229	4,865.8	891.1	5,756.9	42	11,498	3,889.8	405.8	4,295.6
Pengilangan Makanan	77	5,354	1,574.3	3,814.7	5,389.0	103	4,891	2,327.8	967.0	3,294.9
Kelengkapan Pengangkutan	44	2,318	992.1	1,191.2	2,183.3	91	5,245	2,155.8	1,721.4	3,877.2
Peralatan Sainifik & Pengukuran	13	807	85.7	2,031.1	2,116.8	30	1,343	347.7	1,898.8	2,246.5
Produk Fabrikasi Logam	90	3,392	1,176.9	544.7	1,721.6	101	4,241	1,882.2	788.9	2,671.1
Jentera & Kelengkapan	48	2,501	576.9	1,090.6	1,667.6	93	4,569	2,321.6	4,764.1	7,085.7
Produk Plastik	45	2,006	488.6	288.5	777.1	64	2,639	867.9	274.7	1,142.6
Kertas, Percetakan & Penerbitan	34	1,413	392.8	156.6	549.4	70	6,038	918.9	6,918.7	7,837.6
Produk Mineral Bukan Logam	17	782	311.3	111.6	422.9	50	2,774	583.6	1,670.3	2,253.9
Kayu & Produk Kayu	20	950	180.4	178.2	358.5	29	2,092	267.3	491.7	759.0
Tekstil & Produk Tekstil	15	304	54.7	241.0	295.7	53	2,486	979.5	129.2	1,108.7
Perabot & Kelengkapan	30	1,033	203.4	41.2	244.6	47	2,679	365.5	353.7	719.2
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	5	147	186.3	38.8	225.1	11	765	12,551.1	2,942.6	15,493.7
Kulit & Produk Kulit	1	75	31.8	0.0	31.8	2	40	8.9	30.2	39.1
Minuman & Tembakau	6	38	28.6	0.1	28.7	17	792	1,027.5	944.0	1,971.6
Lain-lain	12	533	87.3	56.8	144.1	12	468	132.8	40.4	173.2
JUMLAH	702	74,575	15,489.3	179,598.6	195,087.9	1,050	80,235	34,683.1	56,579.9	91,263.1

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 ** Pelaporan Data adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)*

Lampiran 4: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Pelaburan berjumlah RM100 juta dan ke atas, 2021

INDUSTRI**	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Elektrik & Elektronik	6	13,842	0.0	126,547.8	126,547.8	16	9,624	555.6	19,148.7	19,704.3	22	23,466	555.6	145,696.5	146,252.0
Produk Logam Asas	3	4,142	5.3	8,785.0	8,790.3	4	4,398	0.0	10,230.8	10,230.8	7	8,540	5.3	19,015.8	19,021.1
Produk Getah	8	3,830	2,120.8	281.7	2,402.5	5	6,673	2,275.6	482.5	2,758.1	13	10,503	4,396.4	764.1	5,160.6
Kimia & Produk Kimia	5	324	658.5	1,309.3	1,967.8	5	227	891.9	1,593.7	2,485.6	10	551	1,550.4	2,903.0	4,453.4
Pengilangan Makanan	6	1,439	536.2	3,455.5	3,991.8	2	980	105.5	250.0	355.5	8	2,419	641.7	3,705.5	4,347.3
Peralatan Sainifik & Pengukuran	1	278	0.0	1,947.0	1,947.0	-	-	-	-	-	1	278	0.0	1,947.0	1,947.0
Kelengkapan Pengangkutan	2	395	282.2	0.0	282.2	2	528	250.0	1,001.5	1,251.5	4	923	532.2	1,001.5	1,533.7
Jentera & Kelengkapan	2	248	0.0	418.8	418.8	2	104	0.0	344.3	344.3	4	352	0.0	763.1	763.1
Produk Fabrikasi Logam	3	315	263.1	226.8	489.9	-	-	-	-	-	3	315	263.1	226.8	489.9
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	1	12	159.5	0.0	159.5	-	-	-	-	-	1	12	159.5	0.0	159.5
Tekstil & Produk Tekstil	-	-	-	-	-	1	36	0.0	150.0	150.0	1	36	0.0	150.0	150.0
Kayu & Produk Kayu	1	141	0.0	123.0	123.0	-	-	-	-	-	1	141	0.0	123.0	123.0
JUMLAH	38	24,966	4,025.6	143,094.8	147,120.5	37	22,570	4,078.6	33,201.5	37,280.1	75	47,536	8,104.2	176,296.4	184,400.6

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 ** Pelaporan Data adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)*

Lampiran 5: Projek Perkilangan Baharu dan Pembesaran/Pelbagaian yang Diluluskan mengikut Industri, 2021 dan 2020

INDUSTRI**	2021						2020					
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH		BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Elektrik & Elektronik	26	126,978.8	68	20,998.2	94	147,977.0	53	5,439.1	95	10,199.3	148	15,638.4
Produk Logam Asas	15	9,145.6	7	10,292.4	22	19,438.0	8	14,309.2	5	75.7	13	14,384.8
Kimia & Produk Kimia	53	2,796.9	36	2,963.0	89	5,759.9	41	4,962.1	33	1,308.2	74	6,270.3
Produk Getah	22	2,765.0	18	2,991.9	40	5,756.9	31	3,874.5	11	421.2	42	4,295.6
Pengilangan Makanan	61	4,818.9	16	570.0	77	5,389.0	61	1,088.0	42	2,206.9	103	3,294.9
Kelengkapan Pengangkutan	21	678.8	23	1,504.5	44	2,183.3	44	1,776.8	47	2,100.4	91	3,877.2
Peralatan Saintifik & Pengukuran	6	2,015.5	7	101.3	13	2,116.8	5	1,956.2	25	290.2	30	2,246.5
Produk Fabrikasi Logam	52	1,283.4	38	438.2	90	1,721.6	63	2,132.1	38	539.0	101	2,671.1
Jentera & Kelengkapan	27	912.0	21	755.6	48	1,667.6	51	3,091.2	42	3,994.5	93	7,085.7
Produk Plastik	24	441.9	21	335.2	45	777.1	35	588.1	29	554.5	64	1,142.6
Kertas, Percetakan & Penerbitan	21	373.5	13	175.9	34	549.4	38	6,041.3	32	1,796.3	70	7,837.6
Produk Mineral Bukan Logam	11	220.1	6	202.9	17	422.9	35	1,780.7	15	473.2	50	2,253.9
Kayu & Produk Kayu	18	347.5	2	11.0	20	358.5	21	663.1	8	96.0	29	759.0
Tekstil & Produk Tekstil	4	39.1	11	256.6	15	295.7	12	320.2	41	788.5	53	1,108.7
Perabot & Kelengkapan	14	183.9	16	60.7	30	244.6	30	636.1	17	83.1	47	719.2
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	4	221.1	1	4.0	5	225.1	8	12,134.3	3	3,359.4	11	15,493.7
Kulit & Produk Kulit	1	31.8	-	-	1	31.8	1	35.1	1	4.0	2	39.1
Minuman & Tembaku	1	13.8	5	15.0	6	28.7	8	191.4	9	1,780.2	17	1,971.6
Lain-lain	5	114.3	7	29.8	12	144.1	3	41.7	9	131.5	12	173.2
JUMLAH	386	153,381.7	316	41,706.2	702	195,087.9	548	61,061.2	502	30,201.9	1,050	91,263.1

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 ** Pelaporan Data adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)*

Lampiran 6: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Majoriti Milik Rakyat Malaysia mengikut Industri, 2021 dan 2020

INDUSTRI**	2021						2020					
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH		BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAN		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Produk Getah	20	2,737.3	12	2,475.3	32	5,212.6	26	3,797.1	8	313.8	34	4,110.9
Kimia & Produk Kimia	41	741.2	20	1,131.4	61	1,872.6	28	582.0	21	1,158.4	49	1,740.3
Elektrik & Elektronik	17	332.3	38	1,396.3	55	1,728.6	28	997.9	23	1,017.3	51	2,015.2
Pengilangan Makanan	55	1,306.6	13	288.4	68	1,595.0	51	862.1	33	1,226.8	84	2,088.9
Produk Fabrikasi Logam	43	860.7	28	284.2	71	1,144.9	48	1,520.6	26	415.4	74	1,936.0
Kelengkapan Pengangkutan	17	574.7	18	419.5	35	994.2	38	1,474.5	32	631.7	70	2,106.2
Jentera & Kelengkapan	15	225.5	15	363.1	30	588.6	42	639.9	33	1,729.6	75	2,369.4
Produk Plastik	21	330.3	13	141.9	34	472.3	31	486.3	23	423.3	54	909.7
Kertas, Percetakan & Penerbitan	19	288.0	11	94.2	30	382.2	29	442.8	23	490.3	52	933.0
Produk Mineral Bukan Logam	10	182.7	5	179.6	15	362.2	20	443.6	8	134.2	28	577.8
Produk Logam Asas	10	242.7	2	3.4	12	246.1	6	258.2	4	75.6	10	333.8
Perabot & Kelengkapan	12	147.2	14	56.2	26	203.5	20	286.7	15	67.5	35	354.2
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	3	171.1	1	4.0	4	175.1	5	11,935.3	-	-	5	11,935.3
Kayu & Produk Kayu	14	163.2	2	11.0	16	174.2	14	249.9	7	35.6	21	285.5
Peralatan Sainifik & Pengukuran	4	56.2	2	29.9	6	86.1	4	121.7	20	233.5	24	355.2
Tekstil & Produk Tekstil	4	39.1	5	24.8	9	63.9	9	229.1	34	767.0	43	996.2
Kulit & Produk Kulit	1	31.8	-	-	1	31.8	-	-	1	4.0	1	4.0
Minuman & Tembakau	1	13.8	4	14.8	5	28.6	6	122.9	7	451.3	13	574.2
Lain-lain	4	58.1	5	29.2	9	87.3	2	21.5	5	106.3	7	127.8
JUMLAH	311	8,502.2	208	6,947.6	519	15,449.7	407	24,472.1	323	9,281.5	730	33,753.7

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 ** Pelaporan Data adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008* (MSIC 2008)

Lampiran 7: Projek yang Diluluskan bagi Industri Sokongan Kejuruteraan mengikut Subsektor, 2021

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Pemesinan	11	659	134.2	128.2	262.4	15	350	85.4	40.9	126.2	26	1,009	219.5	169.1	388.6
Jig & Lekapan	7	422	131.4	0.0	131.4	2	105	93.6	0.0	93.6	9	527	225.0	0.0	225.0
Kejuruteraan Permukaan	3	130	51.0	6.8	57.8	1	38	0.0	13.3	13.3	4	168	51.0	20.1	71.0
Tuangan	1	31	0.0	26.7	26.7	1	22	14.3	3.9	18.2	2	53	14.3	30.6	44.8
Rawatan Haba	3	118	15.7	19.7	35.4	-	-	-	-	-	3	118	15.7	19.7	35.4
Pengecapan	2	165	29.5	0.0	29.5	1	0	0.6	0.0	0.6	3	165	30.1	0.0	30.1
Acuan, Peralatan & Dai	3	100	22.3	0.0	22.3	4	0	3.6	0.0	3.6	7	100	25.9	0.0	25.9
Alat Pemotong	1	19	6.5	0.0	6.5	-	-	-	-	-	1	19	6.5	0.0	6.5
JUMLAH	31	1,644	390.5	181.5	572.0	24	515	197.3	58.1	255.4	55	2,159	587.9	239.5	827.4

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 8: Projek yang Diluluskan dalam Industri Jentera & Kelengkapan mengikut Subsektor, 2021

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER-JAJAN (RM JUTA)	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER-JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Modul Jentera/Kelengkapan atau Alat Ganti/Komponen Perindustrian	13	761	51.8	551.5	603.4	5	146	6.5	213.8	220.3	18	907	58.3	765.3	823.7
Jentera dan Kelengkapan Khusus untuk Industri Tertentu	6	253	38.7	91.1	129.8	10	482	283.7	178.1	461.9	16	735	322.4	269.2	591.7
Jentera dan Kelengkapan Perindustrian Am	3	288	32.9	25.3	58.2	2	200	42.0	-	42.0	5	488	74.9	25.3	100.2
Jentera dan Kelengkapan Penjanaan Tenaga	1	96	25.0	0.0	25.0	-	-	-	-	-	1	96	25.0	0.0	25.0
Penyelenggaraan, Penaiktarafan atau Pembaikan M&E (Pengubahsuaian)	1	26	0.0	8.2	8.2	1	16	0.0	1.9	1.9	2	42	0.0	10.0	10.0
JUMLAH	24	1,424	148.5	676.1	824.6	18	844	332.3	393.8	726.0	42	2,268	480.7	1,069.9	1,550.6

Noia .* Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 9: Projek yang Diluluskan dalam Industri Elektrikal & Elektronik mengikut Subsektor, 2021

SUBSEKTOR	BAHARU				PEMBESARAN/PELBAGAIAN				JUMLAH						
	BIL.	PEKER -JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER -JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	PEKER -JAJAN	PELABURAN DOMESTIK (RM JUTA)	PELABURAN ASING (RM JUTA)	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Komponen Elektronik	8	8,518	76.3	82,057.5	82,133.8	23	3,953	511.2	10,256.9	10,768.0	31	12,471	587.4	92,314.4	92,901.8
Komponen Elektrik	8	3,886	165.6	42,248.7	42,414.3	11	5,079	381.5	4,577.1	4,958.6	19	8,965	547.2	46,825.7	47,372.9
Elektronik Pengguna	-	-	-	-	-	12	2,984	149.5	4,017.5	4,167.0	12	2,984	149.5	4,017.5	4,167.0
Elektronik Industri	3	276	18.3	1,610.5	1,628.8	7	125	37.6	20.8	58.4	10	401	55.8	1,631.3	1,687.2
Produk Elektrik	5	2,150	30.7	738.6	769.3	3	376	59.6	464.1	523.7	8	2,526	90.3	1,202.7	1,292.9
Elektrik Perindustrian	2	115	32.7	0.0	32.7	12	900	248.3	274.2	522.5	14	1,015	281.1	274.2	555.3
JUMLAH	26	14,945	323.6	126,655.3	126,978.8	68	13,417	1,387.6	19,610.6	20,998.2	94	28,362	1,711.2	146,265.8	147,977.0

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 10: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penglibatan Asing mengikut Sumber, 2021 dan 2020

NEGARA ***	2021			2020		
	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*	BIL.	PEKERJAAN	PELABURAN ASING (RM JUTA)*
Belanda	14	4,092	74,909.3	14	4,995	6,536.9
Singapura	73	10,903	46,567.0	120	9,080	8,832.6
Austria	3	7,086	18,920.4	-	-	-
China	43	13,898	16,604.2	71	10,376	17,752.4
Jepun	25	3,318	7,536.5	59	2,508	1,650.6
Republik Korea	7	1,210	7,334.1	8	686	1,379.3
Kepulauan British Virgin	3	267	3,322.2	12	2,460	5,494.8
AS	21	1,690	1,146.1	28	3,136	3,664.1
Jerman	13	554	820.8	8	171	1,183.5
Taiwan	15	1,571	648.5	20	1,831	760.8
Luxembourg	1	500	250.0	-	-	-
Switzerland	4	146	225.0	9	727	2,762.4
Hong Kong	8	774	194.3	27	4,093	2,932.0
Denmark	2	37	150.1	-	-	-
United Kingdom	13	1,297	142.2	6	313	52.9
Australia	9	317	117.6	6	312	94.6
Kanada	3	184	65.5	1	46	3.9
India	6	208	52.1	3	55	0.6
Finland	1	0	21.3	-	-	-
Indonesia	2	329	14.1	2	70	56.2
New Zealand	1	81	11.6	-	-	-
Thailand	2	63	11.4	6	290	1,858.6
Macau SAR, China	1	26	7.3	-	-	-
Ireland	1	54	6.4	-	-	-
Bermuda	2	28	4.9	1	0	0.9
Pakistan	2	22	2.7	-	-	-
Perancis	1	11	2.2	4	111	75.5
Brunei	2	63	0.0	-	-	-
Belgium	-	-	-	1	32	35.0
Itali	-	-	-	2	83	38.0
Filipina	-	-	-	2	73	64.1
Sri Lanka	-	-	-	1	7	3.1
Sweden	-	-	-	1	17	4.7
Mesir	-	-	-	1	57	6.8
Arab Saudi	-	-	-	1	60	7.7
Syria	-	-	-	1	57	6.8
Turki	-	-	-	1	25	1.1
Emiriah Arab Bersatu	-	-	-	1	32	9.8
Belize	-	-	-	1	69	14.1
Nepal	-	-	-	1	0	0.0
Samoa	-	-	-	2	281	60.3
Swaziland	-	-	-	1	300	135.3
Wilayah Laut British India	-	-	-	1	85	47.3
Kepulauan Cayman	-	-	-	5	1,038	920.5
Lain-lain	14	909	511.0	46	1,048	132.6
JUMLAH	**	**	179,598.6	**	**	56,579.9

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan
 ** Pelaporan Data adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008* (MSIC 2008)

Lampiran 11: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Negeri, 2021 dan 2020

NEGERI	2021						2020					
	BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAAN		JUMLAH		BAHARU		PEMBESARAN/ PELBAGAIAAN		JUMLAH	
	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	BIL.	JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*
Pulau Pinang	57	73,356.6	54	2,867.1	111	76,223.7	70	8,604.0	96	5,509.0	166	14,113.0
Kedah	26	57,130.6	22	9,088.7	48	66,219.3	31	3,089.3	45	975.9	76	4,065.2
Pahang	7	2,020.5	7	8,469.9	14	10,490.4	16	3,088.0	14	1,696.5	30	4,784.5
Selangor	152	2,992.2	95	4,518.8	247	7,511.0	200	10,323.0	124	8,102.2	324	18,425.2
Johor	59	3,239.9	75	3,713.4	134	6,953.2	124	3,898.2	108	2,886.1	232	6,784.3
Perak	25	4,968.4	18	1,112.9	43	6,081.3	30	1,914.5	30	1,412.7	60	3,327.1
Sarawak	2	49.4	4	5,618.5	6	5,667.9	15	15,611.7	9	118.8	24	15,730.5
Sabah	11	4,848.0	3	13.4	14	4,861.4	8	11,727.9	7	225.8	15	11,953.7
Melaka	10	511.3	8	3,410.7	18	3,922.0	10	518.3	31	1,437.8	41	1,956.1
Terengganu	7	3,365.0	5	466.4	12	3,831.4	5	56.2	4	1,855.2	9	1,911.4
Negeri Sembilan	15	605.0	15	2,296.1	30	2,901.2	24	1,407.0	24	4,771.5	48	6,178.6
W.P. Kuala Lumpur	10	166.5	7	111.8	17	278.4	9	115.8	8	1,190.7	17	1,306.5
Kelantan	3	90.7	-	-	3	90.7	1	37.1	1	6.7	2	43.9
W.P. Labuan	1	25.1	3	18.5	4	43.6	2	70.2	-	-	2	70.2
Perlis	1	12.3	-	-	1	12.3	3	599.9	1	13.0	4	612.9
JUMLAH	386	153,381.7	316	41,706.2	702	195,087.9	548	61,061.2	502	30,201.9	1,050	91,263.1

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan

Lampiran 12: Pelaburan yang Diluluskan dalam Pelbagai Sektor Perkhidmatan, 2021 dan 2020


SEKTOR PERKHIDMATAN	BILANGAN		PELUANG PEKERJAAN		JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020
Hartanah	1,044	1,045	NA	NA	28,811.7	31,250.0
Pertubuhan Global	102	141	3,838	704	19,658.5	595.2
Perkhidmatan Kewangan	53	28	969	221	12,029.7	2,500.9
Utiliti	27	0	NA	NA	9,611.5	10,762.3
Telekomunikasi	450	615	2,026	4,074	8,179.2	12,202.1
Perkhidmatan Sokongan	954	753	3,555	6,281	5,964.1	5,180.6
Perdagangan Pengeedaran	908	613	14,392	18,186	3,598.9	3,736.6
Hotel & Pelancongan	29	38	2,949	2,088	3,449.2	2,833.7
Pengangkutan	24	9	189	0	1,593.3	654.2
Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	5	1	869	73	741.0	8.8
Perkhidmatan Pendidikan	199	435	924	1,887	410.3	218.7
Perkhidmatan Lain	8	7	198	214	76.2	98.4
JUMLAH	3,803	3,685	29,909	33,728	94,123.8	70,041.7

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan


Lampiran 13: Pelaburan yang Diluluskan dalam Sektor Utama, 2021 dan 2020

SEKTOR UTAMA	BILANGAN		PELUANG PEKERJAAN		JUMLAH PELABURAN MODAL (RM JUTA)*	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020
Perlombongan	19	11	37	24	17,096.3	6,061.9
Perladangan & Komoditi	34	11	388	804	211.4	27.0
Pertanian	6	1	103	3	20.5	2.4
JUMLAH	59	23	528	831	17,328.3	6,091.4

Nota : * Disebabkan pembundaran, angka yang dipaparkan dalam dokumen ini mungkin apabila ditambah, tidak menepati jumlah yang dinyatakan



www.mida.gov.my



MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 2267 3633 | Emel: investmalaysia@mida.gov.my